

**Jilid III
Bil. 2**



**Hari Selasa
14hb April, 1981**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 157]

USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong [Ruangan 199]**

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., B.K.T., P.P.T.
(Dilantik)

- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR,
S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL
HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P.,
P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam
Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN TAHIR, S.M.T., B.C.K., P.J.K.
(Kedah).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M.,
D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N.,
J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P.
(Dilantik).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P.
(Dilantik).
- „ TUAN DAIM BIN ZAINUDDIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ DATO HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S.,
S.M.J. (Dilantik).
- „ PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM *alias* HASNAH FATIMAH
BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

- Yang Berhormat DATO SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak)
- „ TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ DATO HAJI ISMAIL BIN HASSAN, D.P.M.J., P.I.S. (Johor).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik)
- „ TUAN SYED KAMARULZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD, K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- „ DATO HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, D.S.D.K., K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik)
- „ TUAN HAJI LATIF BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TUAN LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ DATO HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATO HAJI MOHD. NOR MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T., S.M.S., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN M. MUTHU PALANIAPPAN, A.M.N., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan)
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).

- Yang Berhormat DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M.
(Dilantik).
- ” TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- ” DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S.,
B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- ” PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- ” TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- ” PUAN ROGAYAH ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- ” PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T.
(Dilantik).
- ” TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S.,
D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- ” TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- ” DATO SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N.,
B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- ” TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- ” TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- ” TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- ” TUAN HAJI YAACOB BIN HAJI ENGKU YUNUS, P.P.N. (Kelantan).
- ” TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- ” TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Haji Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

 Selasa, 14hb April, 1981

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**HOSPITAL BESAR MELAKA—
UNIT PENYELENGGARAAN**

1. **Tuan Loh Kee Peng** minta Menteri Kesihatan memberitahu bilakah Kementeriannya dapat membentuk satu pasukan penyelenggara (maintenance corps) yang khusus bagi Hospital Besar Melaka yang akan dapat membaiki sebarang kerosakan kepada lif-lif, perkakas-perkakas dan sebagainya dengan serta-merta tanpa merujuk kepada Jabatan Kerja Raya untuk membaikinya.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar keperluan satu unit khas untuk menyelenggara dan memperbaiki kerosakan kepada alat-alat dan perkakas-perkakas di hospital-hospital.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu bahagian khas iaitu Bahagian Kejuruteraan telahpun ditubuhkan di Kementerian yang akan bertanggungjawab tentang penyelenggaraan alat-alat dan perkakas-perkakas di hospital-hospital.

Untuk tujuan ini, maka satu bengkel (workshop) akan dibina di Hospital Besar Melaka dalam Rancangan Malaysia Keempat. Akan tetapi saya suka menjelaskan bahawa unit-unit penyelenggaraan itu tidak boleh mengambilalih semua tugas yang sekarang dijalankan oleh pihak Jabatan Kerja Raya seperti kerja-kerja memperbaiki kerosakan-kerosakan yang besar.

**PEKERJA MAHIR DAN
SEPARUH MAHIR**

2. **Tuan Alexander Y. L. Lee** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) apakah kadar yang sepatutnya antara pekerja-pekerja mahir dan separuh mahir di Malaysia sekarang; dan
- (b) adakah Kerajaan sedar akan adanya pekerja-pekerja separuh mahir di negara ini. Jika sedar, apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki keadaan ini selaras dengan kehendak pembangunan negara di bawah Rancangan Malaysia Keempat dan Kelima.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab bahagian (a) Kerajaan tidak dapat menentukan kadar yang sepatutnya dipakai antara pekerja-pekerja mahir dan separuh mahir kerana kadar-kadar yang digunakan oleh majikan-majikan dalam menjalankan kerja-kerja mereka adalah berbeza-beza antara satu dengan yang lain dan juga kadar ini adalah berbeza antara satu bidang kerja dengan lain. Walau bagaimanapun, kadar-kadar yang digunakan oleh majikan-majikan sekarang adalah bersesuaian dengan bidang kerja masing-masing. Sebagai contohnya dalam bidang kerja pembinaan kadar yang biasa diamalkan ialah seorang pekerja mahir bagi enam (6) hingga (8) orang pekerja separuh mahir. (b) Kerajaan memang sedar akan adanya pekerja-pekerja separuh mahir di Negara ini. Untuk memperbaiki keadaan pekerja separuh mahir supaya dapat menjadi pekerja-pekerja mahir, Kerajaan telah dan akan mengambil langkah-langkah menggalakkan mereka mengikuti latihan meninggikan kemahiran di Institut-institut Latihan Perindustrian dan Institusi-institusi

Kemahiran Kerajaan yang sedia ada dan 8 buah lagi yang dicadangkan untuk dibina dalam Rancangan Malaysia Keempat nanti.

Di samping itu lain-lain Kementerian dan Agensi-agensi Kerajaan seperti Kementerian Pelajaran, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan MARA akan juga melipatganda program latihan mereka masing-masing, untuk mengeluarkan lebih ramai lagi pekerja-pekerja mahir bagi menemui matlamat Rancangan Malaysia Keempat.

Kerajaan melalui Kementerian saya, juga sentiasa menggalakan majikan-majikan swasta mewujudkan skim latihan mereka sendiri sebagai tambahan kepada latihan yang disediakan oleh Kerajaan. Dalam Latihan Perindustrian peringkat tinggi (Advanced Level) dalam Rancangan Malaysia Keempat bagi menambahkan lagi peluang-peluang latihan kepada pekerja-pekerja separuh mahir mengikuti latihan meningkatkan kemahiran mereka.

Walau bagaimanapun, dalam perkara ini usaha-usaha Kerajaan sahaja tidak akan cukup untuk mencapai matlamat ini. Oleh yang demikian, saya ingin menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sekali yang mewakili pihak majikan di Sektor Swasta supaya turut bekerjasama dengan pihak Kerajaan untuk mengadakan latihan-latihan mereka sendiri supaya usaha-usaha kita bagi mengeluarkan lebih ramai lagi pekerja-pekerja mahir akan mendapat kejayaan yang lebih.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan, malangnya Menteri penuh tidak hadir. Ini fasal pekerja-pekerja buruh di tanahair kita, soal mahir-sepenuh mahir, separuh mahir dan tiga suku mahir, kepada saya tidak ada masalah. Tetapi saya hendak bertanya oleh kerana negara kita sebagai sebuah negara yang membangun perlukan pekerja-pekerja buruh kita sepenuhnya di tanahair kita ini; bolehkah Majlis ini tahu yang sebenarnya pekerja-pekerja buruh di tanahair kita sekarang tidak mencukupi. Jika benar, saya hendak bertanya adakah Kementerian ini sudah

berbuat sesuatu dengan negara-negara jiran, misalnya negara jiran yang dekat Indonesia, buruh-buruh daripada sana kita ambil sebagai memenuhi keperluan negara kita yang membangun dalam Rancangan Malaysia Keempat yang kita sama-sama ikuti sekarang.

Tuan William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian sedar tentang kekurangan tenaga rakyat di negara kita tetapi mengambil pekerja-pekerja dari luar negeri adalah satu masalah yang rumit dan pada masa sekarang Kementerian saya dengan Kementerian-kementerian yang lain pun masih mengkaji perkara ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Ma'af, saya hendak bertanya lagi. Setakat ini bolehkah Dewan ini tahu, berapa anggaran kekurangan pekerja-pekerja buruh di Malaysia; adakah meningkat sampai 500,000 ataupun 300,000 misalnya atau bagaimana keadaan kita?

Tuan William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kajian belum lagi siap, oleh itu angka itu saya tidak dapat beri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ismail bin Hashim.

Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 3

LAPORAN ODIT— JABATAN ODIT NEGARA

3. **Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan apakah sebabnya Jabatan Odit Negara mengambil masa yang begitu lama untuk mengodit laporan Kewangan satu-satu Jabatan Kerajaan Negeri atau agensi-agensi Kerajaan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Ketua Odit Negara dapat menyediakan pemeriksaan odit atas Penyata Kewangan sesuatu Jabatan atau organisasi Kerajaan bergantung kepada keadaan atau mutu kira-kira dan rekod kewangan yang

disimpan sama ada teratur dan sempurna. Jika tidak, pemeriksaan odit akan mengambil masa kerana Pegawai Odit perlu menyiariat untuk mendapat maklumat dan penjelasan lanjut dari Jabatan atau agensi berkenaan.

Walau bagaimanapun, Penyata Kewangan Tahunan bagi sebuah negeri tidak dapat disampaikan kepada Odit sehingga kira-kira sesuatu Jabatan telah dikumpulkan sebagai Penyata Kewangan yang lengkap. Oleh yang demikian, apa-apa kesilapan yang terdapat dalam Penyata Kira-kira sesebuah Jabatan boleh melambatkan penyediaan Penyata Kira-kira Tahunan Negeri-negeri berkenaan dan seterusnya melambatkan pemeriksaan odit.

Dato Haji Mohd. Nor Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, pada kebanyakannya laporan kewangan yang lambat dikeluarkan bukanlah semata-mata kerana Jabatan Odit Negara yang mengambil masa yang lama untuk mengodit, bahkan pada kebiasaannya kelambatan ini disebabkan oleh Jabatan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan yang tidak menyiapkan laporan sepenuhnya untuk diodit. Tetapi saya ingin tahu sama ada kakitangan-kakitangan professional dan pekerja-pekerja yang mahir mencukupi dalam Jabatan Odit Negara dan sama ada kebolehan mereka sesuai untuk mengodit kira-kira agensi Kerajaan yang berkecimpung dalam perusahaan dan perniagaan.

Datuk Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang dipertua, buat masa ini bolehlah dikatakan mencukupi. Walau bagaimanapun, langkah-langkah sedang diambil untuk menambahkan lagi bilangan mereka itu.

ANGGOTA ASEAN BAGI TAIWAN/JEPUN

4. Datuk Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Negeri Taiwan dan Jepun akan menjadi anggota ASEAN.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, mengikut isi kandungan Deklarasi Bangkok tahun 1967 yang menubuhkan ASEAN, Taiwan dan Jepun tidak boleh diterima

menjadi anggota ASEAN. Ini adalah kerana kedua-dua negara tersebut tidak terletak di rantau Asia Tenggara.

Datuk Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya soalan saya ini adalah berangkai-rangkai tetapi apabila saya hantar ke mari telah dicerai-ceraikan (*Ketawa*). Soalan saya adalah menumpukan kepada lawatan Perdana Menteri Jepun ke Malaysia pada bulan Januari. Jadi saya bertanya, apakah faedah yang didapati daripada segi politik dan ekonomi daripada lawatan itu, kemudian baru datang soalan nombor dua ini. Oleh kerana Jepun itu mengambil berat sangat kepada Malaysia ini, adakah cadangan hendak menerima negeri Jepun atau Taiwan ke dalam ASEAN. Tetapi oleh kerana soalan ini telah dipecahkan, jadi begini rupa; saya sendiri pun hairan! (*Ketawa*).

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya yang sebenarnya tidak mengetahui telah dicerai-ceraikan soalan Yang Berhormat itu. Yang sebenarnya semalam ada jawapan sepertimana Yang Berhormat ingin bertanya yang mana jawapan itu tidak dapat saya beri oleh sebab masanya singkat ataupun suntuk, maka saya sukalah mengatakan bersabit dengan Jepun, ASEAN buat masa sekarang ini sungguhpun tidak menjadi ahli, kita ada mengadakan dailog-dailog untuk kerjasama, memberikan pertolongan baikpun dari segi teknikal ataupun kemahiran kepada negara-negara yang maju seperti Jepun dan juga Jepun ada memberi kerjasama di segi kewangan kepada negara-negara ASEAN baikpun sebagai multi-lateral kumpulan ASEAN ataupun di atas asas dua-hala kerjasama di antara negara-negara ASEAN. Dan kerjasama ini buat masa ini, saya rasa sangatlah memuaskan dan pada masa-masa yang akan datang mungkin kerjasama ini akan diperbanyakkan, akan dipergalakkan di antara negara-negara ASEAN sama juga sebagai kumpulan ataupun dua-hala dengan negara Jepun tetapi Jepun tidak akan menjadi ahli bahkan hanya bekerjasama dailog yang membincangkan masalah-masalah yang sama berbangkit di antara ASEAN dengan Jepun.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan, oleh sebab soal luar negeri ini penting kita bincangkan, saya suka bertanya Yang Berhormat Menteri mengikut Deklarasi Bangkok adakah hanya 5 negeri sahaja dalam Tenggara Asia ini yang boleh diterima oleh ASEAN. Itu soalan saya yang pertama. Jikalau 5 sahaja, mengapa misalnya negeri Thailand berdekatan dengan Laos ataupun Kampuchea sama juga termasuk dalam Tenggara Asia, mengapa yang dekat dengan Thailand ini tidak boleh masuk di dalam ASEAN? Adakah di luar Tenggara Asia ataupun apakah istilah ASEAN itu yang sebenar-benarnya. ASEAN mengikut istilah itu adakah 5 negara itu sahaja?

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya hendak soal selanjutnya, saya suka bertanya dalam masalah jangkauan komunis di seluruh dunia khususnya di Tenggara Asia ini, kita tidak boleh lari; siapapun tidak boleh lari mengatakan komunis memang bergerak hendak menakluki termasuk negara kita ini. Siapapun tidak boleh lari daripada ini dan dalam jangka masa 20 tahun; pendapat saya barangkali salah, tetapi saya memperkatakan dalam Dewan ini jangkauan komunis ini mungkin juga tangannya sampai ke negara kita. Sebab itu kalau ASEAN ini diperbesar dan diperkuat lagi, katalah Jepun ataupun apa yang disebut tadi masuk dalam ASEAN, kalau mereka ini mahu masuk dalam ASEAN, saya rasa sampai masanya bolehkah Yang Berhormat Menteri Luar Negeri kita mengatakan kalau mereka hendak masuk, boleh ditimbang masuk dalam ASEAN bagi memperkuatkan ASEAN dalam ertikata yang sebenar menghadapi penceroboh khususnya komunis.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab yang pertama, hendaklah mengetahui siapakah yang boleh menjadi ahli ASEAN ini sepertimana nama ASEAN iaitu Association of South East Asian Nations telahpun dengan ini bermakna iaitu negara-negara yang ada di dalam kawasan ataupun wilayah Asia Tenggara. Sebagaimana barangkali Yang Berhormat sedia maklum, negara-negara ini seperti yang saya sebutkan tadi termasuk 5 negara dan terpulang pula kepada ahli seperti Burma yang ada di dalam Asia

Tenggara termasuk Laos, Vietnam, Kampuchea dan juga barangkali jikalau Brunei akan dapat kemerdekaannya pada tahun 1983 maka Brunei akan juga berhak dan juga adanya qualification untuk menjadi ahli. Jadi cara-cara ini terpulanglah kepada negara yang berkenaan untuk memohon dan terpulanglah juga kepada ahli yang ada sekarang, jikalau permohonan ini diterima, akan menimbangkan permohonan ini menjadi ahli ASEAN ini. Inilah cara-cara yang saya suka mengatakan kepada Dewan yang mulia ini.

Bersabit dengan pandangan Ahli Yang Berhormat adakah ini dibukakan kepada Jepun supaya memperkuatkan ASEAN, seperti mana saya jawab sekejap tadi Jepun tidaklah di dalam kawasan tersebut kalau dibuka kepada Jepun yang keluar daripada kawasan ini, di mana sekatan pula, di mana limitationnya pula, di mana criteria-criteria, mungkin kita akan buka juga jikalau begini kepada orang-orang Eskimo. Jadi saya rasa perlulah kita mengadakan sekatan. Mengikut Deklarasi Bangkok perlu kita masukkan di dalam kerjasama di atas kebudayaan sosial dan ekonomi sahaja dan tiada cadangan untuk dibuka buat masa sekarang ini kepada lain daripada tiga iaitu ekonomi, sosial dan kebudayaan.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan. Saya suka mendapat penerangan daripada Yang Berhormat Mulia Menteri Luar Negeri di segi ilmu alam Papua New Guinea ialah bersempadan dengan sebuah negara ASEAN. Adakah negara Papua New Guinea akan ditimbangkan mengikut ilmu alamnya bersambung dengan negara Indonesia sedangkan Papua New Guinea juga ada melamar-lamar hendak masuk, tetapi apakah pandangan Kerajaan dengan kedudukan negara Papua New Guinea?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, Papua New Guinea ini adalah satu negara yang betul sepertimana kata Yang Berhormat Tan Sri Dato Haji Abdul Razak Husain sekejap tadi dia dekat sangat, bahkan pulau ini dibahagikan dua, setengah Papua New Guinea, setengah Indonesia dan dekat sangat. Mungkin

pada masa sekarang ini Papua New Guinea disifatkan sebagai negara yang diberikan taraf pemerhati (observer) di dalam ASEAN. Permohonan belum lagi kita terima tetapi mungkin kita akan menimbangnya keadaan-keadaan ini tetapi dia ini betul-betul hendak dikatakan di luar pada Asia Tenggara pun bukan juga, hendak dikatakan di dalam pun bukan juga. Jadi ada semacam criteria hybrid di antara dua ini.

Kita akan menimbangkan keadaan ini dan juga sepertimana keputusan telah diambil pada tahun yang lepas di Kuala Lumpur iaitu kita beri status taraf pemerhati (Observer) yang luar biasa sedikit kepada Papua New Guinea yang mana Papua New Guinea ini akan dapat menyertai perkara-perkara yang ada kebaikan yang bersamaan membincangkan bersama sebagai observer. Saya pun susah juga hendak memberi criteria supaya negara apa yang boleh menjadi ahli, barangkali kita kena mengadakan satu criteria sepertimana negara-negara yang ada pokok durian yang mengeluarkan durian boleh jadi ahli (*Ketawa*).

PEKERJA KILANG MENUNAIKAN SEMBAHYANG JUMAAT

5. **Dato' Haji Khalid bin Haji Abdullah** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat mengatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat kilang-kilang perusahaan dan kedutaan-kedutaan luar negeri di negara ini yang mengambil tindakan disiplin terhadap kakitangan mereka kerana menunaikan sembahyang Jumaat seminggu sekali; jika ya, nyatakan tindakan dan sikap Kerajaan terhadap perkara ini.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian saya tidak ada menerima aduan mengenai pekerja-pekerja yang dikenakan tindakan tatatertib oleh majikan-majikan mereka kerana menunaikan sembahyang Jumaat. Walau bagaimanapun, jika Ahli Yang Berhormat itu mempunyai aduan yang spesifik, silalah kemukakan kepada Kementerian saya supaya tindakan sewajarnya dapat dijalankan. Mengenai kakitangan di Kedutaan Luar Negeri tugas ini

adalah terkeluar dari bidangkuasa Kementerian saya.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Mohamed: Saya ingin mendapat tahu daripada Timbalan Menteri Buruh adakah satu peraturan atau undang-undang di Kementerian Buruh yang memberi kebenaran kepada pekerja-pekerja Islam menunaikan sembahyang Jumaat dengan sekiranya jikalau majikan itu menaman, maka boleh menjadi satu kesalahan. Adakah tercatat begitu dalam mana-mana undang-undang buruh atau peraturan.

Tuan William Lye Chee Hien: Kementerian saya ada mempunyai satu peraturan di atas perkara ini.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan. Berkenaan dengan agama ini adalah perkara sensitif. Saya sebenarnya telah menerima tidak sampai sebulan satu pengaduan daripada satu kilang khas daripada pekerja lebih kurang 30-40 orang menyuruh saya menjadi orang tengah supaya mereka dapat sembahyang Jumaat. Ini sebenar-benar berlaku. Jadi eloklah soal ini sudah dikemukakan dalam Dewan ini dan Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjawab bahawa satu siaran secara tidak langsung telah diberi kepada seluruh tanahair kita ini terang-terang mengatakan umat Islam mesti dibenarkan sembahyang Jumaat apabila sampai waktunya, tidak peduli dalam pejabat Kerajaan, tidak peduli ia dalam pejabat swasta, kilang-kilang atau di mana sahaja. Bukankah begitu, Yang Berhormat?

Tuan William Lye Chee Hien: Sudah dibuat.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Sudah dibuat? Terima kasih. Kalau sebenarnya ini telah dibuat, ada swasta atau kilang-kilang yang tidak mahu membenarkan pekerja-pekerja buruh khususnya yang beragama Islam untuk bersembahyang Jumaat. Saya harap bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini ia akan mengambil tindakan tegas bagi mempertahankan perkara sensitif agama tidak timbul dalam negeri ini sebab padahnya amat besar, bahayanya amat besar, siapa pun tidak boleh menafikan. Kalau seorang Muslim tidak

dibenarkan sembahyang Jumaat apa jadi pun boleh berlaku. Sebab itu saya pandang ini serius dan harap Kementerian berkenaan mengambil tindakan yang wajar dan berkesan tegas dan berani.

Tuan William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar hal ini tetapi ada juga masalah di atas perkara tersebut dan Kementerian saya sedang mengadakan siasatan bersama-sama dengan Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Hal Ehwal Ugama untuk mengambil satu keputusan.

IJAZAH-IJAZAH DARI UNIVERSITI-UNIVERSITI ASIA/ PACIFIC—PENGIKTIRAFAN

6. **Tuan S. Subramaniam** minta Menteri Pelajaran mengatakan tindakan Kerajaan untuk menilai dan mengiktiraf ijazah-ijazah dari universiti-universiti dalam kawasan Asia/Pacific khususnya dari Indonesia, Filipina, Hongkong, India, Pakistan, Sri Lanka, Australia dan New Zealand memandangkan kenaikan kos pelajaran tinggi di Britain.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan dari masa ke semasa telah membuat penilaian dan pengiktirafan terhadap ijazah-ijazah daripada universiti-universiti di negara-negara seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Jumlah ijazah-ijazah ini telah diiktiraf adalah seperti berikut:

Indonesia	40
Filipina	1
Hongkong	3
India	77
Pakistan	18
Sri Lanka	5
Australia	143
New Zealand	39

Ijazah-ijazah yang telah dinilai dan diiktiraf seperti yang tersebut di atas merangkumi bidang-bidang pengajian perakaunan, perubatan, sains, sastera dan teknik.

BOT PUKAT TUNDA

7. **Tuan Tan Chang Soong** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) bilangan pukat tunda yang berlesen dalam negara mengikut negeri-negeri dan beratnya tan; dan
- (b) bilangan pukat tunda yang tidak berlesen di tiap-tiap negeri dan adakah Kementerian mempertimbangkan mengeluarkan lesen bagi semua pukat semua pukat tarik yang tidak berlesen.

Menteri Pertanian (Dato Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan bot pukat tunda yang berlesen adalah seperti berikut:

BILANGAN BOT PUKAT TUNDA YANG BERLESEN DALAM NEGARA MENGIKUT NEGERI-NEGERI DAN BERATNYA MENGIKUT TAN (1980)

<i>Negeri</i>	<i>25 tan ke bawah</i>	<i>25 tan—40 tan</i>	<i>40 tan—70 tan</i>	<i>70 tan ke atas</i>	<i>Jumlah</i>
Kedah	208	268	90	—	566
Perlis	176	20	4	—	200
Pulau Pinang	—	163	24	1	188
Perak	1,446	134	70	—	1,650
Selangor	199	230	57	2	488
Melaka/N. Sembilan ..	—	—	—	—	—
Johor	436	114	60	—	610
Pahang	246	40	12	8	306
Trengganu	428	20	20	1	469
Kelantan	92	18	—	—	110

(b) Oleh kerana mereka ini tidak berlesen, jadi tidaklah dapat dipastikan berapa banyakkah yang ada, tidak ada rekodnya. Dari satu masa ke satu masa Kementerian akan mengkaji pengeluaran-pengeluaran lesen yang berdasarkan kepada jumlah tangkapan ikan dan perusahaan perikanan pada tiap-tiap tahun.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain:

Soalan Tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Di Johor, di Perak, demonstrasi nelayan ini telah menjadi-jadi, kenapa ini berlaku dan apakah tindakan Kerajaan terhadap perkara ini, siapakah yang dapat menghadapi perkara yang telah berlaku ini. Ini ingin saya tahu.

Dato Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, yang menghadapi ialah Kerajaan. Perkara hendak berlaku, mereka hendak berdemonstrasi kita tidak boleh larang, itu hal mereka.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Soalan tambahan, Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Soalan memang mudah, memang kita faham yang akan menghadapi ialah Kerajaan tetapi tiddakkah dapat Kerajaan menyelesaikan perkara ini dengan secepat mungkin kerana perkara ini meruncingkan terhadap nelayan.

Dato Abdul Manan bin Othman: Keadaan ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak meruncingkan dan Kerajaan dapat mengatasinya.

PUSAT PEMULIHAN DADAH—JUMLAH

8. Tuan Haji Ya'acob bin Haji Engku Yunus minta Menteri Kebajikan Am menyatakan jumlah pusat pemulihan dadah yang telah didirikan untuk rawatan penagih-penagih dadah.

Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebajikan Am telah mendirikan 4 buah pusat pemulihan dadah yang boleh memuatkan pada sesuatu ketika 590 orang penghuni seperti berikut:

- (1) Pusat Pemulihan Dadah Kuala Kubu Bharu, Selangor dengan muatan maksima 260 orang penghuni;
- (2) Pusat Pemulihan Dadah Besut, Trengganu dengan muatan maksima 130 orang penghuni;
- (3) Pusat Pemulihan Dadah Bukit Mertajam dengan muatan maksima 100 orang penghuni; dan
- (4) Pusat Pemulihan Dadah Tampoi dengan muatan maksima 100 orang penghuni.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya adakah terdapat penagih di Sabah dan Sarawak dan jika ada dari manakah dadah ini diedarkan, melalui daripada kategori orangnya, adakah daripada pemuda-pemuda ataupun taukeh-taukeh ataupun daripada anggota Angkatan Tentera.

Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, di Sabah memang ada penagih-penagih dadah dan pengedar-pengedar dadah. Sekiranya Yang Berhormat itu ingin hendak tahu siapa yang menjadi pengedar ini silalah kemukakan soalan yang berasingan supaya pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri boleh menjawab.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, dadah lagi satu malapetaka negara. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan iaitu yang disebut oleh beliau tadi Kuala Kubu Bharu 260 orang dimuatkan untuk penyakit dadah ini, Besut 132 orang, Bukit Mertajam 134 orang dan Tampoi 130 orang. Maknanya yang sudah dimuatkan melalui Kementerian Kebajikan Am lebih kurang dalam 600 orangpun tak sampai, yang saya tahu sekarang orang yang kena penyakit dadah ini beratus ribu, jadi yang hendak disediakan tempat ini lebih kurang 600 tempat. Mungkin juga kita belum cukup wang atau mungkin ada sesuatu sebab, tetapi saya hendak bertanya iaitu persiapan yang telah disediakan bagi mengatasi dadah ini apa nama yang disediakan dalam rumah khas seperti yang diadakan di Kuala Kubu, Besut dan Tampoi, adakah di sana disediakan tokoh-tokoh, pawang-pawang yang khas, maklumlah zaman ini banyak juga pawang yang kita punya sendiri konon.

- (1) Pusat Pemulihan Dadah Kuala Kubu Bharu, Selangor dengan muatan maksima 260 orang penghuni;

Kedua, adakah di sana disediakan pakar-pakar perubatan yang tertentu mengenai dengan mengatasi penyakit dadah.

Ketiga, adakah di dalam ini juga disediakan sebagai hospital yang akan merawat mereka barangkali yang terlampau hebat kenanya.

Soalan yang ketiga, apakah tafsiran orang yang diterima sekarang masuk dalam ini, orang yang terlalu banyak ataupun orang yang apabila diserahkan sahaja dimasukkan terus atau bagaimana. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan.

Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, suka saya menjelaskan bahawa apabila seorang penagih dadah itu dimasukkan ke pusat pemulihan ini penagih itu terlebih dahulu dihantar ke hospital untuk ditentukan ketagihannya, proses ini namanya "ditoksifikasi". Mereka ini duduk di hospital selama 2 minggu, selepas itu apabila kesan-kesan dadah itu sudah hilang daripada penagih ini maka barulah diserahkan ke pusat pemulihan ini untuk dipulihkan jasmani dan rohaninya. Proses pemulihan jasmani ini tidaklah begitu susah, mereka ini dilatih berkawat, mengadakan senaman dan sebagainya tetapi untuk pemulihan rohani inilah yang sangat rumit. Maka sebab itu diadakan berbagai-bagai cara, iaitu dengan cara mereka ini diajar pelajaran agama, begitu juga diadakan latihan vokasional yang ringan-ringan seperti pertukangan, menggunting rambut, tukang kayu, kalau anak itu pandai melukis digalakkan melukis. Jadi inilah latihan-latihan yang diberi pada masa ini.

Mengenai soalan Ahli Yang Berhormat tadi sama ada pawang kita simpan dalam pusat pemulihan dadah kita, suka saya menjelaskan pusat pemulihan dadah yang diadakan oleh Kementerian Kebajikan Am tidak adalah kita menyimpan pawang.

Keduanya, adakah kita mempunyai pakar-pakar yang boleh memulihkan anak-anak ini, kita ada menyediakan, yang rumit kata saya tadi bukanlah pemulihan jasmani tetapi

pemulihan rohani mereka. Ini susah hendak ditentukan pakar yang semacam mana tetapi kita ada pakar-pakar, kadangkala itu datang juga daripada luar negeri, seperti daripada Amerika misalnya yang faham psikoloji dan lain-lain lagi.

Yang ketiga, ini saya kurang faham apa yang dimaksudkan tafsiran orang-orang yang menjadi penagih, apakah yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Penagih ini adalah penagih, itu sahaja.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Orang-orang yang menerima, tadi Yang Berhormat telah menerangkan orang-orang ini setelah diperiksa di hospital dua minggu.....

Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Maksudnya, orang sakit yang telah dimasukkan, saya sangka apa. Sebenarnya penagih yang datang ini adalah yang menerima hukuman mahkamah. Saya harap Ahli Yang Berhormat sedikit sebanyak dapat faham.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Ya, terima kasih.

Tuan Ismail bin Hashim: Soalan tambahan. Soalan saya begini, Tuan Yang di-Pertua. Ramai belia dan beliawanis dalam negara kita ini telah terlibat di dalam masalah penagihan dadah. Jadi memandangkan begitu ramai adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk menambahkan lagi pusat-pusat pemulihan itu.

Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, memang ada dua buah pusat pemulihan yang lebih besar, yang lebih lengkap yang komprehensif akan dibuat; satu di Muar, Johor dan satu lagi di Sungai Petani, Kedah.

MAS—PENDARATAN WAKTU MALAM DI IPOH

9. **Tuan K. Kumaran** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kapal terbang MAS tidak dapat mendarat di lapangan terbang Ipoh pada waktu malam dan jika sedar, nyatakan sama ada Kementerian bercadang melengkapkan

Lapangan terbang itu dengan kemudahan-kemudahan supaya pesawat MAS dapat mendarat waktu malam.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok). Tuan Yang di-Pertua, Lapanganterbang Ipoh pada masa ini tidak mempunyai alat-alat bagi pendaratan di waktu malam. Pada masa ini Kementerian Pengangkutan sedang mengambil tindakan untuk memanjangkan waktu penggunaan Lapangan terbang tersebut iaitu dengan memasang alat-alat yang diperlukan bagi pendaratan pesawat-pesawat di waktu malam. Tender bagi pembekalan alat-alat ini telahpun dipanggil dan ianya dijangka siap dipasang sepenuhnya pada bulan Disember tahun ini.

Walau bagaimanapun, oleh kerana Lapangan terbang Ipoh dikelilingi oleh bukit-bukau, sungguhpun alat-alat pendaratan di waktu malam di pasang, pendaratan hanyalah boleh dilakukan sehingga ke waktu senja sahaja.

Tuan K. Kumaran: Soalan tambahan. Adakah Kementerian bercadang untuk membina satu Lapangan terbang baru di Ipoh dengan kemudahan pendaratan di waktu malam.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya telah terangkan sebentar tadi Kementerian sudah memanggil tender untuk memasang alat-alat pendaratan di waktu malam. Tetapi kita pun sedar Lapangan terbang Ipoh yang baru pada masa sekarang saya tengok juga ada soalan dari Ahli Yang Berhormat itu iaitu dalam soalan No. 28. Saya akan menjawab nanti (*Ketawa*).

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Menteri berkenaan mengenai soalan yang sama iaitu kemudahan pendaratan malam di Lapangan terbang Labuan yang mana perkara ini saya ingat lebih daripada dua tahun telah dirancangan untuk mendapat lampu pendaratan malam sehingga penerbangan Boeing 737 sudah empat penerbangan ke bandar itu. Kerana bandar Labuan adalah salah satu daripada bandar yang hanya menggunakan perkhidmatan Boeing 737 selain dari Kota Kinabalu. Mulai 1hb April

tahun ini penerbangan sebelah petang, jam 5.30 lampu yang digunakan hanya yang dipasang oleh Angkatan Tentera Udara iaitu menggunakan lampu minyak. Bagaimana kalau keadaan cuaca buruk, bukannya ini akan mengakibatkan penerbangan Boeing di sebelah petang itu tergendala. Dan bilakah Kementerian ini bercadang untuk menyediakan alat-alat pendaratan malam (*night landing facilities*) dan juga pernah perkara ini saya ingat sebuah terminal baru yang akan dirancangan untuk Lapangan terbang Labuan.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini berlainan daripada soalan asal oleh kerana soalan asalnya menyentuh perkara Lapanganterbang Ipoh dan soal yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat itu mengenai Lapangan terbang Labuan dan oleh kerana itu saya tidak ada maklumat di depan saya sekarang untuk memberi penjelasan.

MISC—HARGA KAPAL LNG

10. Dato' Haji Mohd. Nor bin Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) harga sekarang 5 kapal LNG yang ditempah oleh MISC, termasuk harga meningkat dan faedah;
- (b) tanggal-tanggal kapal-kapal ini siap dibina dan akan diserahkan;
- (c) sama ada kapal-kapal yang sudah diserahkan akan disewakan sebelum siap projek Bintulu; dan
- (d) sama ada kapal-kapal ini sudah usang disebabkan teknologi baru yang boleh mengadakan muatan dengan ukuran badan kapal yang sama.

Datuk Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya adalah sukar untuk menyatakan harga sekarang lima buah kapal LNG yang ditempah oleh MISC termasuk harga meningkat dan faedahnya sepertimana yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat itu kerana ianya tertakluk kepada perubahan masa dan perkara teknikal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu harga sekarang boleh ditentukan apabila

harga asal kelima-lima buah kapal itu dicampurkan dengan harga meningkat dan faedah dan ini adalah dibuat hanya pada tarikh kapal-kapal itu diserahkan kepada MISC.

- (b) Sebuah kapal LNG iaitu Tenaga IV telah diserahkan pada 6hb Mac, 1981 dan kapal-kapal lain menurut jadualnya akan diserahkan milik pada pertengahan kedua tahun 1981 ataupun pada awal tahun 1982.
- (c) MISC sedang berikhtiar untuk menyewakan kapal LNG itu secara sementara tetapi sehingga ke saat ini masih belum berjaya lagi. Oleh kerana itu usaha-usaha untuk mempercepatkan projek-projek Bintulu sedang diselarasakan oleh Kerajaan terutama sekali dari segi Pengeluaran gas cecair asli (LNG) dan projek-projek tempat kapal LNG berlabuh (berthing) serta kompleks pengeluaran gas cecair asli (LNG). Keseluruhan projek ini dijangka siap pada bulan Januari 1983.
- (d) Berbanding dengan rekabentuk semasa kapal-kapal MISC adalah direkabentuk untuk memberikan manfaat yang maksima ke atas ruang susuk kapal. Oleh itu soal menambahkan lagi keupayaan muatan berasaskan rekabentuk susuk kapal itu tidak timbul lagi.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, dalam penyata-penyata yang kita sudah tahu bahawa harga permulaan 5 LNG tankers ini adalah sebanyak sekurang-kurangnya US\$700 million dan daripada kita baca komen-komen Financial Times kita tahu anggaran sekarang harga kapal-kapal yang lima biji ini sudah meningkat sebanyak US\$900 juta. Saya kurang pasti yang Kementerian tidak tahu harga sekarang. Saya juga baca oleh kerana improvement dalam teknologi kapal-kapal begini yang holdnya sama boleh meningkat sebanyak dua kali ganda isinya. Saya mahu bertanya Kementerian, sama ada teknologi yang baru ini dapat disesuaikan dengan kapal yang kita telah tempah? Dan juga harga yang saya tahu seperti di report di dalam Financial Times

sebanyak US\$900 juta harga anggaran sekarang, US\$200 juta lebih daripada harga permulaan, sama ada betul atau tidak.

Dato Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan tambahan yang pertama itu angka itu tidak tepat; angka yang sebenarnya susah hendak dikira seperti yang saya sebutkan sekejap tadi. Dan jawapan kepada soalan yang kedua, sama ada teknologi sekarang sesuai dengan rekabentuk kapal yang telah kita tempahkan, jawabannya masih sesuai.

PERKEMBANGAN DI ASIA BARAT— PENDIRIAN MALAYSIA

11. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Luar Negeri menyatakan tindakan yang telah diambil oleh Malaysia tentang perkembangan di Asia Barat di mana pertikaian masih berlaku di Palestin, pencerobohan negara Afghanistan dan peperangan Iran/Iraq.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, pendirian Malaysia terhadap isu Palestin telahpun saya terangkan beberapa kali di Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan di sini bahawa Malaysia akan terus menyokong segala usaha yang sedang dan yang akan diambil untuk menegakkan hak-hak asasi orang-orang Palestin termasuk hak kenegaraannya. Jawapan saya kepada soalan No. 18 oleh Tuan Abdullah bin Salleh pada hari ini, bolehlah juga menjadikan rujukan kepada soalan Yang Berhormat itu mengenai isu Afghanistan. Pendirian tegas Malaysia mengutuk tindakan Soviet yang menceroboh dan menakluki Wilayah Afghanistan, sebuah negara Islam dan berkecuali telah dinyatakan di forum-forum antarabangsa berdasarkan bahawa:

- (a) Pencerobohan itu melanggar prinsip-prinsip kehormatan kemerdekaan, kedaulatan dan keutuhan Wilayah negara termasuk hak-hak rakyat menentukan nasib mereka sendiri.
- (b) Keadaan yang memaksakan sebilangan besar rakyat Afghanistan menjadi orang-orang pelarian di negara-negara

jiran perlu diubah untuk membolehkan mereka kembali ke tanahair mereka secara aman dan penuh kehormatan; dan

- (c) Pencerobohan Soviet ke atas Afghanistan merupakan satu cabaran yang serius terhadap keamanan dan kestabilan serantau dan antarabangsa.

Berpandukan pendirian yang tiga tersebut di atas Malaysia telah menyokong dengan sepenuhnya resolusi-resolusi Bangsa-bangsa Bersatu dan Pertubuhan Persidangan Islam dan mencadangkan dari ini pemimpin-pemimpin kita termasuk Yang Amat Berhormat Dato Perdana Menteri telah mengeluarkan kenyataan rasmi mengutuk tindakan Soviet. Kerajaan kita juga telah menderma sebanyak \$150,000 kepada orang-orang pelarian Afganistan di Pakistan. Kita juga telah memulaukan Sukan Olympic yang diadakan di Moscow, ibu negara Russia.

Tentang konflik Iran/Iraq saya telah pun menyatakan pendirian Malaysia beberapa kali di Dewan yang mulia ini memadailah bagi saya menyebutkan di sini bahawa dari awal-awal lagi Malaysia telah menyatakan kesediaan untuk menolong mencari penyelesaian kepada konflik itu. Yang Amat Berhormat Dato Perdana Menteri semasa menerima jempunan Pertubuhan Persidangan Islam untuk mengganggotai Jawatankuasa Damai telah menyatakan bahawa memang menjadi tanggungjawab umat Islam untuk menolong Iran/Iraq mencari penyelesaian kepada konflik antara mereka. Seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Jawatankuasa Damai ini telah melawat Teheran dan Baghdad tiga kali dan telah mengemukakan cadangan-cadangan perdamaiannya kepada kedua-dua pihak. Adalah menjadi hasrat kita agar konflik itu dapat diselesaikan dengan segera demi kepentingan keamanan antarabangsa dan umat Islam khususnya.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Saya tertarik hati fasal Afghanistan. Tindakan Soviet Rusia ke atas Afghanistan ini sudah dikutuk oleh Bangsa-bangsa Bersatu dan sebagaimana Yang Berhormat Menteri Luar Negeri telah memperkatakan juga negara-negara ASEAN juga telah menentang

perkara ini. Saya suka bertanya apakah reaksi Russia berkenaan dengan keputusan Bangsa-bangsa Bersatu ini dan reaksinya kepada bangsa-bangsa Asia khususnya yang telah mengemukakan bantahan yang hebat dari semua penjuru, adakah Russia masih tidak peduli ataupun masih terus-menerus menentang Afghanistan seolah-olah challenge kepada dunia, Russia tidak peduli siapa pun, bagaimanakah itu Yang Berhormat Menteri.

Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al Haj: Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Tuan Yang di-Pertua, resolusi-resolusi ini telah mengatakan dengan ringkas iaitu yang pertama satu penyelesaian politik perlu diadakan. Yang Kedua, mesti diadakan pengunduran tentera asing iaitu Soviet daripada wilayah Afghanistan. Dan yang ketiga adalah menjadi penting iaitu orang-orang Agganistan akan menentukan nasib mereka dengan tidak ada campur tangan ataupun pengaruh daripada luar.

Buat masa sekarang ini kita tidak dapat lagi perkara-perkara ini akan berlaku ataupun ada kesan-kesan yang akan berlaku. Sungguhpun resolusi-resolusi antarabangsa itu telahpun dikeluarkan daripada Bangsa-bangsa Bersatu dan juga international forum yang lain termasuk PPI iaitu Persidangan Pertubuhan Negara-negara Islam dan juga non-aligned baharu-baharu ini yang dikeluarkan resvolusinya di India tetapi kita berharap dengan adanya tekanan-tekanan diplomatik ini moga-moga pihak yang berkenaan iaitu Soviet akan mematuhi resolusi ini pada masa akan datang. Hanya buat masa sekarang kita hanya akan menunggu dan berharap pihak Soviet akan mematuhi resolusi-resolusi itu.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Soalan tambahan. Sebentar tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan dalam masalah ini telah di adakan perdamaian dalam perundingan. Setakat ini saya ingin tahu apakah hasil yang dapat dicapai sesudah perdamaian dirundingkan.

Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan ini adalah rundingan perdamaian iaitu Iran/Iraq. Jikalau begitu saya sukalah memaklumkan

kepada Dewan yang mulia ini isu-isu kita telah kemukakan yang baharu-baharu ini lebih kurang dua minggu yang sudah ataupun 10 hari yang sudah yang mana saya mewakili bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melawat Iran dan Iraq pada kali yang ketiga dengan pihak Misi Perdamaian ini yang diketuai oleh Persiden Guinea iaitu Ahmad Khuare telah kemukakan tetapi oleh sebab perkara ini telahpun memutuskan iaitu cadangan yang akhir ini adalah sangat penting dan mustahak oleh sebab isu-isunya sangat delicate, saya disuruh bahkan semua ahli-ahli mengatakan bila sampai masanya baharulah dapat dikemukakan. Tetapi cara ringkas, cara umum saya suka mengatakan iaitu di dalam langkah yang akhir-akhir ini boleh dikatakan kita berharaplah ada cahaya-cahaya yang nampaknya kemungkinan tetapi mestilah kita sabarlah sedikit oleh sebab perkara ini sangat delicate dan kita perlu bertindak secara sangat cautious selanjutnya. Jadi, saya minta ma'af tidak dapat kemukakan cara umum, cara public di atas tindakan yang akhir ataupun cadangan-cadangan yang akhir baharu-baharu ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan S. I. Rajah.

Tuan Haji Mohd. Azlan Kinjawan: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 12.

BANGUNAN MAHKAMAH DI BATU PAHAT

12. Tuan Haji Mohd. Azlan Kinjawan (*di bawah S.O. 23 (3)*) minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sebab-sebabnya mengapa kerja pembinaan atas Bangunan Mahkamah di Batu Pahat terbengkalai dan jika kerja pembinaan ini akan diteruskan, bilakah ianya dijangka akan siap.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa sebab kerja pembinaan atas bangunan Mahkamah di Batu Pahat telah terbengkalai ialah kontraktor berkenaan tidak dapat meneruskan kerja-kerja tersebut setelah kemajuan pembinaan mencapai 90% sahaja. Jabatan Kerjaraya telah beberapa

kali menghantar surat amaran dan teguran tetapi kontraktor tersebut tidak dapat menyiapkan kerja itu. Walau bagaimanapun, kontrak tersebut telah dimansuhkan dan tawaran baru telah dipanggil bagi menyiapkan 10% baki kerja tersebut. Adalah dijangka kerja ini akan dapat disiapkan pada penghujung tahun 1981.

PEMERIKSAAN ATAS KENDERAAN

13. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat kenderaan-kenderaan yang telah diperiksa oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan dan kemudiannya diperiksa oleh pihak polis pula; jika sedar sila nyatakan siapakah yang sebenarnya yang berhak untuk memeriksa kenderaan-kenderaan di negara ini.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pengangkutan Jalan adalah diberi kuasa dalam Ordinan Lalulintas Bab. II Sect. 49 untuk bertanggungjawab ke atas pemeriksaan kenderaan (terutama kenderaan perdagangan) supaya sentiasa berada dalam keadaan yang baik (Roadworthy) dan mempunyai lesen-lesen yang betul.

Pemeriksaan-pemeriksaan yang dibuat sama ada di pejabat-pejabat negeri Jabatan Pengangkutan Jalan ataupun oleh pegawai-pegawai penguatkuasa adalah berkenaan dengan perkara-perkara berikut:

- (1) Keadaan mekanikal;
- (2) Pemasangan tambahan yang tidak dibenarkan;
- (3) Kenderaan lebih muatan;
- (4) Menentukan sama ada kenderaan tersebut mempunyai permit dan lesen yang sah.

Walaupun bagaimanapun di bawah Bab. II Sect. 50-56, pihak polis juga berkuasa untuk membuat pemeriksaan ke atas kenderaan-kenderaan untuk menentukan lesen-lesen yang betul, lebih muatan dan lain-lain kesalahan lalulintas. Ini tidak termasuk pemeriksaan ke atas keadaan mekanikal dan pemasangan tambahan.

BILIK PERPUSTAKAAN DI SEKOLAH RENDAH

14. **Puan Rogayah binti Ariff** minta Menteri Pelajaran mengatakan adakah rancangan Kementerian ini untuk mengadakan bilik perpustakaan yang serba lengkap bagi semua sekolah-sekolah rendah di masa akan datang.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kementerian Pelajaran untuk membantu semua sekolah rendah dan menengah Kerajaan dan bantuan Kerajaan supaya menyediakan perkhidmatan perpustakaan yang berkesan bagi murid-murid. Di antara langkah-langkah yang telah dan sedang dijalankan untuk mencapai matlamat tersebut ialah seperti berikut:

- (a) Memberi peruntukan wang kepada tiap-tiap sekolah untuk membeli buku perpustakaan. Peruntukan ini diberi sejak tahun 1974 dan kadar pemberiannya adalah berdasarkan kepada bilangan murid di sekolah masing-masing.
- (b) Semua sekolah rendah dan menengah yang baru dibina ada disediakan bilik perpustakaan dengan dilengkapi alat perabot dan juga sejumlah koleksi buku asas (basic book collection). Sekolah-sekolah lama yang tidak ada bilik perpustakaan boleh membuat permohonan untuk mendapatkan kemudahan perpustakaan.
- (c) Membantu sekolah-sekolah memilih bahan bacaan perpustakaan yang sesuai dengan menyediakan 'Senarai Buku Bahasa Malaysia untuk Perpustakaan sekolah Rendah dan Menengah, dan juga 'Berita Perpustakaan Sekolah'.
- (d) Menjalankan Projek Perintis Pembelian secara pusat untuk membantu sekolah-sekolah terpilih untuk membeli buku-buku perpustakaan yang sesuai.
- (e) Memberi latihan kepada semua guru perpustakaan untuk membolehkan

mereka menguruskan perpustakaan dengan secekapnya. Setakat ini seramai 4,611 orang guru telah mengikuti kursus dalam perkhidmatan mengenai ilmu perpustakaan sekolah.

- (f) Menjalankan satu 'Projek Menggalakan Penggunaan Perpustakaan Sekolah' untuk tujuan 25 buah sekolah terpilih di luar bandar dengan tujuan menjadikan Perpustakaan mereka sebagai contoh di kawasan mereka. Di samping bahan-bahan bacaan bercetak, perpustakaan di sekolah-sekolah berkenaan juga disediakan alat dan bahan alat pandang dengar.

Dato Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak minta penjelasan sedikit. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebutkan bahawa peruntukan yang diberi kepada perpustakaan sekolah rendah ini adalah mengikut bilangan murid-murid. Yang Pertama, saya minta penjelasan berapakah jumlah pada seorang murid yang diberi bantuan-bantuan untuk perpustakaan, jumlah wang pada satu kepala.

Yang Kedua, mengikut keadaan sekarang adalah terlalu berbeza-beza di antara penduduk-penduduk di dalam bandar dan di luar bandar di mana sekolah-sekolah di dalam bandar mempunyai infrastruktur yang berlainan, misalnya kebanyakan buku-buku yang dikeluarkan oleh pengeluar-pengeluar buku boleh didapati banyak di bandar-bandar tetapi perkara ini kekurangan di luar bandar. Kalau pembahagian mengikut kepala murid, adakah Kementerian Pelajaran menimbangkan memberi satu peruntukan yang berlebihan di atas murid-murid di luar bandar?

Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, memang benar kalau mengikut sifir sekarang ini sekolah-sekolah kecil di luar bandar tidaklah menerima bantuan untuk membeli buku-buku perpustakaan seperti mana yang sepatutnya mereka terima memandangkan keadaan di sekolah-sekolah tersebut. Oleh sebab itu, sukalah saya mengatakan bahawa Kementerian Pelajaran bercadang untuk

merombak kadar bantuan untuk membeli buku-buku perpustakaan dan kita akan menggunakan sifir yang baru yang akan memberi kelebihan kepada sekolah-sekolah kecil di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 35 adalah diberi di bawah ini)

TENTERA LAUT DI RAJA MALAYSIA—KAWALAN PERAIRAN

15. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Pertahanan menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk melengkapkan Tentera Laut dengan kapalterbang untuk mengawal perairan Malaysia dan nyatakan juga langkah-langkah yang telah diambil untuk mendapatkan kerjasama nelayan menghapuskan kejadian jenayah di kawasan perairan kita.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato Abu Hassan bin Haji Omar): Buat masa ini Tentera Laut Diraja Malaysia belum lagi dilengkapi dengan kapal terbang sendiri untuk mengawal perairan Malaysia. Walau bagaimanapun, TLDM sentiasa berhubung rapat dengan pihak TUDM dalam segala hal berkenaan pengawasan perairan kita.

Tiga buah pesawat HERCULES PC—130 H dari TUDM diuntukkan dalam melaksanakan tugas-tugas pengawasan perairan (Maritime Reconnaissance). Pesawat-pesawat ini dilengkapi dengan alat-alat khas bagi mengesan dan mengenal kapal-kapal serta bot-bot yang belayar diperairan kita. Perlaksanaan pengawasan dan rondaan oleh pesawat-pesawat ini telah berjalan dengan lancar dan memuaskan.

Untuk rancangan jangka panjang, pihak TLDM telah mengemukakan beberapa cadangan supaya pesawat Helikopter yang akan dibekalkan untuk membantu TLDM dilengkapi juga dengan alat-alat 'anti-submarine'.

Langkah-langkah yang diambil untuk mendapatkan kerjasama nelayan-nelayan bagi menghapuskan kejadian jenayah di kawasan perairan kita ialah dengan mengadakan hubungan rapat dengan mereka untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang berhubung dengan keselamatan perairan kita. Kapal-kapal TLDM yang meronda di laut sering mengadakan pertemuan dengan bot-bot nelayan dan bertanyakan keadaan keselamatan semasa mereka berada di laut. Pihak TLDM juga berhubung rapat dengan pihak Polis Marin dan Jabatan Perikanan di dalam tugas membentasi jenayah-jenayah yang dilaporkan oleh pihak nelayan. Kerjasama yang diberikan oleh pihak-pihak yang berkenaan ini telah dapat mengurangkan kejadian-kejadian yang tidak diingini di kawasan perairan kita.

KOMPLEK GERAKTANI

16. Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin minta Menteri Pertanian menyatakan prestasi atau kemajuan skim GERAKTANI yang telah dilancarkan kira-kira dua tahun dahulu.

Dato Abdul Manan bin Othman: Kompleks GERAKTANI adalah nama baru yang telah diberikan kepada Pusat-pusat Kemajuan Peladang yang telah dibina di kawasan-kawasan Kemajuan Peladang di seluruh negara dan di tiap-tiap kompleks ditempatkan pegawai-pegawai daripada LPP untuk menyelaras semua kegiatan-kegiatan yang diusahakan oleh Jabatan dan Agensi Kerajaan di bawah Kementerian Pertanian. Dalam hubungan ini perkhidmatan-perkhidmatan khidmat, nasihat, bantuan serta lain-lain kemudahan yang mendorong petani-petani untuk meningkatkan lagi pendapatan dan taraf hidup mereka disampaikan melalui kompleks-kompleks ini. Pada keseluruhannya melalui penyelarasan yang telah dipergiatkan itu hasilnya adalah menggalakkan dan telah disambut baik oleh petani-petani. Jika ada mana-mana pusat atau kompleks yang mana prestasi penyelarasannya masih berkurangan akan diperbetulkan dan dipergiatkan.

BANK SIMPANAN NASIONAL—KADAR FAEDAH

17. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Menteri akan menimbangkan untuk menaikkan kadar faedah 6½% sekarang bagi simpanan di Bank Simpanan Nasional kepada kadar yang lebih tinggi untuk menarik lebih ramai lagi penyimpan-penyimpan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Shahrir bin Abdul Samad): Kadar faedah bagi simpanan di Bank Simpanan Nasional (BSN) telah dinaikkan kepada 6½% setahun dalam tahun 1974 dan ketika itu kadar faedah tersebut adalah paling tinggi di antara institusi-institusi kewangan di negara ini. Bagaimanapun kadar faedah ini sekarang masih lagi setanding dengan kadar faedah simpanan bank-bank perdagangan dan institusi-institusi kewangan yang lainnya iaitu di antara 6½% hingga 7¾% setahun. Oleh itu, Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan kadar faedah ini buat masa sekarang. Di samping itu BSN perlu pula mengambilkira kos-kos lain yang terlibat pada keseluruhannya dalam menentukan kadar faedah yang diberikan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, BSN adalah merupakan sebuah institusi nasional yang berbeza kedudukannya daripada institusi-institusi kewangan lain dan ditubuhkan untuk memberi perkhidmatan dan kemudahan menyimpan wang seluasnya kepada rakyat terutamanya yang berpendapatan rendah dengan mengadakan cawangan-cawangannya di seluruh negara. Jumlah penyimpannya sekarang telah meningkat kepada 4.1 juta dengan jumlah simpanan sebanyak \$1.221 billion. 70% daripada penyimpan-penyimpan mempunyai jumlah akaun masing-masing kurang daripada \$250 seorang.

JIHAT UNTUK PEMBEBASAN BAITUL MUQADDIS

18. Tuan Abdullah bin Salleh minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah sikap 38 buah negara-negara Islam yang telah berikrar untuk melancarkan jihad bagi mendapat kembali Baitul Muqaddis dengan memberi amaran keras kepada Perdana Menteri Israel.

Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Perjuangan negara-negara Islam untuk membebaskan serta mengembalikan Baitul Muqaddis kepangkuan Islam bukanlah satu perkara yang baru. Negara-negara Islam telah membuat seruan di semua Persidangan dan forum antarabangsa agar pihak Israel membebaskan Baitul muqaddis dari belenggu penaklukan mereka.

Persidangan Kemuncak Negara-negara Islam di Taif, telah mengambil ketetapan untuk terus berjuang bagi membebaskan Baitul Muqaddis. Dalam konteks ini negara-negara Islam diseru untuk "Berjihad" demi untuk mengembalikan Baitul Muqaddis kepangkuan Islam.

Jihad yang ditakrifkan oleh Persidangan Kemuncak Taif adalah merupakan satu tugas dan tanggungjawab tiap-tiap umat Islam untuk memperjuangkan dan mempertahankan kesucian Islam sejajar dengan ajaran Al-Quran. Jihad juga merupakan satu tanggungjawab tiap-tiap umat Islam untuk memperjuangkan hakikat persaudaraan Islam, berlandaskan ajaran dan akidah Islam.

INSTITUSI PELAJARAN TINGGI

19. Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah bilangan institusi pelajaran yang sudah dibina dalam negara ini sejak negara mencapai kemerdekaan dengan memberikan angka pecahan seperti berikut:

- (a) Sekolah rendah
- (b) Sekolah menengah
- (c) Maktab, dan
- (d) Universiti.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Pada penghujung tahun 1980, bilangan institusi pelajaran yang ada di Malaysia adalah seperti berikut:

- (a) Sekolah Rendah—6,422 buah
- (b) Sekolah Menengah—939 buah

(Sebahagian besar daripada sekolah-sekolah ini telah dibina semenjak negara kita mencapai kemerdekaan)

(c) Maktab Perguruan—24 buah

(Bilangan ini adalah lebih 5 buah daripada jumlah yang ada di masa kemerdekaan, tetapi bilangan yang dibina semenjak itu sebenarnya melebihi angka ini. Kebanyakan pembinaan baharu ialah untuk menggantikan bangunan-bangunan yang lama).

(d) Universiti—5 buah

(Semuanya dibina semenjak mencapai kemerdekaan).

JAMBATAN PULAU PINANG— PENGLIBATAN BUMIPUTRA

20. Tuan Ishak bin Abdul Rahman minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- (a) berapa peratuskah penglibatan Bumiputra dalam pembinaan jambatan Pulau Pinang ke Tanah Besar; dan
- (b) apakah jenis projek yang diperuntukan kepada Bumiputra.

Dato S. Samy Vellu: (a) Tuan Yang di-Pertua, suka saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pembinaan sebenar Jambatan Pulau Pinang ke Tanah Besar belum lagi dimulakan, jadi tidaklah dapat saya menyatakan jumlah peratus penglibatan bumiputra dalam pembinaan Jambatan tersebut. Walau bagaimanapun, suka saya menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa projek pembinaan Jambatan Pulau Pinang ke Tanah Besar adalah satu projek yang besar dan hanya boleh dilaksanakan oleh pemborong-pemborong antarabangsa yang mempunyai pengalaman dan keupayaan dari segi teknik dan kewangan untuk membinanya. Oleh itu, kerja-kerja pembinaan jambatan ini telah dibuat secara tawaran terbuka di mana pemborong-pemborong antarabangsa telah pun mengambil bahagian bagi mendapatkan kerja tersebut. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan mengenakan dua syarat kepada pemborong antarabangsa yang berjaya memperolehi kontrak pembinaan tersebut iaitu:

- (i) 30% daripada kerja-kerja pembinaan itu hendaklah dikhaskan kepada pemborong tempatan Kelas

'A' yang berdaftar dengan Jabatan Kerjaraya;

- (ii) pekerja-pekerja projek ini hendaklah terdiri daripada orang-orang tempatan.

(b) Mengenai jenis projek yang diperuntukkan kepada bumiputra, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja membina jambatan Pulau Pinang itu adalah dibahagikan kepada beberapa bahagian (package) atau jenis kerja. Satu daripada jenis kerja ialah kerja memulihguna tanah di Perai, yang telah diperuntukkan kepada bumiputra dan pemborong yang berkenaan telahpun memulakan kerja tersebut. Satu lagi kerja yang dijangka akan diperuntukkan kepada pemborong Bumiputra ialah kerja-kerja membina kompleks toll plaza kelak.

PELAJARAN BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH-SEKOLAH

21. Dato' G. Pasamanickam minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementeriannya bercadang mewajibkan kelulusan dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris di kesemua peringkat sekolah dan sama ada Kementerian bersedia mengadakan latihan bagi guru-guru untuk memperbaiki mutu Bahasa Inggeris mereka.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Pada masa ini calon-calon adalah diwajibkan menduduki mata pelajaran Bahasa Inggeris dalam Peperiksaan di semua peringkat tetapi tidak disyaratkan lulus untuk mendapat sijil kecuali dalam peperiksaan S.R.P.

Kementerian Pelajaran memang mengadakan latihan bagi guru-guru demi memperbaiki mutu Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah melalui kursus-kursus dalam perkhidmatan. Umpamanya, kursus dalam perkhidmatan di bidang pengajaran Bahasa Inggeris satu penggal telah diadakan daripada tahun 1970 hingga tahun 1979. Seramai 1,559 guru-guru telah mengikuti kursus tersebut. Sejak tahun 1980 Kementerian Pelajaran mengadakan kursus dua penggal sepenuh masa. Dalam tahun 1981 94 orang guru telah menerima latihan tersebut, dan untuk tahun

semasa seramai 153 orang guru akan mengikuti kursus yang sama. Bagi tahun hadapan pula bilangan ini akan meningkat kepada 320.

PINJAMAN KEPADA PENIAGA BUMIPUTRA

22. Dato Hajjah Fatimah binti Haji Salim minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa peniaga-peniaga bumiputra mengalami beberapa macam kesulitan untuk mendapatkan kemudahan pinjaman daripada bank-bank dan jika sedar apakah tindakan beliau akan diambil supaya peniaga-peniaga bumiputra dapat terus mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti pembangunan negara.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada penghujung bulan Disember 1980, pelanggan-pelanggan bumiputra telah meminjam sebanyak \$3,885.8 juta atau 18.6 peratus daripada jumlah pinjaman bank-bank perdagangan yang belum dibayar balik. Pinjaman-pinjaman yang diberikan kepada masyarakat bumiputra dalam tahun 1980 telah bertambah sebanyak \$1,235.8 juta atau 46.6 peratus, berbanding dengan jumlah pinjaman keseluruhan yang cuma meningkat sebanyak \$5,612.2 juta atau 36.8 peratus. Berdasarkan perangkaan tersebut adalah jelas bahawa bank-bank perdagangan telah menyalurkan pinjaman yang besar kepada kaum bumiputra. Bagi memastikan masyarakat bumiputra terus mempunyai peluang bagi mendapatkan kredit dengan kos yang berpatutan, Bank Negara, pada 31hb Mac 1981, telah mengarahkan supaya bank-bank perdagangan menyalurkan sebanyak 17 peratus daripada jumlah pinjaman yang belum dibayarbalik pada 31hb Disember 1980, kepada masyarakat bumiputra. Seterusnya, bagi meningkatkan lagi pemberian pinjaman kepada masyarakat bumiputra, Bank Negara telah juga mengarahkan semua bank-bank perdagangan supaya memperkukuhkan dan memperkukuhkan lagi Unit-unit Khas yang ditubuhkan khas untuk memenuhi keperluan-keperluan para peminjam bumiputra dalam semua aspek pemberian pinjaman, termasuk khidmat-khidmat nasihat dan segala khidmat-khidmat kewangan yang diperlukan oleh

peminjam-peminjam bumiputra. Dengan demikian adalah diharapkan supaya para peniaga bumiputra akan menggunakan sepenuhnya bantuan daripada bank-bank perdagangan apabila mereka memohon pinjaman supaya segala kesulitan yang ada dapat dikurangkan. Walau bagaimanapun, peniaga-peniaga bumiputra adalah dipelawa memberi maklumat-maklumat yang terperinci kepada Kementerian saya jikalau mereka mengalami kesulitan untuk mendapatkan kemudahan pinjaman.

PEMBERIAN LESEN KEPADA PEMANDU TEKSI SAPU

23. Tuan Haji Ariffin Salleh minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sejauh manakah proses pelaksanaan rancangan untuk memberi lesen atau permit kepada teksi-teksi sapu seperti yang pernah diumumkan, serta syarat-syaratnya; bilakah perkara ini dapat disempurnakan dan bagaimana pula sambutannya daripada pemandu-pemandu teksi-teksi sapu itu sendiri.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Saya ingin memberi penjelasan di sini supaya tidak menimbulkan kekeliruan berkait dengan pemberian permit-permit teksi kepada pemandu-pemandu teksi sapu. Memandu teksi sapu bukanlah syarat mutlak atau automatik untuk mendapatkan permit teksi. Permohonan permit daripada pemandu-pemandu teksi sapu diproses seperti lain-lain permohonan. Syarat-syarat yang dikenakan adalah sama iaitu:

- (i) Mesti memohon melalui borang-borang yang telah ditetapkan;
- (ii) Mempunyai lesen PSV yang agak lama; dan
- (iii) Memandu teksi adalah perkerjaan tetap pemohon.

Permohonan daripada pemandu teksi sapu adalah ditimbang bersama-sama dengan permohonan daripada orang lain. Mencukupi di sini saya jelaskan bahawa di dalam menimbang permohonan-permohonan ini perhatian yang berat adalah diberi kepada permohonan dari pemandu teksi sapu sebagai satu cara yang diharapkan

akan dapat mengurangkan masalah teksi sapu. Saya harap dengan penjelasan ini tidaklah lagi timbul kekeliruan kepada orang ramai yang mungkin menganggap memandu teksi sapu merupai jalan yang mudah untuk mendapatkan permit.

UDA—PERLAKSANAAN DASAR PENYUSUNAN SEMULA MASYARAKAT

24. Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin Aljamlud minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada UDA dalam pelaksanaan dasar penyusunan semula masyarakat akan membantu menjalankan fungsi penyusunan kawasan-kawasan setinggan di bandar, khususnya di Wilayah Persekutuan dan kawasan-kawasan sekitarnya.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Bagi melaksanakan dasar penyusunan semula masyarakat, UDA berusaha menambahkan hakmilik harta tanah Bumiputra di bandar dan juga penyertaan Bumiputra dalam perniagaan di kawasan-kawasan bandar. Ini dibuat menerusi program-program pembangunan bandar secara menyeluruh yang meliputi pembangunan semula bandar dan pembangunan bandar baru. Dalam melaksanakan program-program tersebut, masalah kawasan-kawasan setinggan, jika terdapat di dalamnya, adalah sentiasa diambil kira di dalam perhitungan perancangannya. Di dalam konteks ini, UDA sentiasa berhubung rapat dan berkerjasama dengan kuasa-kuasa tempatan bagi mengatasi masalah kawasan-kawasan setinggan di bandar-bandar.

Di Wilayah Persekutuan khususnya segala perancangan, termasuklah yang melibatkan masalah kawasan-kawasan setinggan adalah dibincangkan dengan rapi dengan Kementerian Wilayah Persekutuan dengan pihak Bandaraya.

POLITEKNIK PERSENDIRIAN

25. Tuan Alexander Y. L. Lee minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan penubuhan politeknik-politeknik persendirian. Apakah galakan-galakan yang akan diberikan oleh Kerajaan

kepada sektor swasta untuk melatih peniaga-peniaga dan ahli-ahli teknik.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Bukanlah tugas Kerajaan untuk menggalak atau tidak menggalakkan penubuhan institut-institut pelajaran swasta. Seperti Ahli Yang Berhormat maklum, sekarang ini beberapa buah Institut Teknik dan Vokesyenal Swasta telahpun ditubuhkan dan didaftarkan di bawah Akta Pelajaran, 1961. Kursus-kursus yang dijalankan adalah lebih kurang sama seperti yang terdapat di sesebuah Politeknik dan terpulanglah kepada mereka yang memerlukan pelajaran teknikal dan vokesyenal untuk mengikuti kursus-kursus di Institut-institut berkenaan. Mengenai galakan-galakan atau insentif daripada pihak Kerajaan perkara ini tidak timbul.

PELAN INDUK BAGI PUSAT- PUSAT BANDAR DI SEMENANJUNG/SABAH/SARAWAK

26. Tuan Ismail bin Hashim minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapa banyakkah Pelan Induk yang telah disiapkan dan yang masih dalam persiapan bagi Pusat-pusat Bandar di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato Dr Neo Yee Pan): Semua pusat-pusat bandar besar adalah di bawah kawalan pembangunan pihak berkuasa perancangan iaitu Pihak Kerajaan Tempatan dengan kerjasama Jabatan-jabatan Perancang Bandar dan Desa di tiap-tiap Negeri. Pelan-pelan Tataatur telah disediakan bagi kawasan-kawasan yang membangun agar dapat memandu pembangunan-pembangunan di kawasan-kawasan tertentu. Keadaan ini timbul kerana kekurangan kakitangan ikhtisas di Jabatan-jabatan Perancang Bandar di peringkat Negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan-kerajaan Negeri telah dan sedang mengambil langkah-langkah untuk memakai Akta Perancang Bandar dan Desa 1976.

Berikut adalah bandar-bandar yang mempunyai dan dalam proses penyediaan pelan-pelan induk/pelan Struktur:

(a) Petaling Jaya

- (b) Shah Alam
- (c) Bangi
- (d) Kelang
- (e) Kota Setar
- (f) Kota Bharu
- (g) Seremban
- (h) Pulau Pinang
- (i) Kuala Lumpur
- (j) Kuantan

Di bawah Rancangan Malaysia Keempat pelan-pelan struktur akan disediakan mengikut Akta Perancang Bandar dan Desa 1976. Pelan-pelan tersebut adalah bagi bandar-bandar berikut:

- (1) Ipoh
- (2) Johor Bahru
- (3) Melaka
- (4) Kuantan
- (5) Butterworth

BIASISWA BAGI PENUNTUT- PENUNTUT DI LUAR NEGERI

27. Tuan Tan Chang Soong minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan biasiswa-biasiswa dan bantuan-bantuan lain untuk pelajaran bagi penuntut-penuntut yang sedang belajar di luar negeri. Apakah jenis pelajaran yang diikuti yang membolehkan mereka itu mendapatkannya dan berapa bilangan penerima-penerima biasiswa ini mengikut kaum.

Datu' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Dari jumlah 48,384 pelajar-pelajar dari Malaysia yang sedang menuntut di seberang laut bagi akhir tahun 1980, sebanyak 8,954 adalah terdiri daripada pelajar-pelajar yang menerima biasiswa dari Kerajaan dan Badan-badan Kerajaan. Dari jumlah tersebut 8,714 adalah bumiputra dan 240 bukan bumiputra.

Jenis pelajaran yang diutamakan bagi mereka yang mendapat biasiswa adalah kursus-kursus di bidang kejuruteraan, sains, perubatan, Bahasa Inggeris, perakaunan, undang-undang, komputer sains, senibina dan lain-lain lagi.

LAPANGAN TERBANG BARU IPOH

28. Tuan K. Kumaran minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang membina satu lapangan terbang baharu di Ipoh dan jika ya, nyatakan bila lapangan terbang itu dijangka siap dibina.

Menteri Pengangkutan (Dato Lee San Choon): Kerajaan memang bercadang untuk membina sebuah lapangan terbang baru bagi menggantikan Lapangan terbang Ipoh yang sedia ada. Sebuah Firma perunding pada masa ini sedang menjalankan kajian pelan induk bagi lapangan terbang tersebut dan laporan kajian ini dijangka akan dikemukakan kepada Kerajaan pada bulan ini. Sebuah tapak yang baru telahpun dicadangkan dan pada masa ini Jabatan Penerbangan Awam sedang mengadakan kajian lanjut ke atas kesesuaian tapak tersebut.

PENYALAHGUNAAN DADAH DI MALAYSIA—KAJIAN

29. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan keputusan kajian yang telah dijalankan oleh UNESCO mengenai penyalahgunaan dadah di Malaysia.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Setakat yang diketahui sehingga ini tidak ada agensi-agensi antarabangsa termasuk UNESCO yang menjalankan kajian mengenai masalah dadah di negara ini.

SISTEM 3M DI SEKOLAH-SEKOLAH

30. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada dengan terlaksananya sistem "3M" iaitu membaca, menulis dan mengira menjelang tahun 1983, akan memperbaiki mutu pendidikan diperingkat sekolah rendah dan apakah akan jadi kepada sistem yang ada sekarang.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Kurikulum Baru Sekolah Rendah yang berteraskan kemahiran 3M iaitu membaca, menulis dan mengira yang akan dilaksanakan mulai tahun 1983 sepertimana

yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran adalah selaras dengan perakuan No. (55) dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran iaitu—

“Adalah diperakukan bahawa Kurikulum sekolah rendah hendaklah dikaji semula supaya pendidikan yang diberi berkemampuan untuk memenuhi kehendak pendidikan bagi perkembangan individu yang menyeluruh yang merangkumi aspek-aspek pendidikan asas (membaca, menulis dan mengira) dan perkembangan sihat kanak-kanak”.

Memandangkan bahawa perakuan ini dibuat bagi tujuan memperbaiki mutu pendidikan terutamanya di peringkat rendah maka segala langkah yang perlu dan sesuai dari segi perancangan, penggubalan dan pelaksanaan kurikulum telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian Pelajaran supaya matlamat memperbaiki mutu pendidikan di peringkat rendah ini akan tercapai.

Dengan terlaksananya Kurikulum Baru Sekolah Rendah ini maka ianya akan menggantikan kurikulum yang ada sekarang.

LATIHAN PERANG GONZALES

31. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Pertahanan menyatakan selain daripada latihan Perang “Gonzales” yang telah diadakan sama ada Kerajaan ada mambuat rancangan lain untuk mencari latihan Khas di dalam bidang ketenteraan kepada Angkatan Tentera kita untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan mereka untuk menghadapi sebarang cabaran pada masa akan datang.

Dato Abu Hassan bin Haji Omar: Sebagaimana yang pernah saya terangkan di Dewan Rakyat baru-baru ini, dalam rancangan pembesaran dan penyusunan semula Angkatan Tentera kita, langkah-langkah telah dan sedang diambil untuk meninggikan lagi mutu dan kecekapan para anggota tentera.

Dalam usaha meninggikan pengetahuan anggota-anggota tentera kita di semua

peringkat mengenai teknik serta taktik, latihan-latihan di peringkat pasukan sehingga ke peringkat ketumbukan seperti latihan siri “Gonzales” sentiasa di adakan dari masa ke semasa. Tidak ketinggalan latihan-latihan bersama dengan Angkatan Tentera Negara jiran juga diadakan.

Di samping Latihan-latihan Medan yang dirancang oleh Angkatan Tentera Darat Malaysia, rancangan-rancangan yang sesuai berupa kursus-kursus, sama ada kursus jangka pendek atau jangka panjang, juga disediakan untuk menyesuaikan unit-unit Tentera dengan keperluan tugas-tugas operasi, sejajar dengan perkembangan Angkatan Tentera sekarang. Semua kursus-kursus ini dilaksanakan di sekolah-sekolah latihan di dalam dan di luar negeri. Di samping itu latihan-latihan operasi juga sedang giat dikendalikan di dalam dan di luar negeri, seperti di Australia, New Zealand dan Indonesia.

PENGHIJRAHAN PENDUDUK LUAR BANDAR KE BANDAR

32. Dr Choo Kooi Fook minta Perdana Menteri menyatakan peraturan rakyat di Semenanjung Malaysia, yang duduk dalam kawasan bandar dalam tahun 1970 dan peratusannya dalam tahun 1980 dan nyatakan juga tindakan positif yang akan diambil untuk mengawal penghijrahan rakyat desa ke bandar ini.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Di Semenanjung Malaysia, peratus penduduk yang tinggal di kawasan bandar dalam tahun 1970 ialah sebanyak 28.8% dan peratus ini dianggar meningkat kepada kira-kira 35% dalam tahun 1980. Kadar pertumbuhan yang tinggi ini adalah hasil dari proses perbandaran yang berterusan akibat dari perkembangan sektor-sektor moden seperti pembinaan, pembuatan, kemudahan dan perkhidmatan yang telah mengadakan lebih banyak peluang pekerjaan di bandar-bandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar merupakan suatu phenomena yang biasa berlaku dalam sesebuah negara yang pesat membangun seperti Malaysia. Di negara kita, penghijrahan seperti ini tidaklah

tertumpu kepada sesebuah bandar yang besar seperti Kuala Lumpur sahaja, tetapi beberapa buah bandar dan pusat pembangunan baru di seluruh negara turut mengalami penghijrahan tersebut. Ini adalah hasil dari usaha Kerajaan mengesimbangkan pembangunan antara kawasan-kawasan yang kurang maju dengan kawasan-kawasan yang lebih maju. Perlu juga disebutkan bahawa penghijrahan bukan sahaja berlaku dari luar bandar ke bandar, tetapi juga dari luar bandar ke kawasan-kawasan pembangunan tanah baru seperti rancangan Felda, Felcra dan rancangan-rancangan tanah negeri.

Pada masa ini penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar tidak merupakan suatu masalah yang serius, malah ianya sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk menghapuskan pengenalan kaum dengan fungsi ekonomi dan memperbaiki taraf hidup rakyat. Bagaimanapun, Kerajaan akan terus memperbaiki keadaan hidup rakyat di luar bandar dengan mengadakan kemudahan-kemudahan asas yang lebih baik dan memodenkan sektor luar bandar supaya perkembangan ekonomi akan menjadi lebih seimbang dan secara tidak langsung dapat mengawal penghijrahan belia-belia ke bandar.

BANGUNAN MAHKAMAH MEJISTRET BARU DI BUKIT MERTAJAM DAN BUTTERWORTH

33. Tuan Ishak bin Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan mendirikan bangunan Mahkamah Rendah baru di Bukit Mertajam dan Butterworth.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Kerajaan memang ada rancangan untuk membina bangunan Mahkamah Mejistret baru di Butterworth dan di Bukit Mertajam.

Projek-projek ini belum dapat dilaksanakan lagi kerana masalah memperoleh tapak yang sesuai. Namun demikian, pihak Jabatan Kehakiman sedang merundingkan dengan pihak berkuasa negeri supaya dikemukakan tapak yang sesuai, serta dengan harga yang berpatutan.

JABATAN PERUMAHAN NEGARA— RANCANGAN PERUMAHAN UNTUK KERAJAAN NEGERI

34. Tuan Ismail bin Hashim minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah rancangan yang tertentu diusahakan oleh Lembaga Perumahan Negara untuk Kerajaan-kerajaan Negeri.

Dato Dr Neo Yee Pan: Sekiranya yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu ialah rancangan perumahan awam kos rendah yang akan dilaksanakan oleh Jabatan Perumahan Negara dan bukan Lembaga Perumahan Negara, saya suka memberi sedikit penerangan bahawa biasanya Kerajaan Negeri melaksanakan projek-projek perumahan awam kos rendah dengan menggunakan perkhidmatan Suruhanjaya Perumahan atau Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri atau Jabatan Kerja Raya. Hanya apabila agensi-agensi ini tidak dapat mengendalikan pembinaan rumah-rumah tersebut atau tidak dapat memenuhi qouta unit perumahan, maka barulah perkhidmatan Jabatan Perumahan Negara dipergunakan. Perkhidmatan ini adalah diberi dengan percuma.

Daripada anggaran yang diterima oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebanyak 7 buah negeri akan menggunakan perkhidmatan Jabatan Perumahan Negara untuk melaksanakan rancangan-rancangan perumahan awam kos rendah di bawah RME. Negeri-negeri tersebut adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bil. Projek</i>
Johor	25
Perak	65
Kedah	33
Kelantan	43
Selangor	16
Perlis	16
Melaka	7
JUMLAH	<hr/> 205 <hr/>

KESALAHAN ATAS KEKOTORAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

35. Tuan Ishak bin Abdul Rahman minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan bilangan orang ramai yang telah ditangkap dan didenda bersabit dengan kesalahan membuat kekotoran dalam kawasan Bandaraya Kuala Lumpur menurut tahun-tahun 1978, 1979 dan 1980.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Bilangan notis kompaun yang telah dikeluarkan kepada orang ramai bersabit dengan kesalahan membuat kekotoran dalam kawasan Bandaraya Kuala Lumpur menurut tahun-tahun 1978, 1979 dan 1980 adalah seperti berikut:

1978	5,254
1979	10,151
1980	5,117

Notis untuk mengkompaun ini yang dikeluarkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 merangkumi segala jenis kesalahan membuat kekotoran seperti membuang sampah, gerai-gerai kotor dan lain-lain lagi.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA KEBAWAH D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyinya—

“Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang

zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kelima. “ (13hb April, 1981).

3.35 *ptg.*

Dato Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun ialah untuk mengambil bahagian membahaskan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah di lafazkan pada masa pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Kelima pada 16hb Mac, 1981.

Saya mula-mula sekali menarik perhatian berhubung dengan Titah Baginda di dalam ucapan itu berkenaan dengan perkara ugama. Baginda bertitah:

“Beta merasa dukacita kerana di akhir-akhir ini telah lahir segolongan kecil di kalangan masyarakat Islam yang telah lahir segolongan kecil di kalangan masyarakat Islam yang telah terpesong dari ajaran Islam yang sebenarnya. Kafir-mengkafir, pulau-memulau dan fitnah-memfitnah telah berlaku. Lebih dari itu golongan ini telah bertindak dengan lebih dahsyat lagi untuk memecah-belahkan umat Islam. Bagi mengatasi masalah ini Kerajaan Beta akan terus berusaha mengembangkan syiar Islam kepada segala lapisan masyarakat melalui berbagai langkah yang disediakan. Beta merayu kepada semua umat Islam supaya memahami ajaran Islam dengan betul berdasarkan ajaran Al-Quran dan Hadis.”

Demikianlah, Tuan Yang di-Pertua, Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkenaan dengan ugama iaitu Baginda terlampau kesal sekali melihatkan umat Islam di dalam negeri ini berpecah dan ada satu golongan kecil di kalangan masyarakat Islam pula yang telah memecahbelahkan umat Islam dengan petua-petua kafir-mengkafir, pulau-memulau dan fitnah-memfitnah. Maka perkara ini sebagaimana yang kita telah alami dan sama-sama mengetahui, perkara ini telah lama

berlaku di dalam negara kita kenapa sehingga ini telah tidak putus-putus berlaku sampai ke saat kita ini ataupun ke saat Baginda Yang di-Pertuan Agong bertitah di dalam Parlimen ini.

Adalah menjadi satu kemalangan kepada orang-orang Islam di negeri ini sudahlah bilangan mereka tidak sampai separuh daripada bilangan penduduk-penduduk Malaysia seluruhnya tetapi mereka telah berpecah-belah, mereka telah berbalah, mereka telah berkelahi sesama sendiri dengan tuduh-menuduh sebagaimana yang dititahkan oleh Baginda dengan cara kafir-mengkafir.

Barangkali ada negeri-negeri yang tidak sampai perkara ini ke pengetahuan mereka tetapi kepada orang-orang di Pantai Timur seumpama di Trengganu, di Kelantan dan sebagainya perkara-perkara yang seumpama ini adalah sudah menjadi satu perkara biasa kepada mereka. Orang-orang berani menuduh orang Islam dengan sebab menyokong sesebuah parti politik seumpama Barisan Nasional berani mereka mengatakan kafir ataupun murtad. Perkara ini sama sekali tidak diterima oleh Islam, Tuan Yang di-Pertua. Perkara kafir-mengkafir ini adalah satu perkara yang besar sekali di dalam Islam tetapi apa boleh buat, Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana yang kita sama-sama ketahui di dalam Perlembagaan kita, perkara-perkara ugama ini adalah terserah kepada negeri masing-masing, negeri-negeri yang membuat undang-undang untuk menjalankannya, manakala Kerajaan Persekutuan adalah memegang teraju yang besar-besar sahaja. Misalnya, di dalam perkara membuat undang-undang diserahkan mengikut di bawah Perlembagaan Malaysia di dalam Jadul Kesembilan, Senarai 2 ditetapkan undang-undang boleh dibuat oleh negeri-negeri dan Mahkamah-mahkamah Syariah boleh ditubuhkan di negeri-negeri itu untuk membicarakan kesalahan-kesalahan orang Islam tetapi tentang hukuman yang akan dikenakan menurut undang-undang yang akan dibuat itu tidak diberi sebeb-bebasnya kepada negeri untuk bertindak. Di dalam Perlembagaan juga disekat melainkan hukum-hukum itu hendaklah ditetapkan oleh Parlimen Malaysia sendiri. Ini satu perkara

yang tidak mendapat kepuasan hati umat Islam di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini selama Mahkamah Syariah telah terdiri undang-undang telah dibuat, maka hanyalah kuasa untuk menghukum itu kepada Mahkamah Syariah hanyalah kuasanya menjatuhkan 6 bulan penjara ataupun \$1,000 denda sahaja yang diberikan. Jadi, apa juga kesalahan yang hendak dibuat dalam undang-undang itu buatlah tetapi dendanya tak lebih daripada \$1,000 ataupun 6 bulan penjara. Kalau sekiranya pada pendapat Mahkamah, pada pendapat negeri seumpama negeri Trengganu ataupun negeri Kelantan patut orang-orang yang menuduh seseorang itu murtad ataupun menuduh seseorang itu kafir, maka patut dihukum, maka hukuman yang dibenarkan oleh undang-undang yang ada itu hanya setakat 6 bulan penjara ataupun denda \$1,000. Jadi pada pendapat saya perkara yang seumpama ini sudah sampailah masanya Dewan yang mulia ini, Parlimen—Dewan Rakyat dan Dewan Negara memberi kuasa kalau sekiranya di dalam Mahkamah biasa, Mahkamah Sivil Majistret boleh menghukum seberat-beratnya dan boleh mendenda entah berapa puluh ribu ringgit, Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Tinggi boleh menghukum mati dan sebagainya, apa fasal di dalam perkara Mahkamah Syariah, undang-undang Mahkamah Syariah tidak diberi kuasa supaya negeri-negeri yang telah diberi kuasa di dalam Perlembagaan supaya menubuhkan Mahkamah Syariah masing-masing supaya membuat undang-undang Islam masing-masing tidak diberi kuasa supaya menambahkan denda lebih daripada enam bulan, menjatuhkan hukuman penjara lebih daripada enam bulan dan hukuman denda lebih daripada \$1,000.

Baru-baru ini, seorang Tok Guru dari Kelantan telah mengajar di negeri Trengganu dan di dalam ajarannya itu dia telah membuat fatwa sebagaimana yang dititahkan oleh Baginda Yang di-Pertuan Agong, menyatakan orang-orang Barisan Nasional kafir, murtad sebarang sembelihannya tak boleh dimakan, kalau dia beristeri maka suaminya orang Barisan Nasional, isteri bukan maka akan tergugur dan tertalak dan sebagainya. Maka oleh Kerajaan Negeri

Trengganu iaitu Pejabat Ugama Negeri Trengganu telah menyaman Tok Guru tadi, bawa dia ke dalam Mahkamah Syariah, nama Tok Guru itu Haji Mustafa, telah disaman dan dibicarakan di Mahkamah Syariah, Besut. Saya sendiri telah disubpoena sebagai menjadi pembantu Legal Adviser atau Pendakwa kes itu, maka pada akhirnya Tok Guru telah dihukum 4 bulan penjara kerana hukuman maksima ialah enam bulan penjara, agaknya tak patut kalau dikenakan hukuman maksima 6 bulan penjara. Kes itu sedang diappeal.

Baru-baru ini, kita baca dalam surat khabar Utusan Zaman, seorang Tok Guru di Kelantan bernama Tok Wali, Pak Chu Hassan namanya, barangkali kerana dia orang alim, kerana dia orang warak maka orang panggil dia Tok Wali. Dia juga memberi fatwa: orang di dalam Barisan Nasional adalah hukumannya kafir dan murtad. Jadi Tok Guru atau Tok Wali itu telah dipanggil kepada Majlis Hal Ehwal Ugama Islam Kelantan, apakala dia telah disoal dan ditanya sebab-sebabnya fatwa itu dan apakala telah didesak apakah sebabnya dia memberi fatwa yang begitu, dia tidak dapat menjawab dengan baik. Pada akhirnya dia berkata, "saya ini adalah dipengaruhi oleh parti politik yang memberi fahaman kepada saya bahawa orang-orang di dalam Barisan Nasional itu adalah mengingkari Al-Quran dan Hadith. Jadi tiap-tiap orang yang mengingkari Al-Quran dan Hadith hukumnya kafir dan murtad, sebab itulah saya beri fatwa begitu. Sekarang barulah saya tahu tidak begitu. Sekarang saya akan pergi menjelajah semula di mana-mana tempat yang saya beri syarahan hendak tarik balik apa yang saya fatwakan itu." Ini dua contoh berhubung dengan masalah kafir-mengkafiri itu. Maka begitulah keadaan di negeri kita daripada semasa ke semasa.

Baru di dalam Dewan ini semalam Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ditanya masalah di Kelantan juga iaitu pedang-pedang sedang disediakan oleh orang-orang tertentu dengan mengukir ayat-ayat Quran untuk digunakan dalam keadaan-keadaan yang tertentu juga. Jadi, pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengatakan kita tidak boleh buat apa-apa

selagi dia tidak bertindak apa-apa. Jadi kalau mereka bertindak dahulu, barulah kita boleh bertindak balas. Itupun satu soal juga, saya tidak faham perkara macam ini. Jadi, maksud Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menanti berlaku seperti berlakunya peristiwa di Batu Pahat, orang-orang yang ada pedang itu akan pergi menyerang Balai Polis dan bunuh 10—20 orang masa itulah baru pihak Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri akan pergi ke situ, akan tembak dan menangkap. Takkan boleh begitu? Perkara ini telah berlaku tahun lepas.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah menangkap orang daripada Kedah iaitu orang-orang yang dikatakan Pasukan Angkatan Sabilullah (PAS) yang juga ada mempunyai pedang. Mereka itu dikurung sampai sekarang ini tidak dilepaskan.

Jadi, peristiwa ini akan panjang, bahkan perkara ini ada hubungan dengan dunia luar. Bahkan katanya rampasan kapal terbang Garuda Indonesia baru-baru ini adalah berhubung dengan orang-orang fanatik seumpama itu. Saya tidak tahu tetapi saya hanya terbaca di dalam suratkhabar.

Peristiwa di Batu Pahat, apakala berlaku orang-orang golongan ini telah memutar balik iaitu mengambil gambar penyerang dan pegganas yang telah mati ditembak itu disiarkan di dalam surat khabar Mesir, di Timor Tengah dan di bawahnya ditulis, katanya: beginilah kejarnya Kerajaan Malaysia, Kerajaan yang mengaku Islam sebagai ugama rasmi negara, kejarnya terhadap ulama-ulama Islam yang memperjuangkan Islam dibunuh dan ditembak. Sudah jadi terbalik. Pegganas-peggnas yang membunuh yang menyerang Pasukan Polis, yang menyerang orang yang tak berdosa di Balai Polis itu dikatakan ulama-ulama mati syahid (syuhada). Kemudian Duta-duta kita yang ada di sana, entah macam mana, saya sudah bertanya di dalam Dewan yang lepas apa tindakan, apa mereka buat di sana? Jadi ini satu perkara susah.

Saya teringat-ingat kepada Titah Ucapan Baginda Yang di-Pertuan Agong katanya, "Kerajaan Beta akan terus berusaha

mengembangkan syiar Islam kepada segala lapisan masyarakat". Itu betullah, kalau sekiranya agama itu hak negeri, Kerajaan Persekutuan hanyalah setakat mengembangkan syiar sahaja, apa hendak dibuat hendak ditangkap? Undang-undang Syariah terletak di dalam tangan negeri, kalau boleh ditangkap adalah menerusi undang-undang kebangsaan, menerusi national law sahaja, tidak menerusi Undang-undang Mahkamah Syariah. Jadi itulah barangkali Baginda Yang di-Pertuan Agong kata, "Kerajaan Beta berusaha mengembangkan syiar Islam kepada segala lapisan masyarakat". Sekadar memberi, menambah ilmu pengetahuan, menambahkan pendakwah-pendakwah supaya syiar Islam itu jelas supaya difaham oleh sekalian orang. Baginda pun berseru diakhirnya "Beta merayu kepada semua umat Islam supaya memahami ajaran Islam dengan betul". Baginda merayu orang-orang Islam janganlah terpesong tetapi hendaklah memahami ajaran Islam dengan betul.

Hendak memahami ajaran Islam dengan betul, Tuan Yang di-Pertua, Islam ini apa benda? Apa benda dia itu. Islam ialah satu agama, satu sistem hidup, maka hendaklah dipelajari segala hukum-hukum dan rukun-rukunnya, tidak boleh dikatakan seorang mengaku saya Islam, sudah cukup dia Islam, tidak boleh mengaku Islam, seorang tidak boleh kita akui Islam yang sebenarnya melainkan hendaklah dia cukup tahu hukum-hukum dan rukun-rukun Islam. Hukum-hukum ini dengan jalan dipelajari, maka Kerajaan kita sebagai hendak mengembangkan syiar Islam dia telah memasukkan Pelajaran Agama Islam menerusi sekolah-sekolah, menerusi sekolah-sekolah rendah, daripada sekolah-sekolah sampai ke sekolah-sekolah menengah, sampai kepada universiti sebagaimana yang diterangkan oleh Menteri Pelajaran ini iaitu Universiti Malaya telah membuka kampus keagamaannya di Bachok, Kelantan, Universiti Kebangsaan juga ada membuka cawangan Islamic Studynya dan begitulah universiti-universiti yang lain. Ini saya akui dan saya mengucapkan syabas kepada pihak Kementerian Pelajaran yang telah mengambil berat dan mengambil inisiatif yang begitu tinggi terhadap agama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak bercakap di dalam Dewan yang mulia ini boleh jadi saya sebagai bekas guru agama, saya mengkhianati kepada Dewan dan saya mengkhianati kepada diri saya sendiri, boleh jadi saya tidak amanah kepada seluruh orang-orang Islam dalam negeri ini, yang dia tahu saya ini adalah seorang Senator yang saya patut menyampaikan di dalam Dewan ini apa yang saya tahu. Jadi dengan asas ini sama ada dipersetujui ataupun tidak dipersetujui saya mesti bercakap "terlalar" kata orang Trengganu, saya "terlalar" di sini.

Saya berdukacita, Tuan Yang di-Pertua, pelajaran agama Islam begitu sekali telah diambil berat daripada kalau tidak salah saya tahun 1956 lagi oleh Kementerian pelajaran dan dimasukkan pelajaran agama ke sekolah-sekolah, kerana saya sendiri pada masa itu menjadi guru sekolah Arab telah dipinjamkan oleh Kerajaan Negeri Trengganu kepada Kementerian Pelajaran untuk mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan di Kuala Trengganu dalam tahun 1957 selepas setahun. Maka pelajaran agama daripada sekolah rendah sampai kepada sekolah menengah yang diajar ini adalah berkesan, Tuan Yang di-Pertua? Saya dapati tidak berkesan, tidaklah begitu berkesan dan tidak memberi kepuasan peratusnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka baca di dalam Dewan ini apa yang dikatakan oleh Pengarah Pelajaran Negeri Sembilan, Encik Mohd. Noor Long, memberitahu di Majlis Pelancaran Pertubuhan Puteri Islam Negeri Sembilan di Seremban pada 1hb Mac, 1981 katanya:

"Berdasarkan laporan Bahagian Pelajaran Agama Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan yang telah membuat kajian di beberapa buah sekolah di Negeri ini didapati:

- (i) 56% pelajar Islam tidak boleh membaca Quran.
- (ii) 63% tidak pandai berwuduk.
- (iii) 32% tidak tahu bersuci.
- (iv) 51% tidak tahu Sembahyang".

Ini Pengarah Pelajaran Negeri Tuan Yang di-Pertua, selepas daripada kajian, selepas daripada penyelidikan di Negeri Sembilan diberi figure ini, diberi kenyataan ini, diberi kepada Pertubuhan Puteri Islam Negeri Sembilan, menyatakan kesalahannya bagaimana dukacitanya melihatkan pelajar-pelajar Melayu, pelajar-pelajar Islam itu di dalam sekolah-sekolah rendah tidak tahu hendak sembahyang, tidak tahu hendak berwuduk, tidak tahu hendak membaca Quran. Perkara yang seumpama ini bukan kali yang pertama, di dalam Dewan yang mulia ini saya sudahpun bawa beberapa tahun yang lepas dan Pengarah Pelajaran Negeri Perak juga telah membuat analisa yang seumpama ini iaitu tidak sampai 50% daripada pelajar-pelajar Islam di negeri Perak yang tahu berwuduk, yang tahu bersembahyang, yang tahu membaca Quran.

Jadi di dalam sifir kita, kalau macam ini caranya maknanya adalah satu kegagalan, bukan kejayaan, jadi kalau sekiranya Kementerian Pelajaran pada masa sekarang ini melihatkan bagaimana Kementerian Pelajaran telah membuat kajian berkenaan dengan kurikulum "3M" apa fasal Kementerian Pelajaran membuat kurikulum "3M" iaitu Membaca, Menulis dan Mengira. Ini ialah kerana pihak Kementerian Pelajaran telah membuat satu kajian menerusi Jabatan Kurikulum Kementerian Pelajaran dari bulan Jun 1979 hingga April 1980 selama 10 bulan terhadap 287 buah sekolah rendah di kalangan 16,816 orang murid di dalam sekolah-sekolah yang menggunakan bahasa pengantar Bahasa Malaysia, Cina dan Tamil, maka didapati 45% murid tidak boleh membaca, 50% murid tidak boleh menulis, 70% murid sekolah kebangsaan tidak boleh mengira, 50% murid di sekolah Cina tidak boleh mengira. Maka dengan sebab menyedari hakikat inilah pihak Kementerian bertungkus-lumus, katanya perkara ini tidak boleh jadi kurikulum, yang ada itu mesti diubah, sistem pelajaran yang ada itu mesti diubah, maka akan berjalanlah kurikulum "3M" mulai daripada tahun depan. Kurikulum "3M" ini akan dimulakan pada tahun depan untuk dicuba kepada 300 buah sekolah iaitu boleh dikatakan 8% daripada jumlah kepada semua sekolah di dalam negara ini. Untuk melaksanakannya itu

Kerajaan perlulah membuat analisa adakah Kurikulum "3M" ini akan diteruskan atau tidak. Ini kepada murid-murid yang tidak pandai membaca, menulis dan sebagainya di Sekolah-sekolah Kebangsaan itu apakala dibuat kajian oleh Jabatan Kurikulum di Kementerian Pelajaran. Tetapi perkara buta agama oleh murid-murid Islam ataupun murid-murid Melayu di Sekolah-sekolah Kebangsaan bukan baru timbul; perkara ini sudah lama timbul tetapi tidak ada nampaknya pihak Kementerian Pelajaran membuat satu jawatankuasa untuk mengubah kurikulum dan sebagainya dan akan berkekalanlah barangkali pada fikiran saya kelemahan murid-murid ini sampai bila-bila, wallahualam, saya tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua.

Apa yang menghairankan saya, perkara ini kita sekarang ini negari kita sudah merdeka 23 tahun lebih; 24 tahun, agama Islam telah mencatatkan sebagai agama rasmi di dalam Perlembagaan. Kementerian Pelajaran sudah mengambil berat betul-betul membelanjakan begitu banyak wang, di dalam Rancangan Malaysia Keempat ini peruntukan Kementerian Pelajaran ialah hampir \$4,000 juta ataupun \$4 billion banyaknya. Maka wang-wang yang begini banyak dibelanjakan, apalah salahnya kalau sekiranya dilihat perkara-perkara seumpama pelajaran agama ini tidak begitu memuaskan, dicari jalan supaya membetulkannya. Adapun dengan cara sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kita hendak salahkan. Kita tengok apa kata Pengarah Pelajaran, Negeri Sembilan—"Tambah Pengarah Pelajaran itu: untuk mengatasi masalah tersebut satu cara ialah mengadakan perjumpaan dengan guru-guru agama bagi menyedarkan hakikat ini dengan memberi panduan untuk mengurangi masalah pelajaran dan pembelajaran matapelajaran Agama" Jadi itulah ikhtiar Pengarah Pelajaran Negeri Sembilan hendak panggil guru-guru agama, mencari jalan supaya murid-murid yang ada itu tidak begitu gagal.

Pada pendapat saya, kalau kurikulum pelajaran Agama itu masih tidak diubah, selama itulah kegagalan akan berlaku. Misalnya, pada masa sekarang ini period yang dikhaskan kepada pelajaran Agama di

sekolah Rendah ialah 120 minit seminggu. 120 minit seminggu bererti kalau dibahagi dengan 40 jadi 3 period sahaja. Dalam 3 period, 3 masa sahaja murid Islam belajar; bukan tiap-tiap hari. Satu period 40 minit. Pelajar-pelajar kita belajar 5 hari seminggu tetapi Ugama dia belajar 3 kali sahaja seminggu, 2 hari lagi tidak, apa benda yang diajar pelajaran Ugama!

Maka di sinilah, kalau sekiranya matapelajaran lain seumpama kita kata membaca, kalau sekiranya 3 kali maka ditumpukan kepada membaca sahaja. Kalau pelajaran itu Ilmu Hisab, mengira 4 kali atau 5 kali maka ditumpukan kepada Ilmu Hisab, kira-kira sahaja sama ada kira-kira campur, kira-kira tolak, kira-kira bahgi; tetapi kepada matapelajaran Ugama Islam ditulis pelajaran Ugama Islam. Matapelajaran ada empat iaitu Quran, Fekah, Tauhid dan Sejarah Islam. Empat perkara ini diajar kepada murid-murid. Cubalah Tuan Yang di-Pertua fikir sendiri, 3 kali seminggu hendak belajar 4 perkara. Jadi kalau 'dicerkan' oleh guru-guru inipun tidak dapat sekali seminggu, macam mana murid-murid hendak tahu? Kalau murid-murid ini diajar Fekah, di dalam Fekah itu di situlah hendak diajar bagaimana cara mengambil air sembahyang, bagaimana hendak sembahyang, bagaimana yang membatalkan sembahyang, bagaimana puasa, bagaimana Haji di dalam bahagian Fekah. Di dalam bahagian Tauhid pula akan diajar kepada murid itu berkenaan dengan ketuhanan. Di dalam sejarah Islam pula akan diajar kepada murid itu sejarah Nabi s.a.w. kita, perkembangan Islam dan sebagainya dan di dalam bahagian Al-Quran pula hendak diajar kepada murid itu membaca Quran dengan Tajwid dan sebagainya.

Apakala kita merayu kepada Kementerian Pelajaran menyatakan tidak cukup; 3 period seminggu memang tidak cukup; 120 minit tidak cukup; dia kata itupun telah banyak, pelajaran lain macam itu juga. Jadi dibandingkan, dikiasnya, Tuan Yang di-Pertua. Orang Arab ada satu perumpamaan yang menyatakan: Jangan dikias atau dibandingkan terung dengan telur. Fasal apa dibandingkan begitu? Fasalnya pada masa tok guru itu mengajar ramai-ramai, tok guru suruh seorang muridnya bawa balik terung ke

rumahnya untuk dimasak, dia balik nanti hendak makan nasi. Apakala murid itu balik ke rumah tok guru didapati pintu berkunci, yang ada tingkap sahaja. Jadi terung itu dibawa balik kepada tok guru. Tok guru kata mengapa tidak siap? Dia kata tidak ada orang, pintu berkunci. Tok guru berkata: Mengapa engkau tidak campakkan ikut tingkap. Cik Puan ada di dalam, dia malu. Campak ikut tingkap sudahlah!

Esok tok guru beri telur dan suruh murid ini hantar. Didapatinya pintu berkunci, lalu dicampakkannya ke atas. Apabila dia sampai, tok guru bertanya: Macam mana? Dia kata: Saya dapati pintu berkunci, jadi saya campakkan telur itu ikut tingkap. Allah, kata tok guru: Engkau kiaskan, engkau bandingkan telur dengan terung. Jangan bandingkan telur dengan terung. Jadi inilah Perumpamaannya. Saya bawa bandingan ini kerana begitulah yang telah dibandingkan oleh pihak Kementerian Pelajaran. Pihak Kementerian Pelajaran membandingkan masa yang dikhaskan kepada pelajaran Ugama ini dengan pelajaran-pelajaran yang lain padahal Pelajaran Ugama ini mesti ada tetap 4 matapelajaran iaitu Quran, Fekah, Tauhid dan Sejarah Islam, diberi 120 minit (3 period) tetapi hak lain kalau dikatakan 3 period: 3 period betul. Kenapa tidak dibuat kajian? Jadi kalau Pengarah Pelajaran Negeri Sembilan ini panggil tok guru di seluruh Negeri Sembilan pun saya fikir itu satu mukjizat kalau dia boleh uraikan ini, melainkan dengan cara-caranya. Inilah yang saya hairan, Tuan Yang di-Pertua, di dalam perkara-perkara yang seumpama ini; di dalam negara kita sudah merdeka lebih daripada 23 tahun banyak rupanya murid-murid kita, pelajar-pelajar kita nama sahaja Islam tetapi mereka itu tidak tahu Sembahyang.

Yang lebih menghairankan lagi, betul-betul hairan, 63% tidak pandai berwuduk, 51% tidak pandai sembahyang. Jadi maknanya orang yang pandai sembahyang itu lebih banyak daripada orang yang pandai berwuduk. 63% tidak pandai berwuduk sepatutnya 63% tidak pandai sembahyang kerana dia tidak pandai berwuduk. Pandai sembahyang 50%, 63% yang tidak pandai berwuduk. Orang yang pandai berwuduk

cuma 37% sahaja, tiba-tiba orang yang tidak pandai berwuduk ini sembahyang; sembahyang yang tidak berwuduk. Fasal apa dia sembahyang? Barangkali cikgu marah, balik ke rumah emak marah kena sembahyang juga, sudah menipu diri sendiri. Dengan penyata ini sudah menipu diri sendiri. Kemudian kata tak tahu bersuci, tak tahu berhadass, ini lebih merunsingkan lagi.

Di dalam Dewan yang mulia kita tidak patut sebut tetapi perkara yang facts, yang sebenar mesti disebut. Pelajar-pelajar ini akan dewasa. Di dalam generasi yang akan datang mereka akan berkahwin, bersemenda, orang-orang ini apakala ia dikahwinkan, apa katanya, apakala ia melakukan hubungan jenis ia tidak pandai mengangkat hadas, ia tidak mandi junub dengan sebab dia tidak pandai berwuduk dan sebagainya. Ini balanya akan menimpa negara. Maka betul sangatlah sebagaimana yang dititahkan oleh Seri Paduka Baginda yang di-Pertuan Agong. Patutlah tiap-tiap seorang rakyat Islam di negara ini diseru oleh Yang di-Pertuan Agong supaya memahami Islam betul-betul, jangan Islam baka sahaja, mengaku Islam, semua orang boleh mengaku Islam, saya boleh mengaku Islam, dia boleh mengaku Islam tetapi kalau sekiranya tidak pandai sembahyang, tidak pandai berwuduk Islam macam mana? Saya panjang boleh bercakap dalam perkara ini, tetapi tadi Setiausaha Dewan telah memberi amaran kepada saya jangan panjang-panjang, orang lain hendak bercakap. Yang benar saya banyak yang saya hendak cakap, banyak, kalau Tuan Yang di-Pertua benarkan saya banyak benda yang saya hendak bercakap.

Saya berharap pihak Kementerian Pelajaran mengambil berat betul-betul di dalam perkara ini. Penilaian darjah V, ini satu perkara juga, banyak perkara yang berlaku di Kementerian Pelajaran ini tidak putus-putus. Perkara yang banyak sekali saya bawa di dalam Dewan ini ialah berkenaan dengan pelajaran. Tetapi kalau saya tidak bawa bagaimana saya katakan tadi saya kena bawa. Ini berkenaan dengan Penilaian Darjah V. Baru-baru ini Menteri Pelajaran bercakap kepada Kesatuan Guru-guru dan Wakil-wakil Akhbar di Lembaga Peperiksaan di Kuala Lumpur pada 17hb Januari, 1981.

Apa katanya, bahawa Peperiksaan Penilaian Darjah V pada prinsipnya bertujuan semata-mata untuk mengukur kemajuan pencapaian murid-murid Darjah V. Dengan adanya peperiksaan itu kerja-kerja pemulihan dapat dilakukan bagi mengatasi kelemahan yang didapati dalam Darjah V pada tahun berikutnya di dalam Darjah VI. Tetapi dari perkembangan-perkembangan yang berlaku dewasa ini nampaknya peperiksaan tersebut sudah menjadi peperiksaan pemilihan bukan pemulihan, tegasnya. Perkara tersebut perlu diatasi segera kerana peperiksaan penilaian itu secara tidak langsung telah mengambil alih peperiksaan kemasukan ke sekolah atau MSSEE yang telah dimansuhkan sejak tahun 1965. Jadi Kementerian Pelajaran sudah mengkritik cara-cara Penilaian Darjah V sebagaimana Tuan Yang di-Pertua tahu dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Ahli Dewan sedar apabila murid-murid anak-anak kita sampai ke darjah V maka akan diadakan satu peperiksaan penilaian namanya. Maka menerusi peperiksaan penilaian ini akan disalurkan murid-murid itu sama ada ke sekolah sains atau ke sekolah biasa, ke kelas khas ataupun ke kelas biasa, ke Maktab Rendah Sains dan sebagainya berdasarkan kepada keputusan yang didapati oleh pelajar-pelajar ini.

Jadi apakah perkara ini betul? Adakah betul begitu? Kalau sekiranya perbuatan yang seumpama ini diakui oleh Menteri Pelajaran baiklah dihidupkan balik peperiksaan memasuki sekolah menengah yang dinamakan MSSEE dahulu. Padahal ini sudah dimansuhkan sejak tahun 1965, tidak dikehendaki. Katanya lagi, sebelum dimansuhkan hanya 30% sahaja murid-murid sekolah rendah berjaya memasuki sekolah menengah dan angka ini meningkat kepada 90% bila peperiksaan itu dimansuhkan. Itu kata Menteri Pelajaran sendiri.

Saya bawa perkara ini ke Dewan yang mulia ini sebab di dalam sebuah sekolah murid-murid diajar ilmu pengetahuan pelajarannya dan murid-murid juga digalakkan mengambil bahagian aktif atau kecergasan luar. Murid-murid digalakkan bermain bola, murid-murid digalakkan supaya mengambil bahagian dalam bahagian

pengakap (scout) di dalam bahagian perpustakaan dan sebagainya. Perkara ini berlaku kepada cucu saya sendiri. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebutkan di sini.

Saya dengan bangganya menceritakan hal cucu saya sendiri. Namanya Ahmad Sukarman bin Mohamad. Anak saya namanya Mohammad, cucu saya namanya Ahmad Sukarman. Apabila dia masuk dalam sekolah di luar bandar, bukan dalam bandar, walaupun saya duduk di dalam bandar tetapi dia duduk di luar bandar, dia selalu datang dekat saya dan menceritakan hal pelajaran dia. Saya menggalakan dia, dia kata Cikgu suruh dia mengawasi perpustakaan, memberi kepercayaan kepada dia, kerana Cikgu kata dia cergas, kerana dia ikut Cikgu, awak ikut perintah Cikgu, bagus. Dia disuruh mengawasi sekolah sebagai menolong Guru, kerana dia yang boleh dipercayai, saya kata ikut, bagus, kepercayaan Guru itu mestilah awak menerima betul-betul dan patuh kepada Guru. Dia menjadi Ketua pengakap. Bila dalam pelajaran dia, saya selalu bertanya guru dia kata dia adalah mendapat pengkat satu, murid yang bagus, murid yang cergas, maka berlakulah dengan takdir Allah subhanahu wa taala, peperiksaan penilaian yang dikatakan oleh Menteri Pelajaran tadi. Maka di dalam peperiksaan penilaian entah macam mana masa itu barang kali dia punah wallah hu'alam maka dia tidak dapat A dalam semua matapelajaran. Dalam lima matapelajaran, dia dapat hanya 2A, 3B. Bahasa Malaysia dia dapat A, Bahasa Inggeris dia dapat B, Ilmu Hisab dia dapat B, Sain awalan dia dapat A, Ilmu Alam dan Tawarikh dia dapat B. Jadi jumlahnya 2A, 3B. Mengikut tafsirannya A ini terbaik, B kepujian, C lulus, D dan F tidak lulus. Jadi alhamdulillah cucu saya itu semua sekali bagus iaitu dua yang terbaik dan 3 mendapat kepujian.

Saya sudah berjumpa dengan Guru Besarnya, Guru Besar mengeluarkan sijil tamat pelajaran kepadanya maka ditulis dalam sijil pelajarannya itu antara lain katanya nilai dan kebolehan dalam pelajaran di sekolah pangkat satu. Memang pelajaran dia hari-hari dia dapat pangkat satu.

Kemudian, Kebolehan Yang Istimewa—dia menjadi Pengawas Sekolah, Pengawas Perpustakaan dan Ketua Pengakap—akuhan daripada guru. Akhlnaknya baik. Dia minta hendak belajar di sekolah sains, saya pergi ke Pejabat Pelajaran Trengganu, Pejabat Pelajaran Trengganu kata kena tulis surat ke Kuala Lumpur. Saya berkira hendak memasukkannya ke Maktab Rendah Sains MARA di Trengganu, Maktab Mara kata kena tulis ke Kuala Lumpur juga, semuanya di Pusat Kuala Lumpur. Kalau sekiranya hasil mahsul di Kuala Lumpur, tentulah pelajarannya itu di Kuala Lumpur. Jadi saya pun menulishlah ke Kuala Lumpur, surat saya ini daripada seorang Senator Haji Mahmoud Salim.

“Ke Majlis Pengarah Bahagian Sekolah-sekolah,
Kementerian Pelajaran,
Tingkat 14,
(Bangunan Bank Pertanian.)
Lebuh Pasar Besar,
Kuala Lumpur.

Memohon Belajar di Sekolah Menengah Sains 1981

Dengan hormatnya saya memohon pertimbangan tuan sekiranya dapat dimasukkan cucu saya, Ahmad Sukarman bin Mat Mohamad (Kenyataannya seperti di bawah) ke dalam Tingkatan 1, 1981 Sekolah Menengah Sains di Kuala Trengganu ataupun di mana-mana sekolah sains yang tuan pertimbangkan.

2. Saya kembalikan bersama-sama ini:

- (1) Salinan keputusan peperiksaan penilaian Darjah V 1979;
- (2) Sijil Tamat Peperiksaan Sekolah Rendah,

3. Guru Besar sekolahnya telah mencatat dalam Sijil Tamat Persekolahannya itu seperti berikut:

Nilai kebolehan dalam pelajaran di Sekolah —Pangkat Satu; Kebolehan yang istimewanya ialah Pengawas sekolah, Pengawas Perpustakaan dan Ketua Pengakap.

Oleh kerana hasrat cucu saya itu begitu sekali kuat untuk belajar di sekolah sains, maka besarlah harapan saya mudah-mudahan cita-cita cucu saya itu terkabul dan pihak tuan dapat memenuhi hasratnya.

Sekian, Terima kasih.

Saya dengan hormatnya,
t.t

(Haji Mahmoud Salim bin Mohamad)
Senator.”

Saya pun lepas tulis surat ini tunggu jawapan tetapi sampai pada akhirnya surat tak berjawab, cucu saya itu terganggu-ganga, saya pun terpaksa bawa dia ke sekolah biasa. Inilah nasib. Tak apa, dia boleh belajar di sekolah biasa tetapi saya mahu bertanya Kementerian Pelajaran yang saya ini seolah-olah telah menipu cucu saya. Apakala dia beritahu kepada saya gurunya suruh menjadi Pengawas Perpustakaan, saya kata ikut, bagus itu, satu kepercayaan guru kepada awak. Apakala dia kata guru suruh menjadi Pengawas Sekolah, saya kata ikut, taat. Apakala dia kata gurunya suruh menjadi pengakap saya suruh ikut. Dia dapat balik sekejap-sekejap ke rumah sahaja membuat kerja di samping membaca sebagai seorang murid. Tetapi apakala Penilaian Darjah V sudah berlaku, segala-segalanya dipana, tidak dipandang dengan sebelah mata, apa yang dipandang ialah jawapan murid itu sahaja.

Pada masa yang akan datang Kementerian Pelajaran sendiri barangkali mahu supaya murid-murid itu jadi bodoh di dalam bahagian aktiviti luar ini, mesti tumpu kepada pelajaran. Jangan hiraukan pengakap, jangan hiraukan perpustakaan. jangan hiraukan itu dan ini. Kalau cikgunya mahu—tolak. Ini kerana tidak ada nilai, tidak ada harganya. Saya pun pada cucu saya pada masa akan datang saya akan berbuat begitu, jangan pisang berbuah dua kali. Ini saya bawa ke sini, adakah betul perkara macam ini, mestilah ada penghargaannya. Walaupun perkara ini kecil tetapi saya sendiri berasa berdosa kepada cucu saya.

Saya curahkan di sini bagi pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Ini satu daripada langkah-langkah yang patut kita ketahui. Tiap-tiap perkara aktiviti di sekolah

itu mesti ada penghargaannya, barulah murid-murid itu akan mengambil bahagian yang cergas, kerana dia tahu tiap-tiap satu ada nilainya, kalau perkara itu tidak ada nilai, tak ada gunanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh masalah nelayan, kerana masalah nelayan ini adalah satu masalah yang besar bagi penduduk-penduduk di Pantai Timur. Walaupun orang-orang di Kuala Lumpur ini tidak terasa, orang-orang di Kuala Lumpur ini apa yang dia susah, dengan sebab ikan semuanya datang daripada Pantai Timor ataupun daripada Pantai Barat atau daripada utara dan selatan, semuanya berhimpun di Kuala Lumpur. Bawa duit sahaja pergi ke pasar, tepuk dada, tanya selera; hendak ikan apa—semua ada tetapi kepada nelayan-nelayan di mana juga mereka berada, kalau sekiranya mata pencariannya yang menjadi periok nasinya selalu terganggu, selalu tercabut, selalu terancam, kepada siapa dia hendak minta bantuan, siapa yang diharapkan?

Di dalam Dewan ini saya ingat semenjak saya masuk Dewan Negara ini tak putus-putus, tak habis dibahaskan melainkan rumah murah, nelayan, getah dan padi, inilah yang menjadi bahasan di sini. Saya percaya selagi ada Dewan ini, inilah perkara-perkara yang akan menjadi pokok perbahasan selagi Kerajaan kita tidak bertindak dengan tegasnya.

Dahulu sudah dibawa ke mari bagaimana hendak menyelamatkan nelayan-nelayan kita, lebih-lebih lagi di Pantai Timur. Kalau kita tengok Peta Malaysia kita ini terbentang di depannya iaitu negara-negara Indo-cina, iaitu Vietnam, Kampuchea, Thailand, Filipina membawa ke Taiwan dan Jepun, Kalau negeri Trengganu itu betul-betul di depan Vietnam. Orang-orang zaman dahulu pergi dari Trengganu ke Vietnam ambil beras lebih cepat dengan perahu besarnya daripada pergi ke Singapura, begitu sekali. Maka sekarang ini Kerajaan telah mengisytiharkan kawasan perikanan 12 batu mengikut Bangsa-bangsa Bersatu. Kemudian entah macam mana caranya ditambahkan lagi pula, diisytiharkan kawasan ekonomi negara-negara itu kepada 200 batu. Walaupun 200 batu itu tidak dipersetujui oleh Bangsa-

bangsa Bersatu tetapi telah dipelopori oleh bangsa-bangsa besar di dunia ini. Kalau sekiranya Russia sendiri mengakui zon ekonominya 200 batu, kalau Amerika sendiri mengakui 200 batu, kalau china sendiri mengakui 200 batu maka diekori oleh negara-negara luar, termasuklah pula negara kita Malaysia. Maka Malaysia kita ini pada 25-4-1980 telah juga mengisytiharkan zon ekonominya 200 batu. Berertilah ini adalah satu pertolongan kepada pelayan-pelayan kita.

Nelayan-nelayan Trengganu khasnya bersama-sama dengan nelayan Kelantan selalu terancam oleh nelayan-nelayan daripada Thailand. Negeri Thai ini sebagaimana yang Tuan Yang di-Pertua negara yang bebas macam Amerika, dia boleh pakai senjata, dia boleh beli machine-gun, dia boleh pakai pistol, tidak ada apa-apa tetapi negeri Malaysia kita ini siapa juga membawa senjata, tak usah hendak pakai, bawa sahaja sudah, kena hukum bunuh, kena di bawah Undang-undang ISA, kena hukum. Jadi sebelah negara kita, di sempadan; di Kelantan di sebelah Sungai Golok. Di Perlis, Padang Besar. Di sana mereka itu pakai machine gun, pakai pistol, kita di sini hendak pakai keris pun kena lesen, kalau tidak ada lesen, salah. Nelayan-nelayan Trengganu dan Kelantan biarlah dia pergi ke laut menangkap ikan dengan tangan kosong, kalau dibawa senjata pun, golok semata-mata, atau parang sahaja bertembung dengan orang-orang Thailand yang ada dengan machine gun, ada dengan senjata yang cukup beranikah dia hendak melawan? Maka itu tidak guna disebut baka Melayu, baka Hang Tuah, lagi, Tuan Yang di-Pertua. Senjata-senjata yang ada pada dia itu tidak kenal baka-baka ini. Walaupun anak cucu Hang Tuah, Walau anak cucu Hang Jebat, lanun itu tembak sahaja, peluru itu tembuslah dada hamba Allah itu. Kalau begitu lebih baiklah mereka itu menggalah, apabila mereka itu datang ambil ikan-ikan dalam bubunya itu, ikan-ikan di dalam unjang-unjangnya dan sebagainya.

Menurut laporan di dalam Dewan Rakyat yang lepas pada 23hb Disember 1980, Timbalan Menteri Pertanian mengisytiharkan, katanya dalam tahun 1980

satu rompak di perairan Kelantan bernilai \$26,000. Kejadian memusnahkan bubu di perairan Trengganu melibatkan \$250,000 kerugian. Itu pada tahun 1980 Tuan Yang di-Pertua. Tetapi dalam tahun 1981 ini baru masuk bulan April maka menurut Menteri Besar Trengganu kerugian unjang-unjang nelayan kita berharga \$370,000. Ini kerugian disebabkan angkara daripada bot-bot nelayan sama ada daripada Siam, Taiwan dan sebagainya memusnahkan unjang-unjang nelayan kita.

Pada masa yang lepas di dalam Dewan yang lepas apakala saya bersuara di sini maka Timbalan Menteri Pertanian, Yang Berhormat Tuan Haji Suhaimi berkata; tak usah bimbang, kita sekarang ini ada membuat empat kawalan wilayah ditempatkan di Pulau Pinang, di Trengganu, di Johor dan entah di mana satu lagi. Tiap-tiap tempat ini kita sediakan dengan 10 motor bot yang laju—enam yang laju, empat yang biasa; tujuannya untuk meronda lanun-lanun dan untuk menjaga nelayan-nelayan asing daripada mencero bohi negara kita. Jadi kita dengarpun sedap. Saya bukan main lagi mengucapkan syabas dan mengucapkan tahniah dan sebagai kerana ini adalah satu langkah yang betul. Ini adalah satu perkara yang benar-benar dibuat oleh pihak Kementerian. Tetapi apakala membaca laporan Menteri Besar Trengganu ini iaitu sehingga bulan April sampai \$370,000 kerugian, saya tidak berani hendak tabik kepada Timbalan Menteri Pertanian tadi.

Tan Sri Dato Haji Abdul Razak bin Husain: Itu di Trengganu jugakah.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Ya, Trengganulah! saya bukan cakap Trengganu di sini saya cakap kebangsaan. Saya tidak berani. Di mana janji-janjinya, sepatutnya kata-kata itu di kota, tetapi tidak.

Semalam apakala saya bertanya Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berkenaan dengan pencerobohan, katanya di luar laut Trengganu. Saya bertanya di luar laut Trengganu itu luar macam mana? Luar dan pada 12 batukah atau luar daripada 200 batu? Dia kata luar daripada 12 batu. Ini benar, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak dapat

hendak telan macam mana Kerajaan kita ini, macam mana caranya. Kalau sudah diisytiharkan zon ekonomi 200 batu, 200 batulah laut kita. Kalau sekiranya tidak berani bertindak, tidak berani hendak menjalankan kuatkuasa apa gunanya isytiharkan 200 batu? Lebih baik sahaja 12 batu bagaimana biasa, kita pun senang! Kalau ada berlaku apa-apa kita kata ini di luar laut kita di luar 12 batu. Ini tidak, apabila orang mengisytiharkan, kita mengisytiharkan sama. Pada masa kita hendak menentang musuh kita kata di luar laut kita. Apa hal macam ini? Tidak macam Indonesia, Tuan Yang di-Pertua. Radio Malaysia sudah mengisytiharkan; ini baru, katanya Kerajaan Indonesia telah memberitahu dan mengisytiharkan tidak dibenarkan mana-mana bot nelayan asing memasuki zon ekonomi 200 batu melainkan dengan kebenaran. Itu tegasnya. Bererti mana-mana bot nelayan yang memasuki perairan Indonesia sejauh 200 batu, bukan 12 batu; 200 batu lagi, maka bersedialah untuk kemeseraannya, kapal perangnya akan menghampiri, akan menenggelamkan bot-bot itu atau ditangkap dan dirampas dan sebagainya. Kepada kita tidak; pergilah asal jangan masuk 12 batu sudahlah!

Semalam Timbalan Perdana Menteri kita menjawab soalan seorang daripada saudara saya di sini mengatakan minyak Malaysia yang tertinggi sekali di dalam dunia berharga US\$48 bermakna \$100 duit kita lebih setong. Kalau kita tengok penyata PETRONAS, keluaran minyak daripada Trengganu sahaja tidak termasuk Sabah, tidak termasuk Sarawak berapa ribu tong sehari? Kalau sekiranya nelayan-nelayan ini pergi menghampiri, pelantar minyak ini dicuri tak usah banyaklah, kata 100 tong sudah; 100×100 tong berapa ribu tong. Di mana hendak dikejarkan, cuba fikir! Padahal pelantar itu semua di dalam perairan 200 batu kemari memang di dalam laut kita. Itu sebabnya, di dalam membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ataupun di dalam membahaskan Rancangan Malaysia Keempat patut diberi masa yang secukupnya supaya Ahli-ahli Dewan ini boleh mengulas satu persatu, boleh mencurahkan apa yang dia tidak puas hati bagi pertimbangan

Kerajaan dan bagi pertimbangan Ahli-ahli Yang Berhormat di sini. Tetapi oleh kerana masanya tidak mencukupi, saya sudah bercakap sejam lebih. Saya berjanji kepada Setiausaha kita sejam, baru dua perkara saya bercakap sudah sejam. Rasa susah hati. Banyak perkara saya hendak bercakap. Biarlah orang marah pun, asalkan Tuan Yang di-Pertua tidak marah, tidak mengapa (*Ketawa*). Saya teruskan lagi. Kalau Tuan Yang di-Pertua kata berhenti, saya berhentilah. Saya mesti patuhi. Bolehkah saya teruskan lagi, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Tolong cakap sedikit lagi, jangan panjang sangat.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi apa yang saya harap berkenaan dengan perikanan ini, sekarang ini pasukan TLDM kita akan berpindah daripada Woodlands di Singapura ke Tanjung Gelang di Pahang. Saya harap usahlah pasukan TLDM ini menumpukan di pantai barat sangat, apa ada di pantai Barat ini, pantai barat yang ada di Selat Melaka ini apa benda ada. Adakah hendak dijaga Ikan Terubuk di sana, lebih baik di Pantai Timur. Daripada Trengganu ke Sabah kerana difahamkan sudah ada nelayan-nelayan daripada Filipina menyerang kampung-kampung di Sabah itu hingga orang Sabah sudah tidak terkelandar kata orang Trengganu, maknanya tidak terjaga, tidak tahan, dirompaknya. Kalau ada TLDM kita berselang seli yang disini pergi ke Sabah, yang Sabah pergi ke Trengganu sampai ke Kelantan, bot nelayan mana yang mahu mencero boh perairan kita, perompak mana yang akan menunjukkan mukanya di Sabah, Tuan Yang di-Pertua? Tidak ada sama sekali, akan lenyap. Negara kita akan menjadi negara aman. Tetapi kalau sekiranya TLDM juga hanyalah bersembunyi di tempatnya itu dan tidak keluar-keluar, saya fikir tidak akan berubahlah nasib nelayan-nelayan dan akan berlakulah perkara-perkara yang tidak digemari lebih daripada ini, sebagaimana saya katakan saya percaya minyak-minyak yang ada itu akan dicuri dan dirompak pada satu hari kelak. Maka inilah saya memberi amaran dalam Dewan yang mulia ini sebelum perkara ini berlaku sediakan payung sebelum hujan.

Kelmarin, ada saudara-saudara kita menyuarakan berkenaan dengan samsu haram supaya Kerajaan mengambil tindakan yang berat iaitu hukuman denda itu dikenakan dengan seberat-beratnya, kerana banyak orang minum samsu haram ataupun dibanyakkan tempat-tempat samsu haram itu. Jadi, kepada saya, Tuan Yang di-Pertua, ini saya tidak dapat menyokong walaupun terbit daripada suara saudara kita sendiri.

Di India pada masa saya pergi dahulu pada tahun 1963, pada masa itu Pandit Nehru Perdana Menteri minuman yang memabukkan ini diharamkan kepada umat India seluruhnya—tidak boleh, yang bolehnya kepada orang luar sahaja. Jadi kalau orang luar menginap di hotel dia boleh minum minuman keras. Pada umat negerinya langsung tidak dibenarkan. Bukan kerana India itu mengisytiharkan Islam sebagai agama resmi tetapi dia tahu penyakit minuman keras itu, bahawa dengan minuman keras itu, jadi dengan sebab itu dia mengharamkan. Itulah sebabnya saya fikir cara yang molek Malaysia juga ikut langkah India apa salahnya haramkan itu. Kita negara yang kaya, tidak benarkan langsung. Apalah yang dibenarkan dengan minuman samsu di kedai yang tergoling begitu begini hingga mati, berkelahi dan sebagainya.

Baharu-baharu ini, Kerajaan Republik Indonesia pula telah mengisytiharkan judi diharamkan di seluruh negara, termasuk di Casino, hinggakan menyabung ayam; sebab di pulau-pulau di seluruh Indonesia itu memang itu suka menyabung ayam—mereka berjudi itupun diharamkan. Kerana Kerajaan Indonesia memikirkan judi adalah satu penyakit yang patut dibasmikan terus daripada rakyat jelata. Indonesia mengharamkan judi, India mengharamkan minuman keras, Negara kita di tengah-tengah. Malaysia ini ada tidak ada yang dibuat oleh kita ialah kita mengharamkan iklan minuman keras di TV ataupun di Radio itu sahaja yang kita boleh buat. Kalau minum ikut pandai dialah, hendak minum, minumlah, hendak berjudi, judilah siapa ada duit hendak pergi di Genting Highlands, dan sebagainya di mana ada casino di sana; saya tidak sampai lagi tetapi saya kata sahaja,

wallahualamalah saya pun tidak tahu. Jadi, saya fikir perkara yang seumpama ini jangan nanti negeri lain buat, apa salahnya kita pelopori. Kalau Indonesia mengharamkan judi kita juga mengharamkan judi. Kalau India mengharamkan minuman keras, kita juga mengharamkan minuman keras.

Berkenaan dengan rokok, tadi Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am bergaduh berkenaan dengan dadah dan sebagainya. Macam mana tidak bergaduh, anak-anak kita diajar menghisap rokok daripada kecil. Macam mana tidak mengajar kerana di dalam TV dan di mana Radio memuji-muji, membanggakan rokok yang tidak ada tolak bandingnya di seluruh dunia. Rokok memberikan kemewahan, keselesaan dan sebagainya—dipuji-puji. Jadi berapapun yang dilarang oleh ibubapanya tentulah dia juga hendak hisap rokok, duit untuk sekolah itu habis. Berapa sen yang dapat daripada iklan dalam TV itu. Banyak mana perolehan iklan-iklan di dalam TV di dalam Radio kerana rokok ini banyak mana boleh dapat. Inilah yang saya tidak faham. Padahal Kerajaan kita mengambil hasil cukai daripada daun rokok yang ditanam di Malaysia itu banyak mana, itupun tidak dapat dicakapkan banyaknya. Daripada iklan hendak ambil lagi sebab duit. Jadi, saya juga merayu, Tuan Yang di-Pertua, supaya iklan-iklan rokok di dalam TV dan Radio itu patutlah dihapuskan kerana ini membawa penyakit.

Satu lagi, masalah tambang percuma ke Mekah. Saya puji betul Kerajaan Johor, sebab daripada belum perang sampai sekarang ini dibuat satu peruntukan kepada pegawai-pegawainya iaitu boleh pergi ke Mekah dengan percuma. Tetapi apakala kita bertanya dalam Dewan ini pada masa yang lepas katanya negeri lain tidak boleh buat kerana baharu hendak buat tidak boleh, kalau sudah buat tidak apa. Ini tidak lojik, Tuan Yang di-Pertua. Bukan jawapan yang lojik macam ini. Jawapannya kalau perkara ini di sesebuah negeri boleh maka bolehlah semua mengapa hendak dilarang yang lain. Kalau Kerajaan Federal ini tidak mahu bantu, sudahlah. Apa fasal dilarangkan satu negeri yang hendak membuat suatu

peruntukan hendak beri hadiah kepada pegawai-pegawainya pergi ke Mekah.

Cuba Tuan Yang di-Pertua tengok di dalam tahun 1980 seramai 298 kakitangan Kerajaan Johor termasuk isteri mereka telah diberi tambang kapal terbang untuk menunaikan fardu haji ke Mekah dengan kapal terbang sewa khas pada 24hb September, 1980. Dalam ucapan Menteri Besar kepada bakal-bakal haji itu berkata: Kerajaan Negeri menguntukkan belanja untuk membiayai tambang jemaah haji \$200,000, Perbadanan Kemajuan Negeri memberi sumbangan \$300,000 dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Johor memberi \$100,000 jumlahnya \$800,000. Alangkah moleknnya kerjasama itu! Maka berjumlah kesemuanya 298 orang pegawai Kerajaan Negeri dan isteri itu telah menunaikan fardu haji dengan tambang sebuah kapal terbang khas pergi ke Mekah. Negeri lain yang membaca berita ini kita kata menjilat air lior sahaja—mengecap bibir kata orang Trengganu. Tempat yang baik itu kalau boleh masing-masing hendak pergi, kalau hendak pergi kita bertanya Tabung Haji, macam mana tuan saya hendak pergi ke Mekah. Nanti dia tanya kita dahulu, awak ada \$4,500?. Itu yang mula-mula disoalnya. Kalau kita kata tidak ada, tidak adalah, tak usah capak fasal pergi haji. Dimarah kita oleh Tabung Haji. Jadi maknanya mesti ada \$4,500. Senangkah kita hendak dapat \$4,500. Itu wang yang kita kumpul punya kumpul, simpan punya simpan dengan ekomomi \$1,000-\$2,000 datang pula Amanah Saham Nasional—untungnya begini-begini, terpaksa hamba Allah ini memikirkan pula ke Mekahkah atau ke Amanah Saham Nasional—berbelah hati. Jadi, itulah saya kata pegawai-pegawai bahkan Ahli-ahli Parlimen ini apa salahnya kalau dihantar dengan usaha Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, apa salahnya kita hantar 5 orang setahun atau 10 orang setahun ke Mekah, dengan estimates ini saya fikir ini ada baik. Tetapi itulah sebab negeri-negeri lain tidak boleh buat. Maka saya harap perkara ini dikaji balik supaya jangan ada monopoli iaitu pegawai-pegawai Kerajaan pergi ke Mekah hanya dikhaskan kepada Negeri Johor sahaja, tidak di negeri-negeri yang lain, negeri yang lain mesti diberi peluang yang

sama. Kerajaan Federal hendaklah bersifat adil di dalam segi ini. Tuan Yang di-Pertua.

Satu lagi, di dalam persidangan Dewan yang lepas saya begitu panjang lebar menceritakan hal pembaziran hutan-hutan di negara kita. Saya sudah membawa statistik daripada Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, balak-balak yang dikerjakan di dalam hutan di negara kita, hutan-hutan yang ditebang akan menjadi pupus dan sebagainya. Maka menurut kajian yang dibuat cuma 30% sahaja yang dapat digunakan, yang menjadi kayu yang boleh digunakan, yang baki itu semua sekali membazir ditebang di dalam hutan. Ranting-ranting itu ditinggal di situ, hujung-hujung ditinggal di situ, umbi-umbi ditinggal di situ, yang dibawa hanyalah balak itu berlori-lori. Apabila sampai di kilang digergaji pula lagi, di buang itu, dibuang ini kemudian dibakar. Maka saya kata negeri kitalah negeri yang sangat membazir kerana di negeri-negeri lain seperti negeri Jepun, negeri-negeri di Eropah Timur dan sebagainya mereka itu sangat menghargakan kayu.

Jadi bagaimana, di dalam kenyataannya dalam Dewan ini mengatakan kita kekurangan kertas hanya 10% sahaja daripada kertas-kertas yang kita gunakan di sini dibuat dalam Malaysia manakala 90% lagi adalah diimport daripada luar negeri. Ajaib, betul-betul ajaib. Bagaimana Malaysia yang mempunyai bahan-bahan kekayaan yang tidak ada tolok bandingnya dengan kayukayannya, dengan jerami padinya, dengan itu ininya, dengan bahan-bahan mentahnya dibuang begitu sahaja, padahal tiap-tiap satu-satu ini menurut ahli-ahli sains masih ada gunanya. Asal kertas ini boleh dibuat; daripada kayu boleh, daripada kain buruk pun boleh, daripada serba serbinya boleh, kenapa di dalam masa Menteri-menteri kita pergi ke luar negeri, beberapa rombongan telah pergi, pergi ke negeri Jepun, pergi ke Jerman, pergi ke Amerika, pergi ke Eropah Timur, pergi ke mana-mana menjemput pelabur-pelabur datang ke sini, mereka itu menanam modal di sini, kenapa kita dipuji berkenaan dengan kilang kertas, dikatakan Malaysia ini kekurangan kertas, yang ada hanya 10% sahaja sedangkan kayu-kayu balak bertimbun-timbun, reja-reja

balak, hutannya banyak. Jadi, inilah saya harap janganlah kalau pergi ke setengah-setengah negeri itu mementingkan negeri masing-masing sahaja, kita mestilah memandang ke seluruhnya kerana kita bersifat Menteri, kita bersifat pegawai Kerajaan, seperti saya orang Trengganu tidak boleh saya sifatkan negeri saya Trengganu begitu, saya mesti bercakap dengan cara liberal, keseluruhan negara, kerana saya bercakap di dalam Dewan Negara ini. Jadi kilang kertas ini patut dibuat di Malaysia ini sehingga mencukupi, janganlah kita terpaksa suratkhbar itu dinaik-naikkan harganya.

Kita bertanya mengapa naik harga? Katanya kerana harga kertas mahal. Mengapa kertas mahal? Kerana kertas itu diimport daripada luar negeri dan harganya sudah tinggi di luar negeri. Jadi tidak boleh jawablah kita, habis setakat itu hal kertas.

Boleh saya sambung lagi, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Dato Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tok Pangku Pandak Hamid.

4.54 ptg.

Tok Pangku Pandak Hamid bin Putih Jali: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, sayapun sudah lama mengidam hendak bercakap tetapi apa boleh buat, kali ini barulah saya dapat bercakap dan Tuan Yang di-Pertua pun orang yang baru. Di sini saya mengucapkan ribuan terima kasih.

Saya hendak bercakap sedikit di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong pada 16hb Mac yang sudah. Tidak banyak ulasan-ulasan yang saya ambil cuma di segi kemiskinan. Itu yang dapat saya sebut sedikit.

Di dalam Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menyebutkan, kita berasa seronok, sukacita sebab negara kita sudah

mewah dengan keluaran hasil tanam-tanaman seperti kelapa sawit, getah dan sebagainya. Di sini saya juga mengucapkan ribuan terima kasih di atas Titah Ucapan Baginda ini, saya pun berasa sukacita dan menerima peruntukan juga di situ.

Sekarang ini saya di bawah naungan Menteri Hal Ehwal Dalam negeri, bagi pihak Orang Asli dalam Tanah Melayu ini Orang Asli tidak banyak, cuma lebihkurang 70,000 orang sahaja kalau dibandingkan dengan orang lain agak saya bagi hendak mengadakan ekonomi, pelajaran dan kesihatan Orang Asli ini sangat mudah sebab sedikit tetapi nampaknya kita sama-sama tahu di dalam Malaysia kita ini 24 tahun sudah merdeka—minta maaf, masih ada lagi Orang Asli ini yang bercawat, tidak ada perubahan. Barangkali Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak pun tahulah sebab di negeri Pahang pun banyak Orang Asli iaitu negeri yang utama Orang Asli yang banyaknya di negeri pahang dan di negeri saya yang kedua. Jadi kami lebih kurang mengetahui hal-hal selok-belok dan kedudukan Orang-orang Asli ini.

Sudah 20 tahun Orang Asli menunggununggu menanya saya dalam bahasa mereka. "Lokkah Kerajaan hendak mamah Kuala Lumpur tu? Apa hang buat pergi meeting di Kuala Lumpur itu?" Saya jawab dalam bahasa Melayu mengatakan untuk kesenangan bagi Orang Asli dalam Tanah Melayu ini. Dia kata, "Tok, tak ubah-ubah serupa chot." Maksudnya sekarang ini tidak berubah, macam dahulu juga. Oleh kerana saya sudah malu saya pusing kepada cerita lain. Saya kata, "Ini bukan salah Kerajaan, salah awak, awak tak mahu terima apa-apa yang diberi oleh Kerajaan. Kalau awak betul-betul sanggup, betul-betul terima awak sudah senang." Dengan sebab apa? "Awak tidak mahu". Kerajaan ada mencadangkan supaya berpindah daripada tempat yang asal pergi ke tempat lain. Dia kata, dia tidak mahu macam itu. Sudah beratus-ratus tahun dia di situ, jadi dia tidak mahu pindah ke tempat lain. "Itulah, sebabnya kita susah," saya kata: "Kalau kita tidak mahu mengubah nasib kita, orang lain tidak boleh mengubah langsung." Dengan suara yang agak keras saya bercakap. "Ini nanti disebut orang lain

sudah senang, kita tidak mahu buat yang baik; kalau kita buat baik kita sudah lama senang.” “Sebab apa?” “Barang yang bercukai tetapi bagi pihak kita tidak bayar cukai seperti bijih, rotan, kayu tidak ada cukai tetapi kita tidak mahu buat kerja dengan bersungguh-sungguh”. Mendengar itu mereka diam sedikit.

Dengan sebab itu, saya sukalah meminta kepada kerajaan kerana sekarang ini perintah pindah sedang kelam-kabut, Orang Asli sendiri pun susah, “Mengapa hendak dipindah-pindahkan kami daripada satu tempat ke satu tempat, di tempat kami bukan tidak bagus, kami sudah faham dan biasa di tempat ini; kenapa hendak dipindah ke tempat lain. Mengapa?” Saya kata, dunia sekarang ini bergolak. Orang itu kata begini, orang ini kata begini, jadi Orang Asli ini selalu duduk tidak mahu bercampur dengan orang ramai, kita kata kita tidak tahan angin. Sebab itu Kerajaan yang bersusah-payah, kita sekali sekala akan dipindah oleh Kerajaan. Mereka ini tidak mahu dipindahkan. Saya berharap kepada Kerajaan, sudah lima tahun soal pindah, kerja belum tentu lagi, berapa tempat yang hendak dipindahkan; ini di Pahang pun hendak dipindahkan juga khabarnya. Jadi, saya ingat jikalau betul-betul Kerajaan hendak menolong Orang Asli jangan dipindah ke dalam hutan lagi, beli estate di tepi-tepi jalan, estet yang luas himpulkan mereka di situ. Mereka boleh bekerja mengeluarkan hasil di situ. Sekarang ini Kerajaan hendak buat rumah lagi, dalam rumah itu nama sahaja rumah, belum jadi rumah lagi, tunggu lima tahun, Kerajaan kata peruntukannya sudah tak ada, tak cukup, tunggu lagi. Jadi sepanjang masa kita berbohong, macam kita di sini dalam Parlimen inipun pembohong juga, apabila balik ke kampung, ahli-ahli wakil ketua kita pun bertanya kepada kita, kita pun berbohong sekali lagi. Jadi kita ini tak lepas daripada berbohong.

Jadi kalau Kerajaan bersetuju dengan cakap saya, saya katakan tadi kalau macam di Lasah, Sungai Siput dibeli Jalong Tinggi Estet itu, dibuatkan rumah di situ, cari tempatnya, 500-600 orang himpulkan di situ. Rumah ada, dibuat di situ, pencarian mereka pun ada iaitu menoreh getah.

Sekarang ini hendak dibuat kampung di tengah hutan, Sungai Dala, 13 batu daripada jalan raya Gerik, menggunakan askar lagi. Jadi inipun saya katakan seperti pepatah Melayu: Tetapi jimat tetapi berhabisan, tetapi berteduh tetapi lapuk. Jadi kita tak hilang daripada rugi, untung sekarang rugi seguni. Itulah ceritanya.

Kita kata bolehlah buka hutan-hutan supaya boleh buat tempat kawasan Orang Asli, mereka tak mahu tempat yang dikehendaki oleh Kerajaan itu sangat, mereka berkehendakkan tempat tumpah darah mereka dan tempat yang mereka biasa. Jadi di sini sudah bersalah faham dengan Orang Asli, mana-mana tempat mereka yang dekat-dekat itu mereka suka, macam di Temenggor, mereka duduk di keliling kawasan itu sahaja. Jadi dipindahkan ke tempat yang dekat, tak berapa jauh, lebih kurang 10 batu, mereka di situ tak berasa susah hati. Jadi kalau Kerajaan mahu membuat macam rancangan itu, sekejap sahaja, kita tidak payah merugikan duit berjuta-juta ringgit lagi hendak menanggung mereka sebelum berjaya rancangan bercucuk tanam dan hasil-hasilnya dikeluarkan, kita sudah ada kebun getah, sudah beli siap, hasilnya sudah dapat balik. Saya katakan kalau pihak Kerajaan setuju begini lebih baik.

Perkara yang kedua, saya pernah mengalami, tatkala saya baru-baru menjadi wakil di sini saya melawat ke Negeri Johor. Saya pergi ke Batu Pahat. Orang Asli di situ lebih kurang 200 orang duduk atas batu pejal, mereka buat rumah, diletakkan tiang di atas batu. Kalau kita tanya mengapa tak pindah ke bukit bercucuk tanam. Mereka kata kami tak biasa, kami sudah duduk di sini beratus tahun. Ini tempat lanun, lanun lari takutkan kami, kami tinggal di sini sampailah sekarang. Kami kebanyakan dari Melaka dan daripada Indonesia. Saya kata kamu tak mahulah berpindah ke bukit. Mereka kata tak mahu. Saya cerita jugalah keadaan nelayan macam kata Ahli Yang Berhormat tadi, nelayan itu saya tahu, sungguhpun saya tidak di laut, saya di darat, nelayan itu sangat susah kalau dibaca susahnyanya. Kalau di darat, kalau hujan, musim tengkujuh kita berteduh di rumah kita juga, tetapi kalau nelayan tak

ada tempat hendak berteduh, tak ada tempat hendak berlindung, tidak ada kita berharap melainkan di tengah laut, beratus batu di laut. Jadi mereka tak mahu pindah. Saya kata pendek ceritanya, di sini kalau tuan-tuan meninggal buang ke lautkah? Tidak, katanya. Kemana pula? Ke bukit, ke atas, katanya. Jadi akhirnya, saya kata itulah tuan-tuan tak mahu mengikut cakap saya, walhasilnya orang-orang yang sudah mati mahukan tanah darat iaitu hendak mengebumikan dia. Kenapa pula kita yang hidup tak mahu? Saya katakan lagi tuan-tuan patut mengikut pepatah Melayu: Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ketepian; bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian.

Saya tahu di dalam kehidupan nelayan enam bulan dia senang-lenang, suka, bercampur dengan anak isteri di rumah, tetapi enam bulan dia di dalam laut. Kalau musim tengkujuh, di masa itu angin kuat, ampun maaf, saya dengar ceritanya saya bukan nelayan, habis lucut segala barang kemas, tokeh tak mampu hendak pinjamkan wang dengan banyak kerana tak cukup modal. Jadi saya katakan kalau kita bercucuk tanam di tanah darat dapatlah hasil, kalau umpamanya hujan seminggu kita boleh makan pisang, kita boleh makan ubi ataupun kita boleh makan nasi. Kalau macam sekarang ini apa yang boleh dimakan atas batu, betul-betul atas batu? Kalau angin ribut kuat, habis rumah mereka dilayang angin ke tengah laut. Tak ada pengharapan hendak hidup lagi.

Selepas itu saya menjelajah ke Rengit. Saya dapat begitu juga. Saya nasihatkan masa ini orang Asli boleh senang. Pada masa itu saya bawa Assistant Secretary, Kerajaan Johor, Pegawai Daerah Johor, pegawai-pegawai lain juga ada. Saya katakan ini orang yang menjaga negeri, ini orang yang menjaga tanah dan ini pula pegawai yang di bawah mereka. Kalau tuan-tuan berkehandakkan tanah di belakang rumah tuan-tuan sangat senang, sekarang juga mereka boleh catatkan berapa ekar yang dihendaki. Mereka mengatakan tak mahu. Inilah resmi Orang Asli mereka kata tak mahu. Saya nasihatkan juga macam ini, sampai kita tanya macam mana ke akhirnya besok. Jadi baru-baru ini saya dijemput oleh

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Tan Sri Haji Muhammad Ghazali Shafie untuk saya pergi ke Kuantan, dia ada memberi satu cenderamata bagi Ketua-ketua Orang Asli, dan berjempal di situ semua Ketua-ketua Orang Asli seluruh Malaysia. Saya tak sangka tiba-tiba seorang Ketua Orang Asli, Batin Jamak, mendapak saya. Saya tanya apa khabar? Sambil memegang tangan saya, dia mengucapkan ribuan terima kasih atas nasihat saya dahulu. Katanya kalau Datuk senang bila-bila masa boleh datang ke tempat saya. Saya sudah boleh hidup dengan sendiri. Betul kata Datuk tak payah ke laut kitapun boleh hidup. Jadi saya katakan baguslah itu dan kalau gamaknya betul cakap saya ini tambahlah lagi. jangan memandai dengan sedikit itu sahaja. Katanya, yalah, saya hendak beritahu orang kampung. Sebagaimana saya kata tadi, Orang Asli itu tak boleh bertolak ansur, perangai mereka di Semenanjung Malaysia sama melainkan di Sabah dan Sarawak saya tak tahu, kalau dia kata itu, itulah, tak ada berubah lagi pendapat mereka.

Baru-baru ini mereka bangkitkan cerita dahulu, beratus-ratus tahun dahulu: Kami sudah merasa macam ini. Jadi saya cuba pujuk juga jangan sampai begitu, kalau hendak merajuk biarlah dengan orang yang kasih, kalau orang tak kasih dia apa peduli. Kalau pegawai-pegawai ini ditukarkan daripada sini, kamu hendak hidup, hiduplah kamu, kalau hendak mati, matilah kamu. Jadi kita juga yang menanggung. Apabila mereka dengar cakap yang teruk-teruk itu mereka diamlah, tak mahulah mereka bertanya lagi.

Ada satu perkara lagi tentang pembasmian kemiskinan Orang Asli dalam negara kita adalah sedikit sebanyak yang diberi oleh Kerajaan sama ada tanah pinggir atau tambahan tanah pekebun kecil. Jadi sekarang ini mereka sudah mengadu kepada saya. Dia kata ada satu kemuskilan kami, barang-barang kita ada harga, macam getah sekarang kalau dibandingkan sangat menyusahkan fikiran, kalau kami bawa getah sekati, jual ke kedai tetapi hendak beli gula sekati tak dapat. Harga gula \$1.05 sekati, harga getah 85 sen sekati. Jadi macam mana keadaan kami. Jadi saya katakan itulah sebabnya kita

hendak dengar apa cerita pihak Kerajaan, apa yang dinasihatkan Kerajaan itu kita bercucuk tanam sedikit sebanyak. Pada masa dahulu belum ada bantuan Kerajaan macam sekarang, pada masa orang tua kita dahulu dan semasa saya masih kecil dahulu, saya pergi ke kampung-kampung tuan-tuan, makan tebu tak payah membeli, kalau umpamanya sekarang ini boleh berkawah-kawah dimasak dibuat manisan. Saya kata tidak payah membeli. Tetapi sekarang ini sudah tidak mahu jadi, awak tinggal di hutan tetapi perasaannya seperti di bandar bagaimana hendak jadi, itu segan, ini segan, cuma mengharapkan kopi dan rokok dijual di kedai. Saya mengatakan dahulu di kampung awak semua tembakau ditanam sendiri ditebang pokok-pokok yang besar-besar itu, dibakar dan arangnya dijadikan baja dan ditanam dengan tembakau. Kaum cina yang tinggal di situ boleh dikatakan dapat berjual, kita jangankan hendak berjual sedangkan hendak makan pun tak cukup sampai sekarang ini. Itulah yang kita tidak boleh ikut tugas di hutan, kalau kita boleh ikut jasa kita sendiri alangkah baiknya anak-anak cucu kita boleh menikmati segala-galanya.

Saya berpendapat di sini mengenai perkara gula, kalau hendak dipertanggungjawabkan kepada sesiapa pegawai-pegawai di sini sama ada PERNAS atau sebagainya yang memasarkan barang-barang ini. Pada fikiran saya jika Kerajaan hendak menambahkan benih-benih, jenis-jenis gula ini datanglah berjumpa saya, saya ada satu jenis pokok hutan yang mempunyai bunga kecil sahaja sebesar hujung kelingking, tetapi gula sahaja, kalau kita makan, kita kepit sahaja dengan lidah sahaja dia hancur. Itulah sebab saya kata kalau Kerajaan setuju untuk membuat benih dan hendak memanjangkan hal-hal gula ini jumpalah saya, saya boleh tunjukkan pokok-pokok itu tetapi malangnya pada masa ini sepatutnya dia ada bunga, tetapi tidak ada. Saya juga hendak menunggu masa ia berbunga, saya hendak bawa kemari kalau saya ada di sini. Saya hendak beri Ahli-ahli Yang Berhormat semua rasa, namanya di sana orang Asli kata "Munlong" tetapi orang kampung menamakan "Bunlong" sahaja. Bunga jenis ini saya ingat gulanya yang termahal, belum lagi saya ceritakan sejak beberapa puluh tahun, saya di sini hampir 20

tahun lebih, belum saya ceritakan mengenai perkara ini. Barangkali kalau kita sudah habis tempoh berkerja di sini kita hendaklah buat benih juga. Kalau Kerajaan hendak mengambil tindakan untuk meninggikan taraf ekonomi dalam negeri kita ini, bolehlah pokok ini dijadikan satu mata benda supaya nama kita dikenang oleh orang-orang yang kemudian kelak itu sahaja.

Saya berharap kepada Kerajaan supaya mengambil berat sedikit hal Orang Asli ini, kerana keadaan sekarang sudah berlainan, dahulu Kerajaan boleh dikatakan membangga dan memuji Orang Asli ini sudah terkeluar dari cengkaman komunis, tetapi sekarang ini sudah berbalik, jadi kita tidak tahu ada orang tengah ini, saya ingat mungkin ada perbalahan di antara mereka, jadi mereka sudah terbabit dan inilah yang saya minta kepada Kerajaan meninjau betulkah Orang Asli ini masuk kumpulan komunis.

Pada masa sekarang ini saya sudah tidak bercampur sangat dengan mereka oleh sebab tidak ada orang yang menganjurkan. Mengenai perkara hendak mendurhaka, membangga atau membuat tuduhan kepada orang lain, saya rasa mereka boleh habis dan mereka tidak boleh dengar percakapan itu.

Saya juga hendak menyatakan iaitu dengan kuasa Allah semalam saya boleh baca ini yakni Titah Ucapan Di-Raja tetapi apabila saya bangun pagi tadi, saya tengok sudah kelabu, tidak boleh langsung saya baca, sudah tidak nampak, dengan sebab itu, kita hendaklah beringat-ingat di antara satu dengan lain kerana kuasa Allah kita tidak tahu, bila masa kita boleh habis, bila masa kita susah siapapun tidak tahu. Dengan sebab itu, saya mengucapkan ribuan terimakasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semua tentang cakapan saya pada hari ini, barangkali ini kali yang akhir, kita tidak tahu, tetapi tempoh saya masih ada sehingga tahun 1983, tetapi kita tidak tahu. Inilah yang saya dalilkan. Semalam saya boleh baca, tetapi pada hari ini mata saya tidak boleh nampak, itu adalah kuasa Allah kita tidak boleh mengelakkan. Dengan sebab itu, saya ucapkan ribuan terima kasih dan saya menyokong penuh di atas Titah Ucapan Di-Raja pada 16hb Mac, 1981.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datin Hajjah Mahimon.

5.16 ptg.

Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun: Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah dilafazkan pada 16hb Mac, 1981, setelah saya mengikuti dan meneliti Titah Ucapan Seri Paduka Baginda itu maka saya mengambil kesempatan di sini untuk bersama-sama menyembahkan junjung kasih dan tahniah di atas Titah Ucapan Baginda yang bernas, mengandungi berbagai-bagai dasar Kerajaan yang telah dilaksanakan dan akan dilaksanakan. Maka dengan demikian saya menyokong di atas usul yang telah dikemukakan dalam Dewan ini untuk menyembah Ucapan Titah kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu. Sungguhpun demikian sukaiah juga saya memberi sepatah dua pandangan dalam beberapa perkara untuk mendapat perhatian dan timbangan oleh Dewan ini di dalam perkara-perkara yang berikut.

Pertama, perpaduan rakyat menerusi rancangan-rancangan Dasar Ekonomi Baru. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia ketahui bahawa satu daripada dasar Kerajaan pada ketika ini ialah hendak memupuk dan menguatkan semangat perpaduan di antara semua golongan kaum yang tinggal di negara Malaysia ini. Dengan mengadakan berbagai-bagai kemudahan rancangan-pembangunan negara bagi meninggikan taraf hidup rakyatnya dan mengurangkan kadar inflasi. Sungguhpun segala-gala rancangan-rancangan yang telah diatur dengan pesatnya itu ada pula sebilangan kecil kaum daripada warganegara di Malaysia ini mengatakan bahawa kerajaan menipu rakyat dengan mengadakan rancangan-rancangan pembangunan itu. Pada hemat saya mereka yang berpendapat demikian hanyalah hendak mengabur mata rakyat jelata dengan tujuan supaya rakyat benci kepada Kerajaan dan dengan ini timbullah perasaan berpecah-pecah dan anti Kerajaan. Kerajaan hendaklah mengintip dan mengambil tindakan yang sewajarnya jika sesuatu pihak itu didapati benar menimbulkan dan memecahbelahkan dasar perpaduan negara.

Di dalam bidang dasar Kerajaan hendak meninggikan taraf hidup bumiputra maka segala kemudahan-kemudahan dan keistimewaan hendaklah diberi kepada mereka untuk berkecimpung di dalam apa juga perusahaan dan perniagaan yang mereka ingin menceburinya. Galakan dan dorongan hendaklah dengan seberapa boleh diberi kepada mereka. Harus bagi permulaan mereka itu berkongsi dengan bukan bumiputra dan janganlah dianggapkan Ali Baba. Sesuatu pemberian daripada Kerajaan itu sudah pasti mendatangkan sedikit sebanyak faedah kepadanya dan jika mereka tidak diberi apa-apa peluang atau kemudahan berniaga maka sudah tentu mereka itu tidak akan mendapat faedah satu sen pun. Lupakanlah bagi sementara waktu perkataan "Ali Baba."

Tuan Yang di-Pertua, saya juga diberitahu oleh sebilangan peniaga-peniaga dan pemborong-pemborong bumiputra iaitu ada kalanya Kementerian-kementerian atau Jabatan-jabatan Kerajaan menghantar pegawai-pegawai penguatkuasa menyiasat apabila kontraktor-kontraktor itu membuka satu-satu tender, untuk hendak mengetahui kedudukan seseorang pemborong itu. Tujuan ini adalah baik tetapi ada di antara pegawai-pegawai yang menjalankan tugas-tugas itu kadangkala bersikap kasar dan tidak memberitahu tarikh lawatannya. Tarikh lawatan mereka itu sepatutnya diberitahu kepada pihak kontraktor supaya bersedia menanti ketibaan lawatan pegawai-pegawai itu di pejabatnya semoga tujuan lawatan pegawai-pegawai itu berhasil, maklumlah pemborong-pemborong itu pun sibuk juga.

Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan yang berkenaan hendaklah menasihati pegawai-pegawai itu iaitu apabila menemui kontraktor-kontraktor yang dikehendaki ditemuinya hendaklah pegawai-pegawai itu bersifat sopan-santun dan budi pekerti yang baik sebagaimana diketahui bahawa kejayaan perlaksanaan satu-satu dasar atau projek Kerajaan tersebut adalah terletak di tangan pegawai-pegawai Kerajaan. Jika pelaksanaan itu baik maka baiklah nama Kerajaan itu dan apabila namanya baik sudah tentu rakyat akan memberi kerjasama yang sepenuhnya kepada

Kerajaan apatah lagi negara-negara luar akan memandang tinggi di atas kesetabilan pentadbiran negara kita.

Adalah juga diharapkan pegawai-pegawai seumpama ini hendaklah selalu diberi latihan kursus sivik iaitu 'brainwashed' mengenai dengan kerja-kerja mereka di dalam bidang hubungan dengan masyarakat dan ini adalah sesuai dengan dasar demokrasi iaitu Kerajaan yang dipilih oleh rakyat untuk rakyat.

Di dalam segi inflasi adalah didapati bahawa harga bahan makanan, alat-alat binaan, pakaian dan lain-lain lagi keperluan nampaknya tidak pernah turun harga, bahkan sentiasa naik. Ada di antara harga barang-barang keperluan itu terpaksa Kerajaan mengumumkan dan menetapkan harga kenaikannya, misalnya kenaikan harga simen, gula pasir, minyak petrol dan diesel, susu pekat dan lain-lain lagi.

Mengenai dengan perkara berbangkit, saya pernah diberitahu oleh pemborong-pemborong binaan dan makanan bahawa setelah setahun mereka memberi anggaran sebutharga (quotation) maka ada di antara barang-barang keperluan itu diisytiharkan naik harga oleh Kerajaan. Maka dengan kenaikan harga itu adalah difikirkan wajar Kerajaan menaikkan juga anggaran sebutharga barang-barang itu kepada pemborong-pemborong atau kontraktor-kontraktor yang berkenaan. Dengan berbuat demikian pada hemat saya Kerajaan akan dapat menolong dan membantu peniaga-peniaga dan pemborong-pemborong itu khasnya bumiputra yang baru sahaja menceburkan diri mereka berkecimpung di dalam perniagaan dan tujuan ini adalah sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru. Oleh hal yang demikian saya menyeru semoga Kerajaan Pusat dan Negeri dapat mengambil tindakan yang sewajarnya di atas perkara yang dibangkitkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelajaran, semenjak kita telah mencapai kemerdekaan bahawa Kerajaan yang telah kita pilih dan tubuh telah mengubah dan melaksanakan Dasar Pelajaran dengan menjadikan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa rasmi negara ini. Selain daripada itu Kementerian Pelajaran

telah berusaha memberi bantuan biasiswa dan dermasiswa kepada anak-anak kita untuk meninggi dan melanjutkan pelajaran mereka di dalam dan di negara-negara luar untuk membolehkan mereka itu kemudian kelak memimpin negara kita yang merdeka dan berdaulat ke arah kebahagiaan dan kemakmuran hidup di masa hadapan.

Saya sangat tertarik hati dan besar hati di atas keputusan Kerajaan meluluskan Tabung Amanah Pelajaran bagi membantu dan memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar Malaysia di seberang laut seperti United Kingdom dan lain-lain negara. Maka dengan berbuat demikian sedikit sebanyak kerumitan pelajar-pelajar itu akan dapat berkurangan. Dengan mendapat bantuan seumpama itu adalah diharapkan pelajar-pelajar itu akan sentiasa menumpukan taat setia mereka dan menjaga nama baik Kerajaan.

Di sini saya juga suka hendak menarik perhatian Kerajaan bahawa negara kita ada mempunyai beberapa banyak bilangan pelajar-pelajar Melayu yang belajar di Mesir mengambil berbagai-bagai jurusan pelajaran khasnya pelajaran Ugama Islam di Universiti Azhar. Setahu saya sebilangan daripada pelajar-pelajar itu mendapat biasiswa dan dermasiswa daripada Kerajaan Negeri masing-masing dan ada juga yang belajar dengan perbelanjaannya sendiri. Saya percaya keadaan kesusahan mereka di Cairo pun hampir-hampir sama dengan United Kingdom. Oleh hal yang demikian pinjaman-atau kemudahan mendapat bantuan biasiswa atau dermasiswa seumpama itu hendaklah juga ditimbangkan kepada pelajar-pelajar yang belajar di Cairo.

Saya juga berharap Kerajaan akan sentiasa menyampaikan kepada mereka itu dasar-dasar Kerajaan yang telah dan akan dilaksanakan dari semasa ke semasa. Ini amatlah penting kerana pada satu masa yang lampau saya telah melawat Cairo secara bersendirian dan telah dapat berjumpa dengan sebilangan pelajar-pelajar itu dan mereka telah mengemukakan beberapa soalan dan kemusykilan untuk mendapat penjelasan kerana mereka kurang mendapat penerangan-penerangan jelas mengenai dengan pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan. Jika sekiranya perkara-perkara

yang saya sebutkan itu belum dilaksanakan maka adalah disyorkan supaya Kerajaan berbuat demikian dengan seberapa segera yang boleh semoga perasaan tidak puas hati terhadap pentadbiran Kerajaan akan dapat dikurangkan atau dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan pertanian. Saya sangat-sangat tertarik hati di atas Dasar Pertanian Negara hendak menumpukan perhatian kepada memodenkan sektor pertanian untuk meninggikan lagi taraf hidup penduduk-penduduk di luar bandar khususnya di dalam usaha memaju dan memodenkan perusahaan getah.

Sukacita saya maklumkan di Dewan ini bahawa adalah didapati masih ada lagi tanaman-tanaman getah yang terlampau tua yang luasnya 2 atau 3 ekar di mukim-mukim khasnya di negeri Pahang tinggal terbiar begitu sahaja dengan tidak ditoreh atau ditanam semula ataupun ditanam dengan pokok-pokok buah-buahan yang boleh mendatangkan hasil yang cepat untuk menampung kehendak-kehendak negara. Mengikut banci tahun 1980 adalah didapati bahawa bilangan penduduk-penduduk di Malaysia telah bertambah hampir 3 juta manusia. Maka dengan bertambahnya bilangan penduduk-penduduk itu sudah tentu negara kita berkehendakkan banyak tambahan jenis-jenis keperluan makanan harian.

Beberapa bulan yang lampau saya terbaca di dalam suratkhbar tempatan menyatakan bahawa negara kita masih mempunyai penganggur lebih kurang 65,000 terdiri daripada muda mudi yang berumur di antara 18-25 tahun. Satu kajian hendaklah dibuat supaya bilangan daripada tenaga muda mudi itu dapat digunakan untuk mendapatkan pengeluaran hasil negara. Di samping itu adalah juga menjadi dasar Kerajaan hendak mengembang, mengukuh, memaju dan meningkatkan kemakmuran ekonomi dengan menstabilkan dan meluaskan harga pasaran yang dieksport seperti kelapa sawit dan getah. Bagi memproses kelapa sawit dan getah banyak kilang-kilang telah didirikan oleh swasta-swasta dan bahan-bahan berkenaan di negara ini. Usaha-usaha yang gigih hendaklah dengan secepat mungkin

yang boleh bagi meninggikan jumlah dan nilai eksport barang-barang itu. Selain daripada kelapa sawit maka bahan-bahan utama yang lain seperti getah, koko dan lain-lain lagi hendaklah juga dimasukkan ke dalam Bursa Komoditi Kuala Lumpur yang telah ditubuh oleh Kerajaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam bidang perusahaan pengangkutan kita ketahui bahawa Kerajaan sentiasa berusaha meluas dan mengadakan berbagai-bagai kemudahan untuk faedah rakyat. Berkaitan dengan hal ini saya suka memberi sedikit pandangan iaitu mengenai dengan Lapangan terbang Mas di Kuantan. Lapangan terbang Mas di Kuantan nampaknya mendapat sambutan baik dari berbagai kaum yang menggunakan kapal terbang MAS berulang alik dari Kuantan ke Kuala Lumpur dan Kuala Lumpur ke Kuantan.

Sungguhpun demikian adalah didapati bahawa kerja-kerja membina sambungan tambahan bangunan di lapangan terbang itu mengambil masa begitu lama untuk menyiapkan hinggalah hari ini masih belum siap lagi. Pelancung-pelancung dari negara-negara luar pun didapati tiap minggu melancung ke pantai timur dengan menaiki kapal terbang MAS. Adakala jadual-jadual penerbangan yang ditetapkan itu tergendala dan penumpang-penumpang terpaksa menunggu dan menanggungkan perjalanan mereka kepada keesokan harinya. Adalah diharapkan perkara yang berlaku seumpama itu dapat diperbaiki dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sangat tertarik dengan perkhidmatan MAS ke Jeddah untuk membawa segolongan penumpang-penumpang berumrah ke tanah suci Mekah dan seterusnya menziarahi Madinah dengan cara package tour. Nampaknya perkhidmatan ini amat menggalakkan. Sungguhpun demikian suka saya mengesorkan kepada pihak berkuasa supaya MAS dapat memperbaiki lagi lawatan-lawatan itu dengan mengadakan pemandu-pemandu iaitu "tourist guide" yang boleh bertutur dengan bahasa Kebangsaan atau menerangkan tempat-tempat bersejarah di masa lawatan mereka yang membuat Umrah itu dan juga diadakan pemandu-pemandu mereka di hotel-hotel yang telah ditetapkan

tinggal. Ini amatlah perlu kerana pelayan-pelayan hotel-hotel di Mekah dan Madinah itu tidak tahu bertutur dalam bahasa Kebangsaan ataupun Inggeris.

Jenis-jenis makanan yang dihantar ke hotel-hotel seharusnya diperbaiki juga. Dengan berbuat demikian saya percaya akan menggalakan lagi umat Islam di Malaysia ini membuat Umrah dengan cara selesa dan ini sudah tentu akan menambahkan lagi hasil pendapatan MAS di Malaysia dengan perniagaan di Saudi Arabia dan juga akan menambah lagi hubungan muhibbah di antara Malaysia dan Saudi Arabia.

Begitu juga mengenai dengan penagih dadah yang mana baru-baru ini saya telah diberitahu hampir 50,000 penagih dadah di seluruh Malaysia ini. Kerajaan telah berusaha berbagai-bagai cara dan begitu juga ibubapa yang terlibat tidak berasa senang hati kerana kebanyakan anak-anak mereka terlibat dalam perkara ini. Maka saya rasa ini adalah satu pandangan daripada saya kerana pada hari ini kita dapati banyak daripada pekerja-pekerja yang bekerja di kilang-kilang boleh dikatakan 2/3 daripadanya terdiri daripada wanita-wanita. Dengan sebab itulah mungkin satu daripada sebabnya pemuda-pemuda ini ketinggalan di belakang dan mereka tidak mempunyai kerja lain hanyalah menjadi penagih dadah. Kalaulah dapat dinasihatkan kepada swasta-swasta supaya bilangan pemuda-pemuda yang berkerja di kilang-kilang itu dapat meningkat lagi, tidak 1/3 sekurang-kurangnya separuh daripadanya saya rasa ini satu daripada cara dapat kita mengelakkan anak-anak kita itu menjadi penagih di masa akan datang. Rasa saya setakat inilah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang dapat saya berikan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdullah bin Salleh.

5.36 ptg.

Tuan Abdullah bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi melafaskan ucapan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Baginda bagi Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Parlimen Kelima pada 16hb Mac yang lalu. Titah

Baginda adalah meliputi aspek bagi melaksanakan Rancangan Malaysia Keempat yang bermula pada tahun 1981 ini. Juga dipercayai adalah hasil kajian 10 tahun yang lalu dalam mana Kerajaan melaksanakan Rancangan Malaysia Kedua dan Rancangan Malaysia Ketiga. Dalam Rancangan Malaysia Keempat Baginda bertitah di antaranya Kerajaan akan menumpukan kepada pencapaian perpaduan rakyat menerusi rancangan-rancangan di bawah Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk mencapai perpaduan rakyat yang berbilang kaum di negara ini memerlukan merangkumi berbagai aspek seperti satu bahasa, satu kebudayaan nasional, sistem pelajaran dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Kita semua sudah sedar bahawa adakalanya rakyat ini telah diseleweng oleh setengah-setengah parti politik tentang ketidakadilan Kerajaan, sesungguhnya tuduhan parti-parti politik ini adalah tidak berasas sama sekali dan hanya untuk memenuhi kepentingan politik mereka semata-mata. Mereka cuba memecahbelahkan rakyat yang ingin hidup di dalam suasana harmoni dan aman damai. Sebenarnya kebanyakan rakyat Malaysia kurang mengetahui tentang sejarah negara kita yang sebenarnya. Namun demikian, mereka tidak boleh dipersalahkan dalam hal ini. Yang wajar dipersalahkan ialah fakta-fakta sejarah yang ditulis oleh penulis-penulis barat yang cuba memesongkan hakikat sejarah tanahair yang sebenarnya.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan di sini agar pihak Kerajaan mengubahsuaikan buku-buku sejarah tanahair dengan mengarahkan ahli-ahli sejarawan tempatan berpadu tenaga ke arah itu dan perlu ditekankan bagaimana selama 100 tahun kaum bumiputra telah ketinggalan dalam segala aspek kehidupan terutamanya dalam bidang ekonomi dari tahun 1850-1950. Semuanya ini adalah berpunca dari penjajahan Inggeris dan kemasukan kaum pendatang ke lombong-lombong bijeh dan ladang-ladang getah. Di samping itu ingin saya mengesyorkan juga di sini agar matapelajaran sejarah dijadikan matapelajaran wajib dalam semua kursus di peringkat sekolah menengah dan di institusi pengajian tinggi, ini termasuklah dalam

bidang perubatan, kejuruteraan, sains dan seumpamanya. Di samping itu ingin saya mengesyorkan juga di sini agar mata-pelajaran sejarah dijadikan matapelajaran wajib dalam semua kursus diperingkat sekolah menengah dan di institusi pengajian tinggi, ini termasuklah dalam bidang perubatan, kejuruteraan, sains dan seumpamanya.

Tuan Yang di-Pertua, langkah seperti ini akan dapat menyedarkan rakyat terutama para generasi muda betapa pentingnya tentang pengetahuan dan hakikat sejarah tanahair sebagai satu alat perpaduan yang paling berkesan, malah langkah menjadikan sejarah sebagai matapelajaran wajib telahpun dilaksanakan dengan jayanya di negara-negara barat. Dengan cara yang demikian usaha untuk menyatupadukan rakyat dari berbilang kaum dan mengelakkan suara-suara lantang tentang ketidakadilan Kerajaan akan terlaksana. Dengan pemahaman yang jelas tentang kedudukan sejarah yang sebenarnya maka barulah wajar kita menggunakan Bahasa Malaysia, kebudayaan nasional dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru sebagai usaha-usaha untuk menjamin ketahanan rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Sistem 3M yang diumumkan oleh Menteri Pelajaran baru-baru ini dan akan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 1983 dan sebelum itu Kerajaan akan memilih sebanyak 300 buah sekolah rendah di seluruh negara bagi memperkenalkan kurikulum 3M sebagai percubaan pada tahun hadapan. Sekolah-sekolah yang dipilih sebagai percubaan itu Kerajaan akan memberi sepenuh perhatian seperti peruntukan wang sebanyak \$5,000 pada tiap-tiap satu kelas, perhatian yang lain juga akan diberi termasuk tenaga guru, memperlengkapkan khutub-khanah sekolah dan sebagainya demi menjamin masa depan murid-murid. Sekolah-sekolah percubaan yang akan bermula pada tahun hadapan itu ialah untuk memastikan sama ada Sistem 3M itu berjaya atau tidak. Sekiranya sistem baru itu berjaya maka Kementerian Pelajaran telah dapat menghasilkan satu daya pemikiran yang tersendiri yang dirancangan khas di negara ini dengan berpanduan suasana alam Malaysia sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan sistem baru itu Kementerian Pelajaran hendaklah lebih berhati-hati agar matlamat yang dicita-cita itu akan terlaksana dan dengan terlaksananya sistem baru itu maka dapatlah menyelesaikan masalah sebahagian besar murid-murid yang lulus sekolah rendah yang tidak boleh membaca, menulis, mengira dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang penyusunan semula Kementerian Pelajaran saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran, langkah penyusunan semula itu adalah satu langkah yang bijak, berani dan memandang jauh ke hadapan. Dengan penyusunan semula itu tentulah akan mewujudkan beberapa jawatan-jawatan baru sama ada di peringkat Negeri, mahupun di peringkat Daerah untuk meninggikan taraf pencapaian pendidikan dan pentadbiran yang lebih cemerlang bagi masa yang akan datang. Di samping membuat penyusunan semula itu saya harap Kementerian Pelajaran hendaklah memberi perhatian yang sungguh-sungguh kepada Pengelola-pengelola di Jabatan-jabatan Pelajaran di Daerah-daerah dan Negeri-negeri yang ada sekarang ini bagi memantapkan jawatan dan kedudukan mereka yang mana bilangannya tidak sampai 400 orang di seluruh negara, iaitu terdiri daripada mereka dalam Kategori C2.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ganjil adalah berlaku kerana mereka ini diberi tugas untuk memerhati dan memastikan perjalanan pentadbiran dan pendidikan di peringkat sekolah sedangkan ramai bilangan guru-guru besar di peringkat sekolah berkedudukan lebih tinggi daripada mereka. Bagaimanakah mereka ini hendak menjalankan tugas dan sebagainya sedangkan mereka lebih rendah dari guru besar yang tersebut tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Penyata Rahman Talib, jawatan Pengelola-pengelola Sekolah memang diperakui sebagai pegawai yang menjadi tulang belakang antara Jabatan Pelajaran dengan sekolah-sekolah, tetapi malangnya mereka ini kerana sudah dua kali penyemakan dan penyusunan jawatan dibuat dan yang terakhir dengan Skim Kabinet, maka kedudukan Pengelola-pengelola itu

adalah berada di peringkat yang lama juga, yakni mereka ini ditinggalkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penyusunan semula Kementerian Pelajaran kali ini saya berharap mereka ini tidak akan ditinggalkan lagi. Pengelola-pengelola tidaklah hendak meminta kedudukan yang tinggi seperti B1 tetapi berilah kepada mereka kedudukan yang menasabah dan sesuai dengan jawatannya sebagai Pengelola-pengelola Sekolah dan sebagai orang yang menjadi tulang belakang antara Jabatan Pelajaran dengan sekolah-sekolah, maksud saya berilah kepada mereka taraf C2 Tingkatan Tertinggi.

Tuan Yang di-Pertua, sekian ucapan saya. Sekali lagi saya menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Baginda.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dr Choo Kooi Fook.

5.45 ptg.

Dr Choo Kooi Fook: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk menyokong dan mengucap tahniah kepada Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Kelima di mana Baginda telah sangat mementingkan corak masyarakat yang kita bersama-sama hendak membina, iaitu sebuah masyarakat yang berdisiplin, bertanggungjawab, berdikari dan beriman.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat Dasar Ekonomi Baru ialah:

- (1) membasmi kemiskinan; dan
- (2) menyusun semula masyarakat kita dengan tujuan membentuk masyarakat yang bersatu padu.

Ini boleh dikatakan sudah sampai ke pertengahan prosesnya, sementara matlamat-matlamatnya bersifat unggul perlaksanaannya jauh daripada ideal kerana dalam proses implementasinya telah tercetus beberapa masalah. Salah satu daripadanya yang sangat-sangat serius ialah polarisasi kaum. Dasar Ekonomi Baru dalam perlaksanaannya sangat mementingkan kejayaan kebendaan, maka secara tidak langsung menghasilkan dua sifat golongan manusia, iaitu golongan

satu yang bersifat tamak haloba, yang kedua yang merasa diri mereka ketinggalan dalam mengejar kemajuan materialistik yang dibawa oleh proses ini. Kalau kita mudah mencapai kejayaan-kejayaan khususnya kejayaan materialistik amatlah tidak menghairankan lagi jika Dasar Ekonomi Baru yang diterima sebagai adil dan saksama 10 tahun yang lalu akan dianggap tidak memadai pada masa yang akan datang.

Tidak dapat dinafikan bahawa kepuasan manusia memang tidak ada batasnya. Kalau seseorang individu itu diberikan lebih, perasaan untuk memperolehi yang lebih lagi pula dihasratinya. Memang tidak ada kepuasan selagi kejayaan individu tersebut tidak bersendikan kebolehan dan kesungguhan seseorang. Hal ini jelas kelihatan dalam kenyataan yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah dalam Dewan Rakyat yang kemudiannya disiarkan dalam *Berita Harian* pada 8hb April, 1981 yang berbunyi:

“Institusi kepentingan bumiputra dan bumiputra persendirian kini memiliki \$411.5 juta atau 77.4% dari ekuiti warganegara Malaysia dalam 21 bank tempatan di negara kita. Bukan bumiputra pula cuma memiliki \$120.4 juta dari ekuiti tersebut atau sekadar 22.6% sahaja”.

Makluman ini memang menyokong apa yang saya perkatakan tadi iaitu kehendak manusia tidak terbatas. Makin lebih dimilikinya, maka lebih dikehendakinya. Adalah sangat dititikberatkan oleh Yang di-Pertuan Agong kita dalam hal ini seperti yang diperlihatkan di dalam Titah Ucapannya yang Berbunyi:

“Beta menyeru rakyat jelata supaya tidak terlalu bersifat kebendaan dan tamak”.

Ini amat mustahak dalam usaha kita untuk mencapai masyarakat yang adil seperti yang disebutkan tadi. Penekanan Baginda untuk mewujudkan masyarakat yang adil dari rakyat yang berdisiplin, berdikari bertanggungjawab dan beriman memang digemari di masa ini. Seseorang memang tidak dapat mencapai kepuasan selagi kejayaannya tidak berpandu kepada kebolehan atau meritnya, kerana adalah semula jadi setiap individu mempunyai

tanggungjawab untuk menyumbang kepada kepentingan masyarakatnya. Perkara ini juga ditegaskan oleh Baginda dalam Titah Ucapannya yang berbunyi:

“Sikap bantu membantu antara satu sama lain bagi mencari kemajuan haruslah menjadi ethika kerja bagi seluruh rakyat.....”

Keadilan dalam konteks negara kita dan semua ugama tidak bererti mencari makanan atau bekalan bagi yang lemah. Dia juga meminta kerja dan usaha dari mereka agar apa yang diterimanya adalah haknya. Ini yang dikatakan dignity insan yang asas dan juga merupakan pil yang pahit.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang timbul ialah mengapakah kita tidak berani dan bersifat ikhlas untuk mengambil pil itu yang merupakan jawapan bagi mewujudkan masyarakat yang sihat. Walaupun masyarakat begini yang kita idam-idamkan, namun semangat lemah kitalah yang menjadi penghalang mencapai hasrat kita ini. Kita tidak boleh membiarkan keadaan ini berterusan seperti yang disifatkan dalam bahasa Inggeris:

“A twilight zone of see no evil, hear no evil and say no evil”.

Terdapat tanda-tanda keengganan setengah-setengah golongan yang memegang jawatan kanan dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru untuk membuat sesuatu secara ikhlas dan saksama telah menimbulkan frustrasi di kalangan masyarakat kita. Kesan penyelewengan ini bukan sahaja menghasilkan sekolah-sekolah yang berasingan (sekolah berasrama penuh) malah institusi-institusi yang bersifat perkauman baik pertubuhan belia-belia dan pelajar-pelajar mahupun pertubuhan kesukanan. Begitu juga dasar Ekonomi Baru yang bertujuan membasmi identifikasi kaum berdasarkan pekerjaan, tidak berkesan akibat dari penyelewengan yang dilakukan oleh kaum yang lebih kuat. Keengganan kita to take the bull by the horns telah menyebabkan kita berulang kali melakukan perkara-perkara yang Allahyarham Tun Abdul Razak berikhtiar tidak mahu

melakukannya dan isu-isu yang sering diketepikan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan aliran perkembangan masyarakat kita ini dan juga dichotomy golongan bumiputra dengan golongan bukan bumiputra di dalam konteks Malaysia perkembangan negara kita tidak menyediakan keadaan yang sesuai bagi perkembangan masyarakat yang bersatu-padu dengan mengikiskan masalah-masalah perkauman walaupun kita akan berjaya menyusun semula masyarakat pada tahun 1990.

Kita bergantung kepada para pemimpin kita untuk memupuk semangat perpaduan dan sikap toleransi di kalangan rakyat serta menyakinkan mereka agar berusaha untuk mengurangkan jurang perbezaan di antara yang kaya dengan yang miskin sama ada sama kaum ataupun antara kaum supaya pada suatu masa tertentu mungkin pada tahun 1990 semua rakyat dapat menikmati hak yang sama. Ini seterusnya akan mengikiskan sebarang dichotomy antara golongan bumiputra dan golongan bukan bumiputra. Ini adalah matlamat Dasar Ekonomi Baru. Malangnya amat dikesali bahawa dengan berlakunya penyelewengan-penyelewengan ini telah menjejaskan perpaduan kaum dan seterusnya menjadi penghalang ke arah ini.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya merujuk kepada laporan *Berita Harian* yang bertarikh 24hb Februari, 1981 yang menyiarkan kata-kata yang dilafazkan oleh seorang pemimpin kanan dari Barisan Nasional yang berbunyi:

“Semua kemudahan dan bantuan kepada bumiputra akan diberhentikan malahan hak-hak istimewa orang-orang Melayu juga akan dihapuskan jika ekonomi dan taraf hidup mereka telah setanding dengan rakyat bukan Melayu di negara ini.”

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya tidak ada sesuatu yang lebih adil dan saksama dari kata-kata yang dilafazkan sesuai dengan matlamat-matlamat kemerdekaan, Pemimpin tersebut boleh disifatkan sebagai seorang yang ikhlas lebih-lebih lagi seorang negarawan yang benar-benar agong, beliau mungkin dapat digelar sebagai bapa masyarakat Malaysia. Sebenarnya negara

Malaysia memerlukan lebih banyak pemimpin-pemimpin yang berkelibar seperti itu. Malangnya sehari kemudian, pemimpin ini menjelaskan dalam suratkhbar itu juga bahawa apa yang diperkatakan adalah satu kesilapan dan bukan bermaksud yang ingin disampaikan. Ucapan itu dibetulkan dan berbunyi demikian:

“Beliau sendiri tidak setuju hak-hak istimewa orang-orang Melayu dihapuskan, biarlah hak-hak itu kekal untuk menjaga kepentingan orang Melayu yang akan datang.”

Tuan Yang di-Pertua, adalah amat menghampakan bahawa para pemimpin kita masih belum bersedia memegang kepada kebenaran. Mungkin mereka cuba mengelak masalah-masalah yang akan timbul dari sesuatu yang diperjuangkannya itu. Kalau rakyat kita telah dapat menerima sesuatu yang dianggap benar oleh pemimpin kita adalah harus menjadi kewajipan serta tanggungjawab pemimpin-pemimpin kita menjelaskan kepada rakyat agar pandangan mereka akan bertambah luas.

Kiranya kita mengikuti kehendak rakyat walaupun dia akan menjejaskan perpaduan kaum, kita menunjukkan sifat kelemahan dalam kepimpinan kita yang merupakan sesuatu yang harus dielakkan khususnya dalam masyarakat majmuk dalam sebuah negara yang sedang membangun.

Tidakkah Baginda kita berseru supaya kita meletakkan kepentingan negara di atas segala kepentingan yang lain? Cubalah kita fikirkan apakah kepentingan utama negara kita, kalau ia bukan keamanan, kemajuan dan kesamaan maka bagaimanakah kita dapat mencapai dalam masyarakat yang berbilang kaum sekiranya tidak terdapat semangat perpaduan dan persefahaman di kalangan kaum-kaum, dan bagaimanakah semangat ini dapat dicapai kalau kita tidak mengamalkan sesuatu yang kita perkatakan. Memang tidak dinafikan perkara-perkara inilah yang menjadi sumber utama yang menyebabkan frustrasi dan perasaan ketidak tenteraman di kalangan rakyat kita. Justeru itu, Titah Baginda dalam Ucapannya bagi mewujudkan masyarakat yang terdiri dari rakyat berdisiplin, berdikari, bertanggungjawab dan

beriman. Masyarakat adalah terdiri daripada individu-individu, oleh kerana itu sifat-sifat ini harus diterapkan dalam masyarakat kita. Orang yang berdisiplin haruslah melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya supaya ia dapat berbakti kepada ugama, bangsa dan tanahair. Inilah perkataan-perkataan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kita.

Orang yang bersifat berdikari adalah orang yang bergantung kepada usaha dan inisiatifnya dalam mencari rezekinya dan bukan bergantung kepada Kerajaan ataupun lain-lain pihak selama-lamanya. Sifat beriman di sini bermaksud orang yang tidak meletakkan kebendaan di atas prioriti-prioritinya tetapi menganggap luno-luno Ugama lebih penting dari segala-galanya.

Tuan Yang di-Pertua, ini dapat disimpulkan bahawa pemimpin-pemimpin kita haruslah mengurangkan perjuangan-perjuangan yang boleh menjadi penghalang perpaduan kaum. Yang penting ialah pemimpin-pemimpin, para pegawai Kerajaan dan setiap anggota masyarakat kita haruslah mengamalkan Titah yang ditujukan kepada kita oleh Baginda dalam ucapannya. Pendekata, ini merupakan kunci yang dapat menyelesaikan masalah-masalah kita dan seterusnya dapat mewujudkan sebuah masyarakat yang makmur, maju dan aman.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah.

6.04 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana diberi peluang walaupun di saat-saat akhir. Sebelum saya berucap menjunjung kasih dan mengalu-alukan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, tampuk, puncak dan unggul negara kita.

Saya suka menyentuh sedikit apa yang diucapkan oleh sahabat saya yang baharu sebentar tadi yang telah menyentuh hak utama bangsa Melayu. Apabila saya bercakap hal ini, selalu saya bercakap dalam

Dewan ini. Siapa juga yang menyentuh hak utama bangsa, ini adalah sensitif, tidak boleh dibiarkan. Apa lagi apabila dia mengkritik pemimpin-pemimpin agong Melayu. Saya rasa ini juga satu perkara dalam Barisan Nasional yang memalukan, diucapkan dalam Dewan yang mulia ini dan saya dengan gentlemen meminta dia menarik balik, kalau benar dia sebagai seorang ahli Barisan Nasional di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya selalu berkata dalam Dewan yang mulia ini, kita adalah menjunjung hak asasi bangsa kita. Kita adalah menjunjung hak utama. Di dalam United Nations sana mengaku hak asasi bangsa-bangsa di dalam dunia ini. Dapatkah sesiapa di dalam Dewan ini mengatakan itu tidak betul iaitu hak asasi utama di mana-mana juga dalam dunia ini. Katalah dalam negeri India, maaf saya kepada orang India. Siapakah hak asasi yang utama dalam negeri India, mestilah orang India. Walaupun 100 juta orang daripada bangsa lain datang duduk dalam negeri itu mengaku kerakyatannya tetapi dia tidak boleh menafikan hak utama, hak asasi yang diakui oleh International Law yakni hak asasi bumi dalam negeri itu.

Sebagai bangsa Melayu adalah hak asasi negeri ini adalah negeri Melayu Semenanjung Tanah Melayu. Siapa pun tidak boleh dolak-dalikkan. Undang-undang kanun dunia pun tidak boleh menafikan hak asasi bangsa Melayu. Sebab itu apabila kita mahu merdeka, kita telah menjadikan dia undang-undang yang siapa pun tidak boleh sentuh. Kita telah catitkan dalam undang-undang kita hak asasi bangsa Melayu terjamin, sama jugalah hak Raja-raja dan Yang di-Pertuan Agong terjamin, jangan disentuh, jangan digangu-gugat oleh sesiapa sahaja, apa lagi kalau seorang itu mengaku dia seorang demokrasi dalam dunia ini tetapi tidak menghormati apa yang dikatakan demokrasi yang disebutkan itu. Sangat indah dia bercakap demokrasi hendak persamaan, hendak keadilan tetapi sebenarnya dia tidak mahu keadilan, tidak mahu mengaku hak asasi yang sebetul-betul dan setulin-tulinnya dalam negeri ini.

Saya amat sedih dan terharu, Tuan Yang di-Pertua, apa lagi mengkritik hak asasi bangsa Melayu sebagai hak bumi dalam

negeri ini yang tidak dapat dinafikan. Lebih daripada itu berani mengkritik pemimpin yang dia sendiri masuk menjadi anggota pemimpin itu sendiri apabila dia memperkatakan keadilan dan keunggulan apa yang diucapkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Dalam Titah Ucapan Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong, Duli Yang Maha Mulia tidak sekali-kali menyentuh dan meniadakan hak asasi bangsa Melayu sebagai hak istimewa sebagaimana yang ada dalam undang-undang. Mengapakah yang ini disentuh, dibabitkan dengan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengenai hak istimewa bangsa Melayu? Saya tidak faham Yang Berhormat sahabat saya ini perkatakan itu, adakah dia mengerti ataupun mengerti hakikat undang-undang negeri ini yang telah dikanunkan ataupun sengaja dibuat-buat bagi mengusik sentimen bangsa Melayu dalam negeri ini?

Saya selalu bercakap hal ini. Apabila saya bercakap, saya sendiri mengingatkan, saya tidak bersedia menyediakan diri sebagai emosi, sebagai sentimen, tidak. Saya datang dalam Dewan ini mengangkat sumpah berjanji menjunjung hak negara, menjunjung undang-undang, menjunjung Rukunegara negeri ini. Apa yang telah dikanunkan, memang kita junjung dan kita angkat sumpah di dalam Dewan ini, tetapi siapa sahaja, waima siapa sahaja dalam Dewan ini kalau mengugat hak undang-undang yang sudah kita restukan, kita akan tentang siapa sahaja, bukan menentang secara emosional tetapi menentang secara kekeliruannya memperkatakan dalam suara-suaranya yang manis dan lemak seperti itu tetapi menikam jiwa hak asasi bangsa bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengingatkan semua Ahli-ahli Dewan termasuk Menteri semua sekali apa yang kita sudah tanamkan ini harap janganlah dibangkitkan di masa hadapan. Kita mahu perpaduan, kita mahu rasa hormat menghormati tetapi kita ikutlah lunas-lunas demokrasi yang kita sudah jalin bersama, yang sudah kita akui bersama, yang kita sudah restui sama dalam Barisan Nasional yang kita sudah sama-sama faham; apa lagi dalam Titah ketua yang unggul dalam negara

kita ini kita tidak boleh selewengkan dengan sebarang ucapan-ucapan yang menentang balik ataupun menikam balik tujuan yang hak dan asasi yang diucapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang kita semua di bawah naungannya. Tidak sepetah pun Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda dalam ini yang mengusik atau mencabar hak Undang-undang Perlembagaan yang sudah dikanunkan hak asasi ataupun hak istimewa bangsa Melayu sebagaimana yang disebut oleh sahabat saya itu. Sebab itu saya kata tadi dia harus menarik balik ucapan yang disentuhnya dan menyamakan seperti yang dikatakannya semasa dia membaca tiap-tiap ayat, ucapan yang kita pandang agong, yakni daripada Raja kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sementara itu saya hentikan mengenai bidas ini, saya harap sahabat saya itu juga seorang gentleman, berani mengkritik dan berani menerima perkara yang benar. Ingatlah ucapan saya ini seperti titik-titik hujan yang turun dari langit, memberi guna kepada yang memberi dan memberi faedah kepada penerima.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya rasa hendak bercakap sedikit berkenaan dengan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sebelum saya menyentuh beberapa perkara yang saya hendak sebutkan ini sebab saya pandang luas dan kita meluputi secara tidak langsung menimbulkan harmoni, perpaduan dan semangat konkrit, rasa hormat menghormati sebagaimana kita kata semangat keimanan, barangkali saudara-saudara kita mesti faham apabila kita sebut iman ertinya percaya. Kita Percaya kepada kebenaran, pada hak lunas-lunas yang adil, saksama, mengakui yang benar-benar dan iman kepada Tuhan ertinya percaya kepada Allah; sebagai orang Islam kalau iman kepada Allah, percaya kepada Allah segalagalanya kita mesti dasarkan jalan yang hak, yang benar, yang lurus dan memberi manfaat kepada seluruh manusia.

Saya mengakui apa yang dilunaskan dalam Rukunegara, apa yang dilunaskan undang-undang dalam negara kita ini adalah sudah

direstui dengan iman, kepercayaan yang sungguh-sungguh bagi menyelamatkan semua kaum dalam negeri ini. Tidak ada satu patah dalam Rukunegara, tidak ada satu patah dalam undang-undang negeri kita sekarang yang boleh merosakkan siapa juga penduduk dalam negeri ini waima dia bangsa apa sekalipun bahkan dengan baiknya dalam undang-undang kita ini hingga rakyat dua negeri boleh mendapat satu keadilan demokrasi dalam negara kita, boleh berniaga, boleh datang melawat, boleh berkawan, boleh menjalankan apa-apa sahaja dalam negeri kita ini. Saya rasa payah dalam negeri-negeri lain boleh kita dapat, begitulah demokrasi pentadbiran negara kita ini. Sama juga kita melawat luar negeri tak banyak negeri-negeri lain yang boleh membenarkan bangsa-bangsa lain dengan berleluasa, bukan sahaja datang, boleh berniaga, boleh mencari kekayaan seperti yang kita buat dalam negara ini.

Ada juga manusia mengatakan ini bukan demokrasi, pemimpin kita ini tidak adil, sentimen perkauman, ada juga orang berkata begitu. Inilah dikatakan orang diberi betis hendakkan peha, buat baik diberi gula, dibalas sebaliknya. Saya tidak faham.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak memberi pandangan saya. Saya menyentuh ucapan ini iaitu apa yang paling penting yang patut saya sebut demi keselamatan negara kita ini. Negara kita Malaysia—dahulu tuan-tuan pun tahu, negeri Malaysia ini bukan Malaysia tetapi Semenanjung Tanah Melayu. Negeri Malaysia ini namanya Semenanjung Tanah Melayu. Jangan dilupakan ini sebab negeri Melayu jadi saya terpaksa menyebutkan ini sebab dalam rangkai kata selalu menyentuh hak istimewa bangsa Melayu, Malaysia ini dinamakan Semenanjung Tanah Melayu,uduknya dalam Gugusan Pulau-pulau Melayu, seluruh Kepulauan Melayu, keliling dalam lautan teduh ini, saya tidak hendak sebut juga jadi negeri jiran kita dinamakan Kepulauan Melayu tetapi siapa pun tidak boleh menafikan Malaysia ini asalnya dinamakan Semenanjung Tanah Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap mengenai keselamatan Malaysia;

biarpun sudah bertukar daripada Semenanjung Tanah Melayu kepada Malaysia, tidak mengapalah, orang Melayu biarpun dahulu hak asasi bangsa Melayu ditukarkan kepada Malaysia tidak mengapa, kita terima sebab demokrasi sudah memberi peluang kepada sahabat-sahabat kita mencari sama hak, sama hidup aman damai dalam negeri ini. Sekarang saya hendak menyebutkan keselamatan Malaysia. Keselamatan Semenanjung Tanah Melayu yang saya hendak sentuh.

Tuan Yang di-Pertua, negeri kita ini walaupun sudah dalam ASEAN dan menjadi sebahagian daripada negeri ASEAN yang kita rasa keadaan kita kukuh sedikit; pepatah Melayu mengatakan kalau sebatang lidi tidak kuat tetapi kita sekarang ini tidak ada 100 batang lidi, kita lima batang lidi dalam ASEAN tetapi pendapat saya lebih kuat daripada 100 batang. Walau bagaimanapun dalam ombak politik sejagat seluruh dunia, begitu juga khasnya yang kita hendak ambil negara-negara rantau teduh atau negara-negara di rantau ini harus kita ambil perhatian yang berat terutamanya daripada pihak Kementerian Pertahanan, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Dalam Negeri supaya berjaga-jaga dengan lebih hebat dan lebih saksama dan lebih berani dengan menyediakan payung sebelum hujan. Bahaya-bahaya komunis tidak hilang bahkan kita pun tahu sebelum kita merdeka dalam penjajah British lagi bahan-bahan komunis menjalar ke negeri kita ini, sampai sekarang pun bahan-bahan komunis menjalar lagi, subversif komunis, siapa pun tidak menafikan.

Sebagai negara demokrasi, negara kita bersama semua bangsa yang mendapat tempat yang baik bahkan bukan bangsa Melayu. Ma'af saya bercakap, ada sebahagian terlebih baik, seribu kali ganda lebih hak bumi ini baiknya dalam negeri ini. Bukan seorang, ramai kalau dibandingkan bumiputra sangat sedikit, bumiputra ini dapat lebih-lebih barulah sekarang ini oleh sebab Barisan Nasional kita ini mendapat sedikit naik, itu pun boleh dibilang, di depan inipun orang susah hati terhadap bumiputra ini. Apa ini diberi hak istimewa, jadi saya hendak sebutkan perkara ini, bahaya-bahaya

komunis dalam negeri kita ini yang memang daripada sekarang kita tahu ada. Ini yang saya hendak ingatkan. Kalau kita selangkah lagi ke luar tidak berapa jauh di rantau kita ini, saudara pun tahu di Kemboja, di Vietnam, di Thailand hingga di sempadan-sempadan sudah dijangkiti bahaya-bahaya ini, tengoklah tadi pun kita bercakap mengenai Afganistan siapa itu, komunis juga, Di Vietnam atau di mana pun komunis juga.

Yang menjadi subversif negeri ini pun banyak komunis juga, apakah orang-orangnya, saudara-saudara pun tahu, jadi bahaya-bahaya komunis ini harus kita sedari dengan hakikatnya yang nyata, bukan Kerajaan sahaja, bukan Kementerian sahaja tetapi semua kita rakyat negara yang bertanggungjawab, semua harus bertanggungjawab sama ada duduk di bandar, di kampung di seluruh pelusuk tanahair kita ini harus sedar dan menahankan bahaya-bahaya komunis ini. Bahaya komunis ini tidak mengira siapa, setengah daripada kita pun sudah berjalan dalam negeri komunis, kita memerhatikan apa akan terjadi kalau kita ini dimiliki oleh komunis ataupun ditakluki oleh komunis yang akan datang. Bahaya-bahaya ini memang ada sebab itu kita semua seperti saya katakan tadi harus terjamin, harus kita menitikberatkan ini supaya kita terutama Ahli-ahli Dewan Negara ini, ahli-ahli yang menyokong undang-undang, yang menyokong segala-galanya bagi keutuhan negara ini harus sama-sama sedar apabila membincangkan perkara ini sama-sama mengambil bahagian membenters komunis dalam negara kita ini. Ada macam cara komunis, setengah dengan dakyah, setengah subversif, setengah orang bandar pun menyokong komunis, setengahnya bukan sahaja di kampung di bandar pun mereka ada agennya komunis dalam negeri. Ini yang kita harus celikkan mata seluruh rakyat negeri ini, siapa dia yang menjadi agen komunis dalam bandar ini. Siapa yang menjadi agen komunis di kampung, siapa dia agen komunis beri makanan dalam hutan? Adakah atau tidak agen komunis dalam negara kita ini? Cuba jawab sendiri.

Adakah komunis sudah licin, tak ada langsung atau adakah kita sedar komunis itu

ada dalam bandar, dalam kelab dan dalam perjumpaan-perjumpaan rahsia dalam negeri ini yang begitu banyak dan kadang-kadang setiap malam ada dibincangkan hal ini. Orang ini kita harus benteras dengan sungguh-sungguh kita ambil ingatan, harus sama-sama kita semua kaum, semua bangsa, jangan satu bangsa sahaja yang hendak mempertahankan negara. Saya ingin beritahu Dewan iaitu bagi pihak bumiputra bahawa pihak komunis tidak akan masuk sebab bumiputra ada mempunyai keimanan sebagaimana Titah Yang di-Pertuan Agong. Iman di dalam Islam tidak ada dua, Yang Maha Berkuasa dan Maha Mulia hanya Allah lain tidak ada. Jadi iman orang-orang Muslim, orang bumiputra tidak akan jadi komunis. Pijak ataupun langkah mayat kami, barulah komunis memerintah negara kami.

Jadi saya hendak berseru di sini bukan pengakuan ini perlu pada bangsa bumiputra sahaja, tetapi pada seluruh rakyat, tak kira apa bangsa yang duduk dalam negara ini mesti sama-sama mempertahankan negara bersungguh-sungguh. Mencari siapa yang menjadi agen komunis di bandar, siapa yang menjadi agen di kampung, siapa yang menjadi agen di kampung siapa yang agen di dalam hutan, siapa yang menjadi agen di sebalik kereta, lori dan sebagainya tengah malam. Kerajaan mesti perhatikan perkara ini dengan sungguh-sungguh supaya selamat negara kita ini. Inilah bahaya-bahaya besar sebagaimana saya katakan tadi dalam sejarah kalau kita memandangkan detik-detik gerakan komunis dalam dunia khasnya di rantau ini mungkin 15-20 tahun lagi kita menghadapi keadaan yang lebih hebat daripada pihak komunis dalam negara kita ini. Relakah kita meninggalkan generasi kita besok tunduk kepada komunis yang tidak mengakui Tuhan? Tidak ada kapitalis lagi dalam negara kita ini dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap itu yang mempunyai kantar besar, yang mana tidak ada dalam negara komunis, komunis tak mahu semua orang kaya, dia mahu negara komunis, dia mahu cara komunis. Redakah kita?

Sebab itu saya ulangkan balik, kita semua bertanggungjawab, semua bangsa hendaklah kita serukan tak kira apa juga rakyat negeri

ini yang mengaku taat setia kepada negara ini, yang mengaku di bawah panji-panji Yang di-Pertuan Agong seperti pengakuan kita sekarang mempraktikkan kata-kata mempraktikkan keimanan, mempraktikkan perpaduan, mempraktikkan saksama dan keadilan yang diminta itu dengan menentang bahaya dalam negara kita sendiri supaya kita sendiri selamat, anak-anak kita boleh belajar, keturunan boleh kaya-raya, keturunan boleh senang, bebas apa dia hendak pilih pekerjaan dalam negara kita ini, dia boleh hidup. Kalau hendak menjadi seorang yang kaya raya, negeri kita cukup kaya, minyak kita kaya, bijih timah kita kaya, getah kita kaya, kayu hutan kita kaya, tidak ada dunia boleh tanding kekayaan negara kita. Laut kita pula hampir mengelilingi negara, memberikan kita suasana hidup yang aman damai dan nyaman sepanjang masa di negara kita ini. Mengapa kita tidak bersama-sama berani bertanggungjawab mempertahankan bahaya-bahaya terutama bahaya subersif ataupun bahaya komunis dalam negara kita. Siapakah yang boleh membiarkan lagi, kita tidak suarakan lagi supaya agen-agen komunis kita berkas?

Saya yakin benar-benar kita beriman, benar-benar kita ada perpaduan dalam ertikata yang sebenar di kalangan generasi kita, semua komunis kita boleh tangkap. Tetapi malangnya, Tuan Yang di-Pertua, ada orang menjadi agen-agen komunis ini yang kita tidak sangka-sangka ada di dalam negara kita ini, dia duduk di sini dengan kaya raya, dia duduk dengan senang lenang tetapi satu tangannya dia tepuk untuk merosakkan generasi dia sendiri.

Jadi haruslah seluruh rakyat, kecil besar, tua muda dalam negara kita ini terutamanya yang mengaku taat setia yang mengaku berkehendakkan saksama dan keadilan yang hendak senang dan mengaku bekerjasama, bukan sahaja dalam hidup senang tetapi dalam saat kesusahan dan tanggungjawab kita mempertahankan negara kita. Inilah dikehendaki oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menjadi tonggak negara dan rakyat. Kepada Menteri berkenaan tiga perkara yang saya sebutkan tadi pertahanan laut negara kita khasnya harus dikawal lebih rapi, bahaya

subversif daripada laut kita yang luas mengelilingi negara kita yang mana negara kita seperti England juga hampir dikelilingi oleh laut, sebab laut kita panjang dan susah kita hendak jaga daripada bahaya komunis. Kalau tidak macam saya kata tadi semua rakyat, 13 juta ini kalau benar-benar bersatu yang bercakap hendak saksama, selalu mengatakan cintakan negara ini kita boleh atasi. Percayalah Ahli-ahli Yang Berhormat kalau kita bersatu macam saya katakan tadi, bersatu dengan sepenuhnya kita boleh hancurkan semua musuh-musuh negara dan kita boleh tangkap agen-agen komunis.

Sebenarnya agen-agen komunis ini pada pendapat saya senang sahaja menangkapnya, kalau mahu berkerjasama semua peringkat, kita boleh bezakan mana itik, mana ayam, mana beruk dan mana sang kancil. Kita tahu. Semua kita boleh bezakan tetapi malangnya tak ada kerjasama yang seperti ini. Kalau hendak mempertahankan negara daripada ancaman komunis berjuanglah dengan bermati-matian, beri kuasa penuh kepada setiap bumiputra, kita boleh pergi dalam hutan. Saya bercakap ini oleh kerana saya sudah melihat bahaya komunis di kawasan saya di Kuala Kangsar dahulu ditangkap dan dipancung leher seorang guru agama yang bernama Tuan Haji Salleh ditangkap, dipancung dan disepak kepalanya seperti bola, padahal dia mengajar keimanan, mengajak berbuat kebaikan kepada manusia. Melelehlah air mata kami melihatnya. Inilah bahaya-bahaya komunis, orang-orang yang sangat kita kesali yang mengancam negara kita ini.

Jadi kepada Kementerian berkenaan pertahanan laut, udara dan daratan kita hendaklah perkuatkan lagi. Biar ada pakar ekonomi mengatakan membazir perbelanjaan kerana mempertahankan negara, biarlah pendapat pakar ekonomi itu kerana dia memandang dari segi ekonomi sahaja, dia tak faham. Kita mahu kebahagiaan negara,

negara boleh hidup 100 atau 1,000 lagi. Kalau dia fikir dia seorang pakar ekonomi mengatakan rugi, tak usah keluar wang. Pedulikan dia. Sebagai seorang yang memandang untuk mengabadikan bangsa dan negara kita jangan hancur hendaklah memandang perkara ini dengan serius. Tambahlah pasukan tentera kita, tambah alat-alat senjata moden, tambah kereta kebal. Kawasan hutan kita di sepanjang sempadan Thailand hendaklah dibuka, jadikan bandar orang duduk, beri semua bangsa duduk di sana. Kalau ada satu bangsa yang belot, tangkap orang itu jangan peduli dia siapa, tahan sungguh-sungguh. Jadi kalau tiga bahagian pertahanan di dalam negara iaitu tentera polis dan pasukan sukarela yang saya pandang amat mustahak, mereka diberi senapang tetapi janganlah pasukan sukarela itu diberi kayu sahaja, kalau datang musuh bagaimana hendak melawan dengan kayu. Sayapun hairan bagaimana pasukan sukarela diberi kayu dan senapang patah sahaja. Buat apa? Berilah senjata moden, kita latih mereka, mengikut lojiknya tiga bulan cukup untuk melatih seorang soldadu. Saya dahulu pernah berkhidmat dalam volunteer British. Saya boleh mahir dalam masa tiga bulan, boleh pegang senapang, Bren-gun dan sebagainya, mengapa sekarang pasukan sukarela hanya diberi senapang patah? Saya pun hairan, saya minta sungguh-sungguh berilah senapang moden dan segala kelengkapan moden sebab untuk mempertahankan negara ini lebih penting.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat boleh menyambung ucapan pada hari esok.

Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, hari Rabu, 15hb April 1981.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.